وارِيسَن كلنتن

WARISAN KELANTAN

III

MONOGRAF PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN
IV

وارِيثن كلنتن

WARISAN KELANTAN
III

Diselenggarakan oleh
Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh

Diterbitkan oleh:
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
Istana Jahar
Kota Bharu, Kelantan.

Kandungan

VII PRAKATA

IX PENDAHULUAN

1 PERKEMBANGAN PENULISAN SEJARAH KELANTAN DAN TINJAUAN MENGENAI SUMBER-SUMBERNYA
Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh

38 SRIWIJAYA AWAL
Abdullah bin Mohamed (Nakula)

66 SEJARAH HUBUNGAN KELANTAN/PATANI DENGAN SULAWESI SELATAN
Abdul Rahman Al-Ahmadi

87 BANDAR KOTA BHARU: SEJARAH PERTUMBUHAN DAN PERKEMBANGANNYA
Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh

112 ABDUL KADIR ADABI DAN PERJUANGANNYA
Abdul Rahman Al-Ahmadi

132 BIODATA PENULIS

Prakata

SAYA bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin-Nya Perbadanan Muzium Negeri Kelantan sekali lagi dapat menerbitkan monograf keempatnya. Saya berasa bangga dan gembira kerana monograf keempat ini dapat diterbitkan bersempena dengan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ketiga Puluh Empat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan, Darulnaim.

Monograf Keempat ini, yang juga memakai nama "WARISAN KELANTAN" adalah lanjutan kepada usaha Perbadanan ini untuk mengumpul, mengkaji dan membukukan bahan-bahan yang berkaitan dengan sejarah dan budaya Negeri Kelantan untuk pengetahuan umum, khususnya golongan muda-mudi masa kini, dan generasi akan datang.

Adalah diharapkan semoga rencana-rencana yang terkandung dalam monograf terbitan ini akan menarik minat lebih ramai lagi penulis-penulis tempatan untuk berusaha mengumpul, mengkaji dan menulis pelbagai aspek yang ada hubungan dengan sejarah dan budaya Negeri Kelantan.

Perbadanan ini mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti di atas usaha dan peranan yang dimainkannya bagi menjayakan penerbitan monograf ini.

(HAJI ARIFFIN BIN SAID PSK, PCM, AMS)
Timbalan Menteri Besar/merangkap
Pengerusi,
Perbadanan Muzium
Negeri Kelantan

Kota Bharu, Kelantan
26 Mac 1984

Pendahuluan

SEBAGAIMANA yang pernah disebut dalam terbitan-terbitan yang lalu sebelum beberapa tahun kebelakangan ini Kelantan kurang diberi perhatian dalam persejarahan Malaysia. Di masa-masa yang lalu, selain daripada riwayat kedudukan Kelantan dalam hubungan di antara pihak Inggeris dengan pihak Siam dalam konteks sejarah Malaysia para sejarawan dahulu kurang memberi perhatian kepada unsur-unsur yang bukan bersifat politik dalam penulisan sejarah Kelantan. Bahkan di dalam bidang politik pun terdapat kecenderungan untuk menumpukan perhatian kepada kegiatan kuasa-kuasa politik antarabangsa lebih daripada pergolakan politik di dalam masyarakat tempatan di Kelantan. Justeru itu maka penuntut sejarah mempunyai perspektif dan pandangan sejarah Kelantan yang amat terbatas. Pada hal jika kita kaji sumber-sumber sejarah Kelantan yang ada ternyata sekali bahawa banyak juga pergolakan politik dan lain-lainnya lagi yang telah berlaku di dalam masyarakat Kelantan dan pergolakan-pergolakan itu setakat ini pada keseluruhannya belum lagi diperkenalkan atau diketengahkan selengkapnya untuk bacaan dan pengetahuan penuntut sejarah Kelantan. Hal ini berlaku disebabkan juga kerana boleh dikatakan kebanyakan daripada sumber-sumber sejarah Kelantan yang ada adalah masih di dalam bentuk manuskrip, yakni di dalam bentuk tulisan tangan, dan belum dicetak dan dikaji.

Walau bagaimanapun sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah ada usaha oleh universiti-universiti di tanahair khususnya Jabatan Sejarah dan Persatuan Sejarah di universiti-universiti tersebut seperti Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan, Persatuan Sejarah Malaysia dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kelantan serta penulis-penulis sejarah secara individu yang telah menerbitkan buku-buku dan rencana-rencana yang berkaitan dengan sejarah dan budaya negeri Kelantan. Usaha ini adalah merupakan satu pertanda yang baik lagi menggalakkan ke arah penulisan sejarah Kelantan yang lebih lengkap dan sempurna. Menyedari hakikat betapa penulisan sejarah dan budaya negeri Kelantan yang lebih lengkap dan sempurna masih lagi amat kekurangan maka Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah mengambil daya utama menerbitkan monografnya sendiri di bawah siri "WARISAN KELANTAN" yang dikeluarkan tiap-tiap tahun sejak dari tahun 1981. Dengan terbitan siri "WARISAN KELANTAN" ini adalah diharapkan pengumpulan, kajian dan penulisan aspek-aspek yang

perlu ditulis dan dibukukan sebagai sumbangan mereka kepada penulisan sejarah dan budaya negeri Kelantan. Betapa ruginya negeri Kelantan jika sekiranya segala pengetahuan dan pengalaman mereka yang berperistiwa itu hilang atau luput ditelan zaman. Semoga monograf ini akan memberi perangsang serta menggalakkan mereka yang berpengetahuan dan berpengalaman tentang segala aspek Warisan Kelantan untuk tampil kehadapan memberi sumbangan supaya seterusnya memberi pengetahuan kepada umum, khususnya rakyat negeri Kelantan, perihal sejarah dan sosiobudaya masyarakat Kelantan dan dengan itu pula mereka ikut membantu usaha-usaha untuk menghasilkan penulisan sejarah Kelantan yang lebih lengkap dan sempurna dan sejarah Malaysia yang baharu.

Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh
Pengerusi
Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

27 Mac 1984.

Perkembangan Penulisan Sejarah Kelantan Dan Tinjauan Mengenai Sumber-sumbernya

NIK MOHAMED BIN NIK MOHD SALLEH

NEGERI Kelantan adalah satu-satunya negeri yang tertua di Malaysia bahkan lebih tua usianya daripada Kerajaan Melayu Melaka yang agung lagi masyhur itu. Mengikut sejarah, Kerajaan Melayu Melaka telah dibangunkan di sekitar permulaan abad ke-15 Masihi, tetapi Kelantan telah pun wujud selewat-lewatnya di awal abad ke-13 Masihi sebagaimana yang dibuktikan oleh keterangan seorang penulis/pengembara bangsa Cina bernama Chau Ju-Kua yang menyebut bahawa pada tahun 1225 Masihi negeri Kelantan terletak di bawah takluk Kerajaan Sriwijaya.[1] Bahkan mungkin pula negeri Kelantan telah wujud lebih awal daripada abad ke-13 Masihi jika apa yang disebut negeri "Tan-tan" dan negeri "Chih-tu" oleh sejarah Cina di zaman lampau itu sebenarnya negeri Kelantan ataupun terletak di dalam wilayah Kelantan sebagaimana yang disarankan oleh beberapa sejarawan dan penyelidik sejarah. Mengikut sejarah-sejarah Cina itu negeri "Tan-tan" wujud dalam abad ke-6 dan ke-7 Masihi,[2] dan negeri "Chih-tu" pula wujud dalam abad ke-7 Masihi.[3]

Hakikat bahawa negeri Kelantan sebuah negeri yang tua usianya telah dibuktikan pula oleh hasil penyelidikan dan penggalian yang telah diseleng-

1 *"History of Kelantan"* oleh Tuan Anker Rentse dalam JMBRAS, Jilid 12 Bahagian 2, tahun 1934, hlm. 47.

2 *"The Golden Khersone"* oleh Paul Wheatley, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1961 (hlm. 51—55). Negeri *"Tan-tan"* dikatakan telah menghantar perutusan ufti ke negeri China pada tahun-tahun 530, 531, 535, 571, 581, 585, 616, 666-7 dan 668-9 Masihi (hlm. 118 dan 119).

3 "The Golden Khersonese" oleh Paul Wheatley, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1961 (hlm. 26—36). Negeri "Chih-tu" dikatakan telah menghantar perutusan ufti ke negeri China pada tahun-tahun 608, 609 dan 610 Masihi (hlm. 118—119).

sejarah tempatan (Kelantan),[7] dikatakan di zaman lampau ada beberapa buah negeri dalam Kelantan yang terletak di sekitar kawasan kampung-kampung Senok, Stan, Jembal, Bekalan Datu (atau Bekalan Ratu) atau Pangkalan Datu, Tabal (sekarang nama "Tak Bai" dalam Wilayah Narathiwat, Thailand Selatan) Chetok, Panchur (dalam daerah Kemumin, Kota Bharu) Jelasin (dekat Kampung Kota), Mahligai (dekat Kampung Melur) dan lain-lain lagi. Di kawasan-kawasan tersebut dikatakan pernah wujud beberapa buah negara kecil yang dikenali sebagai "Tanah Serendah Sekebun Bunga", "Cherang Tegayong" "Kisaran Payong" dan "Kuala Muda".[8] Dalam hubungan ini mungkin apa yang disebut oleh sejarah Cina iaitu: "Tan-tan" ialah negara "Stan" (juga dikenali Kampung Wakaf Stan); "Chih-tu" ialah "Tanah Merah"; dan "Fo-lo-tan" itu pula "Bekalan Datu" (atau Pangkalan Datu). Kemungkinan ini adalah merupakan pendapat penulis rencana ini semata-mata tanpa disokongi oleh bukti-bukti sejarah yang nyata.

Selain daripada nama "Tan-tan" dan "Ho-lo-tan" yang disebut oleh sejarah-sejarah Cina yang nampaknya hampir-hampir sama dengan nama "Kelantan", kita mula-mula mendengar nama "Kelantan" disebut orang ialah nama "Chi-lan-tan" yang buat pertama kali disebut oleh Chau Ju-Kua (seorang penulis bangsa Cina di zaman lampau). Chau Ju-Kua mengatakan negeri "Chi-lan-tan" (atau Kelantan) pada tahun 1225 Masihi adalah di bawah takluk kerajaan Sriwijaya.[9] Kemudian syair Jawa Kuno bernama "Nagarakretagama" yang dikarang oleh Prapanca dalam tahun 1365 Masihi mengatakan pada masa itu negeri Kelantan tertakluk di bawah takluk atau merupakan sebahagian daripada Empayar Majapahit yang berpusat di Jawa Timur.[10] "Sejarah Melayu" pula yang dikarang oleh Tun Seri Lanang menyebut bahawa negeri Kelantan di dalam abad ke-15 Masihi adalah lebih masyhur daripada negeri Patani. Dalam masa yang sama sejarah-sejarah Cina (dalam abad ke-15 Masihi) menyebut bahawa pada tahun 1411 Masihi negeri Kelantan diperintah oleh seorang raja bernama (atau bergelar?) Maharaja Ku-ma-r (Kumar) yang pernah mengirim ufti dan persembahan kepada Raja Cina yang memuji baginda (Maharaja Kumar) sebagai seorang raja yang baik.[11]

Tempoh Zaman Purba atau Pra-Sejarah Kelantan tiada dapat ditentukan

---

7 i) "Riwayat Kelantan" oleh Asaad Shukri Haji Muda, dalam majalah 'Kencana', Kota Bharu, 1930—31.
ii) "Hikayat Seri Kelantan", Kota Bharu, 1914(?) (nama pengarangnya tiada diketahui) (manuskrip).
iii) "Kitab Geography Semenanjung Negeri Kelantan" oleh Nik Mahmud Haji Ismail, Kota Bharu, 1925(?).
iv) "Ringkasan Cetera Kelantan" oleh Nik Mahmud Haji Ismail, Kota Bharu, 1934.
v) "Ringkasan Sejarah Kelantan" oleh Arifin Abdul Rashid, Kota Bharu, 1962.
vi) "Sejarah Kelantan" oleh Asaad Shukri Haji Muda, Kota Bharu, 1962.
vii) "Cetera Kelantan" dalam buku cenderamata Perayaan Kemahkotaan Sultan Kelantan tahun 1961.
viii) "Ringkasan Tarikh Kelantan" oleh Osman Yusof, Kota Bharu, Tahun ? (manuskrip).

8 "The Cambridge University Expedition to Parts of the Malay Peninsula: 1899—1900" oleh W.W. Skeat dan Dr. F.F. Laidlaw, dalam JMBRAS, Jilid 26, Bahagian 4, Disember 1953, hlm. 51.

9 "History of Kelantan" oleh Anker Rentse dalam JMBRAS, Jilid 12 Bahagian 2, 1934, hlm. 47.

10 i) "Nagarakertagama" oleh Kern-Krom, 1919.
ii) "A History of Malaya" oleh R.O. Winstedt, Marican and Sons, Kuala Lumpur, 1968 (hlm. 31).

11 "History of Kelantan" oleh Anker Rentse dalam JMBRAS, Jilid 12, Bahagian 2, 1934.
i) "Sejarah Melayu" Jilid I dan II, Malaya Publishing House Limited Singapura, cetakan yang ke-sembilan, 1960, hlm. 168.
ii) "History of Kelantan" oleh Anker Rentse, dalam JMBRAS, Jilid 12, Bahagian 2, 1934, hlm. 47.

yang dijalani oleh Kelantan dari tarikh itu sehinggalah ke zaman kini.

Bilakah sejarah negeri Kelantan mula dicatat atau ditulis orang tiada diketahui. Dari bukti-bukti yang ada setakat yang dapat diketahui atau diteroka oleh penulis, penulisan sejarah Kelantan mungkin telah bermula selewat-lewatnya dalam abad ke-18 Masihi.

Mengikut buku sejarah "Ringkasan Cetera Kelantan"[21] yang disusun oleh Nik Mahmud Haji Ismail bergelar Datuk Perdana Menteri Paduka Raja (Menteri Besar Kelantan dari tahun 1920 hingga tahun 1944 Masihi) disebut bahawa Pak Wan Mahmud (Wan Mahmud, Menteri Besar Kelantan di zaman pemerintahan Sultan Muhamad I: 1800—1835 Masihi) membuat catatan mengenai peristiwa-peristiwa yang berlaku di zamannya dalam bentuk "tulisan peringatan" (mungkin dalam bentuk nota) dalam tahun 1197 Hijrah atau bersamaan kira-kira tahun 1780 Masihi. Patut disebut di sini bahawa Abdullah Munsyi yang melawat Kelantan[22] dalam tahun 1838 Masihi ada menyebut iaitu beliau telah melihat sejumlah buku yang ditunjukkan kepadanya oleh seorang daripada orang Raja Bendahara (Tuan Senik Penambang atau Tuan Senik Kota) bernama Encik Ha' (mungkin Encik Ishak atau Saad). Ini menunjukkan bahawa pada masa itu (awal abad ke-18 Masihi) di negeri Kelantan telah ada buku-buku bertulis tangan. Mungkin di antara buku-buku kepunyaan Encik Ha' itu terdapat buku-buku mengenai sejarah negeri Kelantan, baik dalam bentuk hikayat, pantun (syair), salasilah, riwayat mahupun cetera atau tawarikh.

Mengikut kajian penulis sendiri di suatu masa dahulu iaitu di zaman sebelum tahun 1941 ada banyak juga buku-buku yang bercorak sejarah yang ditulis orang iaitu dalam tulisan Jawi.[23] Sekurang-kurangnya ada dua puluh satu buah buku (atau bahan bertulis) yang pernah wujud di Kelantan dalam pelbagai bentuk seperti hikayat, syair, salasilah, cetera, riwayat, tarikh dan catatan. Berikut ini disenaraikan nama buku-buku tersebut:

1) *"Peringatan Wan Mahmud"*

   Nama buku ini telah disebut oleh Nik Mahmud Haji Ismail bergelar Datuk Perdana Menteri Paduka Raja di dalam bukunya yang bernama "Ringkasan Cetera Kelantan". Buku ini dikatakan telah ditulis oleh Wan Mahmud Ibrahim kira-kira dalam tahun 1179 Hijrah atau tahun 1780 Masihi. Penulisan itu diasaskan kepada cerita mulut yang telah diriwayatkan kepada Wan Mahmud oleh Pak Bedolah (Abdullah) iaitu seorang kawan karib kepada seorang yang bernama Mandol Mis yang hidup di zaman pemerintahan Long Yunus (1770—1794 Masihi). Wan Mahmud dikatakan Menteri Besar Kelantan di zaman pemerintahan Sultan Muhamad I (1800—1835 Masihi). Beliau yang lebih terkenal dengan nama Pak Wan Mahmud dipercayai telah meninggal dunia dalam tahun 1835 Masihi sesudah mangkat Sultan Muhamad I. Mengikut Nik Mahmud Haji Ismail

---

21 *"Ringkasan Cetera Kelantan"* oleh Nik Mahmud bin Haji Ismail, Kota Bharu, 1934.

22 *"Kisah Pelayaran Abdullah"* oleh Munsyi Abdullah bin Abdul Kadir. Percetakan Qalam Singapura, 1960.

23 Lihat *"Catatan Ringkas Tentang Sumber-sumber Tempatan Mengenai Sejarah Kelantan"* oleh Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh dalam "Jurnal Persatuan Sejarah Kelantan" Bilangan 1, Tahun 1964/1965, hlm. 52—72.

ادايغ فركي ادايغ ماري — تيغم تاهن بولن دان هاري
ترلالوله رامي نكري كلنتن — دسان سني كسموت دا تغ
ماسق مقادو فادك سلطان — ببراف فرسمهن فول دتاتغ
مقمبل ث هات دكاغ سنتري — ببراف انيك دكرنيا بري
امس دان فيراق انتن سيدوري — ترلبه درفد هرت سندبري
بكندنن عادل دغن مورهتي — لمفه تودغن هرت بندات
سكلين فرنته ادك سموت — بندرت سر دغن مهمورت
بيجق لقسنا اكه ... تاري — مملهراكن رعيت اسن تكري
دغن سكل هلبغ ... سنتري — برسوكا سوكان سهاري
سنتاسن ... سوكا دن ريا — دغن سكل هب دان سهنيا
توه دان موداسام سباي — فلباكي انده فكاين بغ ملبيا
سكل انق فارا مسنري — سر كجيل جفكت برلاري
دفلهراكن سفره قترا سندبري — دد مفغ بكند اسهاري
سكلين كاسه دغن مسرا — تولس دان اخلاص تيادترگيرا
اولهن بكند اتيادبرفترات — سقد رمملهراكن انق سودارا
دفلهراكن سفره انق سندبري — كاسه دان مسرا تيادترفري
سرم انق فغكاوي منتري — امس دان فيراق فول دبري
اكن بكند اتيك برسودا مرا — بركاسه كسهن تيادترگيرا
كتيكن ايت سام برفترا — فنتس مانس سيكق فرو سيرا

Cabutan daripada 'Syair Musuh Kelantan'.

Nik Yusuf itu telah tidak disebut sama sekali oleh "Ringkasan Cetera Kelantan". Contohnya zaman pemerintahan Sultan Ahmad (1886—1889 Masihi), Sultan Muhamad III (1889—1890 Masihi), dan Sultan Mansur (1891—1900 Masihi) dan Sultan Muhamad IV (1900—1920 Masihi) telah diceritakan dengan ringkas sekali sehingga hilang nilai kesejarahannya. Padahal dalam buku "Hikayat Seri Kelantan" kita dapati catatan yang panjang lebar juga berkenaan dengan zaman-zaman pemerintahan sultan-sultan yang tersebut itu, serta juga hal-hal yang mengenai atau berkaitan dengan adat istiadat istana dan hubungan negeri Siam dengan negeri Kelantan yang tentunya bahan-bahan itu telah diambil atau disadurkan daripada buku sejarah Nik Yusuf tersebut. Setengah kalangan tempatan mengatakan Nik Yusuf ialah Perdana Menteri Kelantan dalam zaman pemerintahan Sultan Mansur iaitu sesudah Encik Saad (Encik Ha') yang bergelar Datuk Maha Menteri yang meninggal dunia ditembak orang dalam tahun 1894 Masihi,[27] sehingga kepada tahun 1900 Masihi. Dikatakan lagi bahawa buku sejarah karangan Nik Yusuf tersebut mencatat sejarah negeri Kelantan daripada zaman pemerintahan Sultan Muhamad I (1800—1835 Masihi) sehingga kepada zaman pemerintahan Sultan Mansur (1891—1900 Masihi) iaitu meliputi jangka masa kira-kira satu ratus tahun lamanya, yakni dari kira-kira tahun 1800 hingga kepada tahun 1900 Masihi. Nama sebenar buku sejarah Kelantan karangan Nik Yusuf ini tiada pula disebut dan begitu juga tarikh bila ia ditulis tiada juga diketahui. Patut disebut di sini bahawa buku sejarah karangan Nik Yusuf tersebut telah digunakan juga oleh pengarang buku sejarah "Hikayat Seri Kelantan" sebagai salah satu sumber kajiannya. Buku sejarah "Hikayat Seri Kelantan" itu akan diperkatakan berikut ini. Hanya "Hikayat Seri Kelantan" sahaja yang dipercayai menggunakan sepenuhnya sumber daripada buku karangan Nik Yusuf. Memandang kepada hakikat itu maka tidak syak lagi bahawa buku sejarah karangan Nik Yusuf itu amatlah berguna lagi berharga dari nilai sejarah kepada ahli-ahli sejarah negeri Kelantan amnya dan sejarah hubungan di antara negeri Siam dengan negeri Kelantan khususnya. Tiada diketahui sama ada buku karangan Nik Yusuf ini masih boleh didapati sekarang ini. Buku ini belum pernah dicetak.

5) *Cetera Raja Muda*

Sebuah lagi buku sejarah tempatan yang penting ialah "Cetera Raja Muda". Raja Muda yang disebutkan itu ialah Tengku Zainal Abidin bin Sultan Muhamad III, iaitu adinda kepada Al-Marhum Tuan Long Senik bergelar Sultan Muhamad IV. Tengku Zainal Abidin telah dikurniakan gelaran "Raja Muda" oleh Sultan

27 Encik Ha' (Asaad atau Saad) bin Ngah bergelar Datuk Maha Menteri atau Maha Menteri telah ditembak mati di waktu subuh (dalam bulan puasa) di rumah isteri mudanya di Kampung Penambang dekat Kota Bharu. Pembunuh-pembunuh beliau ialah empat orang iaitu Tuan Kundor, Awang Kechik, Tuan Yo (Tuan Yahaya) dan Ibrahim Candu dan mereka melakukan pembunuhan itu atas arahan dan upahan Tuan Long Mahmud (Tengku Seri Maharaja), Tuan Long Sulaiman (Tengku Seri Pekerma Raja) iaitu adik-beradik Sultan Mansur (1891—1900 Masihi). Lihat *"Kelantan in Transition: 1891—1910"* oleh Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh dalam "Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State" editan William R. Ruff, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 22—61.

Winstedt tidak menyebut dengan lebih panjang lebar berkenaan dengan buku itu. Beliau tidak juga menyebut nama penulis buku itu dan tidak pula menyatakan tarikh bilakah buku itu dicetak ataupun ditulis oleh penulisnya. Catatan beliau 'imperfect copy' atau "salinan yang tidak sempurna" menunjukkan sama ada buku itu tidak bagus karangannya ataupun sejarah negeri Kelantan yang diperkatakan oleh buku tersebut tidak lengkap. Perkataan 'modern' bolehlah diertikan sama ada buku itu telah ditulis ataupun dicetak beberapa tahun yang lampau, katakanlah di antara tahun 1900 dengan tahun 1925 Masihi, ataupun sama ada buku itu mengandungi hanya peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku di negeri Kelantan di dalam beberapa tahun yang lalu sahaja.

7) *Salasilah Negeri Kelantan*

Tuan J.C. Bottoms[29] di dalam sebuah karangannya yang berjodol 'Malay Historical Works'[30] di bawah tajuk "Kelantan" menulis bahawa ada tersebut sebuah buku sejarah negeri Kelantan yang bernama "Salasilah Negeri Kelantan", tetapi tidak ada keterangan yang lebih lanjut boleh didapati mengenainya. Saya tidak dapat menentukan sama ada buku sejarah "Salasilah Kerajaan Negeri Kelantan" yang disebut oleh Sir Richard Winstedt dan buku sejarah "Salasilah Negeri Kelantan" yang disebut oleh Tuan J.C. Bottoms ini merupakan nama sebuah buku sejarah yang sama ataupun tidak. Oleh sebab tidak diketahui lagi berkenaan dengan dua buah buku yang tersebut itu maka eloklah buat sementara waktu ini dianggap "Salasilah Kerajaan Negeri Kelantan" dan "Salasilah Negeri Kelantan" itu sebagai dua buah buku sejarah negeri Kelantan yang berlainan.

8) *Hikayat Seri Kelantan*

Menurut penulisnya (namanya tidak diketahui) "Hikayat Seri Kelantan"[31] ini telah disusun dengan berdasarkan kepada dua buah buku sejarah negeri Kelantan yang lain, iaitu "Cetera Raja Muda" dan "Sejarah Nik Yusuf" yang telah pun diperkatakan di atas tadi. "Cetera Raja Muda" telah disampaikan kepada penulis "Hikayat Seri Kelantan" oleh Tok Guru Haji Awang Kenali, dan "Sejarah Nik Yusuf" pula telah diberikan kepadanya oleh Wan Ali Pekan. Seperti yang telah dikatakan di atas tadi siapakah nama orang yang telah menyusun "Hikayat Seri Kelantan" itu, tidaklah diketahui. Mungkin "Hikayat Seri Kelantan" telah disusun oleh Wan Ali bin Wan Yusuf. Mengikut catatan yang terkandung di muka terakhir dalam buku "Hikayat Seri Kelantan" dinyatakan bahawa kerja menulis "Hikayat Seri Kelantan" itu telah selesai dibuat pada malam

29 J.C. Bottoms ialah bekas Pegawai Pentadbir Inggeris di Tanah Melayu dan juga bekas Pensyarah Kesusasteraan Melayu Lama di Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya, Bahagian Singapura pada tahun-tahun 1955—1960.

30 Rencana "Malay Historical Works" oleh J.C. Bottoms disiarkan dalam monograph bertajuk "Malaysian Historical Sources" oleh Prof. K.G. Trengonning, Singapura, 1960.

31 Satu kajian ilmiah berkenaan dengan sumber sejarah ini telah dibuat oleh Mohd Taib bin Osman untuk ijazah M.A. dalam tahun 1960. Salinan naskhah asal "Hikayat Seri Kelantan" ada disimpan di Universiti Malaya. Penulis rencana ini juga ada menyimpan satu salinannya.

بسم الله الرحمن الرحيم

وبه نستعين بالله تعالى انيله سوات جترا حكايت زمان دهلو كلا اداجترا كن اوليه
اور فيغ افغوت جترا ابن اصل دابغا يغ مرنتده نكرجه كلنتن اين يانيت اولده سوري فرافو
نما انجي ستي ايت لاده راج يغ مرنتده سنوه نولا لو سر كر جانش مكد انجي ستي
ايت تيار اولد انتو ران بدلا كلا راغوت نما نكرجه خدا ماس ايت تاند سدنده كبعوت بوقا
جرتكا يوغ مكد انجي ستي منجادي راج بوا غالاك فرنتده نولا لوده هادي ليني سوة راجيه
رجيه بسكر انجي ستي مكد انجي ستي سا تبلاه بوها غذا انتو مكد تنكله ايت اولده انجي ستي
ايت بند تجرا سوري انتو راج جمبل نولا لوده بايكد دوانات كدر بدجه نما اولده
ايندا ران بندان توان فتريه بيتا دوغ مكد تنكله ايت انجي ستي فون سعوده فريكه هتا بند
ايندا ران بندان كاران هندا قو بواه انتو اتمكد انجي سبب ايه تيار انتو مكد ايندا ران
بند فون تيار ايا ران او فيالاه بند او هندا قو ابدجه فون كاران ايه راج بسر
لو فون لا مرنتده نكرجه تيار ماتوت كيند تيار ابدجه نغدان مكد تنكله سعوده ايندا
ران بند فيكر يقد فكن ايت لا لو ايندا ران بند فون فريكه هنتر لده كغد انجي ستي ايت
لا لو انجي ستي فون اميل مليهكر منجادي كن انتو اتمكد انجي ستي ايت
مكد فليهر بوا ماما كلي سهاري ماليين فون ابلو قاس تيار ابند يغ خدا ماس
ايت لكيا مكد سكالين اوري يغ نغدايغ نغد انتو فتريه ايت بالغلاه كلك بوا انجي كغد اري
ناغ هندا قو هنتا تيار اولده بوا انجي كاران توان فتريه ايت انتو اتمكد درجد انجي ستي
لا كه سا غد كا سهي كغدان مكد سعوده بوا ماما انجي ستي فليهر توان فتريه سا دوغ ايت
مكد توان فتريه سلا دوغ ايت دغن سر لده ماتوت بد تغمه اجيني مكد تنكله ايت
انجي ستي فون فيكر ماتوت لده اكو منجادي بدجه سنو ميني نغد انتو فتريه

Cabutan daripada 'Hikayat Seri Kelantan''.

mereka ke sebuah negeri yang bernama "Bekalan Datu" yang terletak di dalam Kelantan. Selain daripada itu antara keistimewaan buku "Ringkasan Tarikh Kelantan" ialah ia menceritakan dengan panjang lebar mengenai ahli-ahli Kerabat Diraja Kelantan umpamanya apabila memperkatakan keluarga Sultan Ahmad (1886—1889 Masihi) buku "Ringkasan Tarikh Kelantan" menyebut seperti berikut: "Adapun putera Tengku Muda Long Ahmad dengan isterinya yang tuanya lelaki bernama tubuhnya Tuan Long Kundor dan yang kedua bernama Tuan Biru perempuan dan yang ketiga bernama Engku Puteh dan yang keempat bernama Tengku Besar Maimunah dan yang kelima bernama Tengku Puteri dan yang keenam bernama Long Ismail dan yang ketujuh bernama Tengku Bungsu perempuan. Inilah yang dapat tahu anak sama raja iaitu anak gahara dan anak tidak sama tara iaitu Tuan Long Salleh satu ibu, dan Tuan Long Muhamad satu ibu, dan Tuan Long Idris satu ibu dan Tuan Sulaiman satu ibu dan Tengku Minah dan Tengku Limah satu ibu dan Tuan Long Mahmud dan Tengku Tengah perempuan dan Tengku Merah perempuan dan Tengku Zainab dan Tengku Sofiah dan Tengku Ibrahim satu ibu, dan Tengku Besar Tuan Soh dan Tengku Chik Abdullah dan Tengku Abdul Rahman satu ibu dan Tengku Som satu ibu dan Tengku Yaakub satu ibu demikianlah". Buku "Ringkasan Tarikh Kelantan" juga menceritakan dengan panjang lebar setiap perlantikan pembesar Kelantan dan pengurniaan darjah dan gelaran oleh Sultan kepada pembesar-pembesarnya seperti contoh berikut — "... dan hari Khamis 20 hari bulan Zulkaedah 1307 pukul 7 pagi disambut sekalian adik-beradik dan kerabat kerana istiadat hendak menggelar Raja Kelantan. Setelah sempurna istiadat lalu digelar Raja Kelantan menjadi Seri Sultan Muhamad Yang Ketiga dan Raja Muda bergelar Raja Kelantan dan Tengku Seri Indera digelar Raja Muda dan Tengku Zainal Abidin Tengku Muda Kecik digelar Tengku Seri Indera demikianlah gelaran pada hari itu....". Perihal Datuk Kaya Semantan dan Mat Kilau mati dan ditanam di Kampung Bunut Payong, Kota Bharu telah disebut juga oleh buku "Ringkasan Tarikh Kelantan". Lain-lain peristiwa penting dan bersejarah yang juga disebut oleh "Ringkasan Tarikh Kelantan" ialah: penyerahan Kelantan oleh Siam kepada Inggeris pada tahun 1909 Masihi; pergaduhan Tok Janggut di Pasir Puteh pada tahun 1914 Masihi; penubuhan Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan" pada tahun 1917 Masihi; kebakaran besar di bandar Kota Bharu pada tahun 1919 Masihi; dan kebakaran besar dan banjir (bah) besar iaitu "Bah Merah" di Kota Bharu pada tahun 1927.

Ternyata sekali bahawa "Ringkasan Tarikh Kelantan" merupakan sebuah sumber sejarah Kelantan yang penting dan berharga. Buku ini masih dalam bentuk 'manuscript' dan belum pernah dicetak.

diketahui lagi sama ada "Che Siti Jarum Begiling" yang disebut oleh "Riwayat Kelantan" itu juga terkenal dengan nama "Che Siti Wan Kembang".

11) *Kitab Tarikh Kelantan*

Buku sejarah ini telah disebut oleh Encik Saad Shukri bin Haji Muda. Buku ini menjadi satu-satunya sumber kajian bagi bukunya yang terbaharu yang bernama "Sejarah Kelantan". Tidak ada keterangan lanjut berkenaan dengan kitab ini. Mungkin sekali buku "Kitab Tarikh Kelantan" ini pernah dimiliki oleh Encik Saad yang tersebut.

12) *Buku Tarikh Kelantan*

Menurut keterangan Tuan Sayid Hassan bin Yusuf[37] yang tinggal di Kampung Repek, Pasir Mas, Kelantan, ada sebuah buku sejarah negeri Kelantan yang bernama "Buku Tarikh Kelantan". Buku tersebut dipunyai oleh Al-Marhum Encik Mohd. Ghazali (Datuk Bentara Luar).[38] Lebih kurang dalam tahun 1930 Masihi Tuan Sayid Hassan pernah pinjam buku itu daripada Che Safiah, iaitu isteri Encik Mohd Ghazali yang tersebut. Pada masa itu Encik Mohd. Ghazali tinggal di jalan Tok Hakim, Kota Bharu. Malangnya Tuan Sayid Hassan tidak lagi ingat apakah isi kandungan buku itu, siapakah penulisnya, dan bilakah buku tersebut telah ditulis ataupun dikarang. Sungguhpun begitu beliau dapat mengesahkan bahawa buku sejarah itu bertulis tangan dengan huruf Jawi. Selanjutnya beliau juga memberitahu kepada penulis bahawa buku itu terbahagi kepada beberapa bahagian atau bab dan beliau sendiri telah menyalin beberapa bahagiannya yang mana menarik hatinya. Tidaklah diketahui sama ada buku sejarah itu masih lagi ada ataupun boleh didapati. Penulis tidak juga dapat mengatakan sama ada buku sejarah "Tarikh Kelantan" kepunyaan Encik Mohd. Ghazali itu ialah juga "Kitab Tarikh Kelantan" yang disebut oleh Encik Saad Shukri sebagaimana yang telah dibincangkan di atas tadi.

13) *Ringkasan Cetera Kelantan*

Buku sejarah ini, yang telah pun disebutkan beberapa kali di atas tadi, telah disusun oleh Haji Nik Mahmud bin Haji Ismail (Datuk Perdana Menteri Paduka Raja) dan telah dicetak dalam tahun 1934 Masihi.[39] Buku ini ialah buku sejarah negeri Kelantan yang kedua yang dicetak dalam huruf Jawi. Adapun buku-buku sejarah tempatan lain yang telah diperkatakan di atas, melainkan "Riwayat Kelantan" semuanya ditulis dengan tangan dalam huruf Jawi. Mengikut penyusun "Ringkasan Cetera Kelantan", bukunya itu didasarkan kepada beberapa buah buku sejarah tempatan yang lain,

---

37 Wawancara di antara Tuan Syed Hassan bin Yusuf dengan penulis telah diadakan di rumahnya dalam tahun 1964

38 Encik Mohd Ghazali bin Mohd Arifin berasal dari Singapura. Datang ke negeri Kelantan pada tahun 1903 Masihi bekerja sebagai guru sekolah. Beliau menjadi pembesar Kelantan dalam zaman pemerintahan Sultan Muhamad IV iaitu di antara tahun 1911—1920.

39 Buku *"Ringkasan Cetera Kelantan"* telah dicetak oleh Al-Matbaah Al-Asasiah Kompeni, Kota Bharu, Kelantan, 1934.

berlaku sesudah tahun 1900 Masihi,[47] telah tidak disebut sama sekali.

Di antara buku-buku sejarah tempatan yang lain yang telah dibincangkan, maka buku "Ringkasan Cetera Kelantan" inilah sahaja yang menyebut Sultan Mansur Shah yang dikatakan memerintah negeri Kelantan pada kira-kira tahun 1350 Masihi.[48] Mungkin juga penyusun buku "Ringkasan Cetera Kelantan" mendapat bahannya tentang Sultan Mansur Shah itu daripada "Sejarah Melayu",[49] ataupun daripada sebuah sejarah tempatan yang lain yang tidak dapat diketahui namanya. Buku "Ringkasan Cetera Kelantan" juga menyebut dengan panjang lebar tentang salasilah keturunan diraja Kelantan seperti keturunan Raja Sakti (Raja Jembal), keturunan Andek Ali anak Raja Bugis, dan keturunan-keturunan Long Yunus serta anak-anak cucunya.

Haji Nik Mahmud penyusun buku "Ringkasan Cetera Kelantan" boleh dikatakan orang yang pertama sekali mengemukakan pendapat atau teori bahawa Long Yunus, pengasas Kesultanan Negeri Kelantan sekarang ini, berasal dari keturunan anak Raja Bugis yang bernama Andek Ali atau Pakeh Ali.[50] Pendapat ini, telah tidak disah atau disokong oleh beberapa ahli kerabat di raja Kelantan yang tua-tua.[51]

14) *Buku Sejarah Kelantan Simpanan Nik Yusuf*

Buku sejarah Kelantan yang tiada diketahui namanya ini telah pernah disimpan oleh Nik Yusuf bin Nik Abdul Majid[52] semasa hayatnya iaitu sebelum tahun 1905 Masihi. Mengikut keterangan yang telah diperolehi oleh penulis dari seorang tua di Kg. Pulau Kundor iaitu Haji Nik Bongsu bin Haji Nik Mohd Salleh (yang pernah menjadi anak angkat kepada Nik Yusuf tersebut) dikatakan bahawa buku sejarah Kelantan yang disimpan oleh Nik Yusuf itu telah diperintah oleh Sultan Kelantan supaya dibinasakan (dibakar) kerana buku itu antara lain mengandungi cerita asal usul keturunan kerabat diraja Kelantan yang tidak menyenangkan hati Sultan

---

47 Peristiwa-peristiwa itu diantaranya ialah:
i) Perjanjian Kelantan dengan Kompeni Duff tahun 1900.
ii) Percubaan Siam hendak menakluk Kelantan (serta Patani) antara tahun 1900—1902.
iii) Perjanjian Inggeris-Siam Tahun 1902.
iv) Pemerintahan Graham di Kelantan antara tahun 1903—1909.
v) Perjanjian Inggeris-Siam Tahun 1909.
vi) Perjanjian Inggeris-Kelantan Tahun 1910.

48 Sumber-sumber sejarah tempatan yang lain yang telah diperkatakan dalam rencana ini boleh dikatakan semuanya memulakan sejarah Kelantan dengan zaman pemerintahan Che Siti Wan Kembang, iaitu di pertengahan abad ke-17 Masihi.

49 *"Sejarah Melayu"* menyebut:
"..... Pada zaman itu Kelantan negeri besar lebih dari Patani; Sultan Mansur Shah nama rajanya, anak saudara sepupu pada sultan Iskandar Shah; tidak baginda menyembah ke Melaka, asalnya daripada anak cucu Raja Chulan." hlm. 168—169.
"Sejarah Melayu" cetakan yang ke-5, 1952.

50 "Ringkasan Cetera Kelantan" hlm. 17—18.

51 Disebut dalam "History of Kelantan" oleh Anker Rentse, hlm. 60.

52 Nik Yusuf bin Nik Abdul Majid atau lebih dikenali sebagai Nik Soh Nik Jid ialah Menteri Besar Kelantan dari tahun 1894 hingga tahun 1900. Beliau dikurniakan gelaran Datuk Seri Paduka. Kadangkala Nik Yusuf disebut juga Nik Seri Paduka.

kemangkatan Long Muhamad pada tahun 1835 Masihi dan digantikan oleh Long Jenal sebagai raja memerintah Kelantan; dan perang saudara Kelantan tahun-tahun 1838/1839 Masihi. Sejarah Kelantan karangan Haji Abdullah ini boleh dianggap sumber yang penting juga dan daripadanya kita dapat tahu sedikit sebanyak tentang keturunan Long Yunus dan keluarganya, khususnya mengenai anak-anaknya dari isteri orang Trengganu yang tidak disebut oleh sumber-sumber sejarah Kelantan yang lain. Sejarah Kelantan karangan Haji Abdullah Trengganu ini belum pernah dicetak sebagai sebuah buku sejarah.

16) *Buku Sejarah Kelantan Simpanan Encik Muhamad Ghazali*
Ada sebuah buku sejarah Kelantan yang tidak diketahui namanya yang pernah disimpan oleh Encik Muhamad Ghazali bin Arifin.[59] Beliau ialah pengasas Sekolah Melayu di Kelantan yang didirikan pada tahun 1904 Masihi. Kemudian beliau telah dikurniakan gelaran Datuk Bentara Luar oleh Sultan Muhamad IV (1911—1920 Masihi).

17) *Buku Sejarah Kelantan Karangan Nik Mahmud*
Dikatakan ada lagi sebuah buku sejarah Kelantan yang dikarang oleh Nik Mahmud bin Ismail (kemudian bergelar Datuk Perdana Menteri Paduka Raja iaitu di awal tahun dua puluhan). Buku ini yang tiada diketahui namanya dan tiada juga diketahui bila ia dikarang telah dirampas oleh pihak berkuasa Kelantan dan dibakar. Walau bagaimanapun satu naskhah buku itu yang masih dalam peroses percetakan telah sempat disorok oleh Nik Hussin bin Nik Abdul Rahman yang berasal dari Kampung Raja, Besut.[60] Pada masa itu iaitu di awal tahun dua puluhan Nik Hussin bekerja di kedai percetakan yang terletak di Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu. Buku itu telah berada dalam simpanan Ni Hussin sehingga pada tahun 1942 Masihi (dalam zaman pendudukan tentera Jepun). Buku itu kemudian telah dipinjam oleh kawan Nik Hussin (iaitu dalam zaman pendudukan tentera Jepun) di Kampung Raja, Besut dan sejak itu buku itu dikatakan telah hilang tiada diketahui ke mana perginya. Mengikut keterangan Nik Hussin kepada penulis, buku itu telah dirampas oleh polis Kelantan atas perintah Sultan Ismail Kelantan kerana dipercayai antara kandungan buku itu khususnya tentang asal usul keturunan kerabat diraja pemerintah Kelantan tiada diperkenan oleh Sultan Kelantan pada masa itu.

18) *Buku Sejarah Kelantan Karangan Kadir Adabi*
Buku ini yang tiada diketahui namanya dikatakan telah disusun atau ditulis oleh Encik Abdul Kadir bin Ahmad yang lebih terkenal dengan nama Abdul Kadir Adabi. Beliau adalah seorang penulis yang tajam penanya serta juga merupakan seorang nasionalis dan patriot Melayu Kelantan. Tulisan-tulisannya yang tajam itu mengkritik penjajah Inggeris dan Kerajaan Negeri Kelantan di zaman dua puluhan

59 Keterangan ini telah diberi oleh Syed Hassan bin Yusuf, Kampung Repek, Pasir Mas, Kelantan kepada penulis dalam tahun 1964.

60 Keterangan ini telah diberi kepada penulis oleh Nik Hussin bin Nik Abdul Rahman sendiri dalam tahun 1964. Nik Hussin pada waktu itu ialah seorang pegawai kastam dan bertugas di Kuala Besut, Trengganu.

jaan Siam di Kelantan antara tahun-tahun 1903—1909 Masihi), Tuan W. Lineham (Pegawai Penasihat Inggeris negeri Pahang), Tuan Anker Rentse (Pegawai Kemajuan Negeri Kelantan antara tahun 1932—41 dan 1945—48 Masihi). Mungkin juga beberapa buah buku sejarah Kelantan dan lain-lain 'manuscript' Melayu Kelantan telah dikutip oleh beberapa Pegawai Penasihat Inggeris di Kelantan di antara tahun-tahun 1911—1941 Masihi.

Mengikut beberapa orang tertentu di Kota Bharu yang telah ditemubual oleh penulis di antara tahun-tahun 1961—1965 Masihi, dikatakan Haji Nik Mahmud bin Ismail (Datuk Perdana Menteri Paduka Raja), Menteri Besar Kelantan dari tahun 1921 hingga tahun 1944 Masihi yang juga merupakan ahli sejarah Kelantan semasa hayatnya telah mengumpul dan menyimpan beberapa banyak buku atau "manuscript" Melayu Kelantan yang berkaitan dengan sejarah Kelantan yang meliputi hikayat-hikayat, kitab-kitab, salasilah-salasilah dan lain-lain persuratan Melayu Kelantan. Karangan beliau sendiri yang telah diterbitkan atau dicetak hanyalah dua buah sahaja iaitu: pertamanya "Kitab Geográphy Semenanjung Kelantan" (yang mengandungi bahan-bahan sejarah, geography dan lain-lain) yang telah dicetak dalam tahun dua puluhan; dan keduanya ialah buku sejarah yang diberi tajuk "Ringkasan Cetera Kelantan" (sepertimana yang telah pun diperkatakan diatas) yang telah dicetak pada tahun 1934 Masihi. Tiadalah diketahui apa telah jadi kepada buku-buku atau 'manuscripts' yang berada dalam simpanan Datuk Perdana Menteri itu. Beliau yang meninggal dunia pada awal tahun 1965 Masihi mempunyai dua orang anak lelaki iaitu Nik Ahmad Kamil (bergelar Datuk Seri Diraja dan Tan Sri) dan Nik Mustapha Fadzil (bergelar Datuk Amar Diraja). Tan Sri Nik Ahmad Kamil meninggal dunia pada tahun 1975 masihi, manakala Datuk Amar Diraja masih lagi ada di Kota Bharu. Mungkin bahan-bahan sejarah peninggalan al-marhum Datuk Perdana Menteri itu ada dalam simpanan salah seorang daripada anaknya itu. Jika bahan-bahan itu hilang atau musnah ia boleh dianggap sebagai suatu tragedi kepada ahli-ahli sejarah Kelantan dan penulisan sejarah Kelantan.

Walau bagaimanapun penulisan sejarah Kelantan atau aspek-aspek tertentu sejarah Kelantan terus diusahakan oleh peminat-peminat dan penulis-penulis sejarah Kelantan. Sejak dari tahun 1955 Masihi sebanyak empat belas buah buku berkaitan dengan sejarah Kelantan telah ditulis oleh beberapa penulis tempatan dan dicetak iaitu:

1) *Peperangan Tok Janggut Atau Balasan Derhaka"* (jawi) oleh Yahya bin Abdullah. Muslim Printing Press, Kota Bharu, Kelantan, 1955.
2) *"Riwayat Hidup Tok Janggut Dan Peperangannya Di Kelantan"* (jawi) oleh Haji Abdullah bin A'mirah, Sinaran Brothers Pulau Pinang, 1957.
3) *"Pahlawan Bangsa : Tok Janggut Orang Besar Tanahair"* oleh Darus Ahmad, Sinaran Brothers Pulau Pinang, 1958.
4) *"Tawarikh Gunung Reng"* (jawi) oleh Muhamad Daud bin Jamil (Serendah), Al-Ahliah Press, Kota Bharu, Kelantan, 1959.
5) *"Peristiwa-peristiwa Di Kelantan"* (rumi) oleh Arifin bin Abdul Rashid, Mushim Printing Press, Kota Bharu, Kelantan, 1961.

khas Kerajaan Negeri Kelantan sempena Hari Perayaan Kemahkotaan Yang Teramat Mulia Tengku Yahya Petra ibni-Al-Marhum Sultan Ibrahim dan Yang Teramat Mulia Tengku Zainab binti Tengku Mohamed Tengku Seri Utama Raja Sebagai Sultan dan Raja Perempuan bagi Negeri Kelantan pada 17 Julai 1961 Masihi. Ketiganya, karangan Abdullah bin Mohamed (lebih terkenal dengan nama pena 'Abdullah Nakula' ataupun 'Nakula' sahaja) bertajuk *"Peristiwa-peristiwa Penting Dalam Sejarah Kelantan"* yang disiarkan di dalam 'Majalah Kelantan' penerbitan rasmi Kerajaan Kelantan keluaran bulan Julai, 1966 hingga kepada keluaran bulan November 1967 Masihi. Rencana atau makalah karangan Abdullah Nakula itu meliputi tiga belas siri (setakat yang diketahui oleh penulis). Keempatnya, karangan M.S. Shafie bertajuk *"Sejarah Kerajaan Kelantan"* yang disiarkan didalam akhbar tempatan "Mingguan Kota Bharu" bertarikh 9 Julai, 1966 Masihi iaitu mengambil Sempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan pada tahun itu. Kelimanya karangan Alias bin Muhamad bertajuk, *"Kelantan Dan Sejarahnya"* yang disiarkan sebanyak dua puluh siri oleh akhbar "Berita Minggu" Kuala Lumpur, dari 23 Julai hingga 17 Disember 1972 Masihi. Keenam ialah karangan N.A. Halim Muzium Negara sebanyak lima siri bertajuk "Sejarah Silam Negeri Kelantan" yang disiarkan oleh akhbar "Mingguan Malaysia" keluaran dari 21 Oktober hingga 18 November 1979 Masihi.

Sementara itu dalam tahun 1965 Masihi, Persatuan Sejarah Kelantan (yang ditubuhkan dalam tahun 1963) telah menerbitkan jurnalnya yang pertama yang diberi nama "Jurnal Persatuan Sejarah Kelantan". Jurnal itu iaitu bilangan I tahun 1964/65 Masihi mengandungi empat buah rencana mengenai sejarah Kelantan iaitu:-

(i) *"Kelantan Dari Zaman Pra-Sejarah Hingga Zaman Permulaan Sriwijaya"* oleh Abdullah bin Mohamed (Nakula);
(ii) *"Kajian Ringkas Mengenai Keturunan Long Yunus Kelantan dari tahun 1756 hingga tahun 1920"* oleh Nik Ahmad bin Haji Nik Hassan;
(iii) *"Catatan Ringkas Tentang Sumber-sumber Tempatan Mengenai Sejarah Kelantan"* oleh Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (penulis rencana ini); dan
(iv) *"Kelantan Di Dalam Zaman Long Yunus"* oleh Abdullah bin Mohamed (Nakula).

Setelah tahun 1965 Masihi Persatuan Sejarah Kelantan tidak lagi bergerak cergas dan tiada mengeluarkan jurnal bilangan berikutnya. Walau bagaimanapun pada tahun 1972 Masihi persatuan itu dihidup dan digerakkan kembali dengan memakai nama baru iaitu Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kelantan. Dalam tahun 1975 Masihi persatuan baru ini telah berjaya menerbitkan jurnal sulungnya yang dinamakan "Jurnal Sejarah Kelantan", (Jilid I, Bilangan I, tahun 1974/1975) dan mengandungi empat rencana seperti berikut:

(i) *"Mengkaji Salasilah Long Yunus"* oleh Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (penulis rencana ini);

diterbitkan pada 19 November 1953. Ketiga risalah tersebut diterbitkan dalam tulisan jawi dan dicetak oleh Mustapha Press, Kota Bharu.

Seorang lagi penulis Kelantan yang gigih dan telah banyak menulis tentang sejarah Kelantan ialah Abdullah bin Muhamad yang lebih dikenali sebagai Nakula (nama penanya). Beliau telah banyak menulis rencana-rencana mengenai sejarah Kelantan yang disiarkan dalam "Jurnal Persatuan Sejarah Kelantan", "Majalah Kelantan" (penerbitan Kerajaan Negeri Kelantan antara tahun-tahun 1966—1977). Rencana beliau yang terpenting yang telah disiarkan oleh "Majalah Kelantan" tersebut ialah *"Peristiwa-peristiwa Dalam Sejarah Kelantan Hingga Tahun 1909"* disiarkan sebanyak 13 siri dari Julai hingga November 1966. Lain-lain rencana beliau ialah *"Zaman Awal Kelantan: Negeri Tersembunyi Dalam Sejarah Malaysia"* yang disiarkan dalam majalah ADABI tahun 1978; dan *"Sejarah Kelantan: Beberapa Lintasan"* iaitu sebuah kertas kerja yang telah dikemukakannya dalam Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan di Kota Bharu, Kelantan pada 12—15 April 1980.

Disamping itu terdapat pula rencana-rencana atau makalah-makalah berkaitan dengan beberapa aspek tertentu yang berhubung dengan sejarah Kelantan yang disiarkan di dalam jurnal-jurnal penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia, Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Persatuan Sejarah Universiti Malaya, dan 'Journal of the Federated Malay States Museum, di antaranya adalah seperti berikut:

Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia (JPSM)

1. *"Gua Cha and the Malayan Stone Age: An Account of the Gua Cha Expedition, April-May 1954"* oleh Dr. G. De G. Sieveking, dalam JPSM, Jilid 1, Bilangan 2, Disember 1954, hlm. 111—125.
2. *"Bunga Mas"* oleh Ismail Bakti dalam JPSM, Jilid 16, Bilangan 1, Julai 1906.
3. *"The Birth of the Duff Development Company in Kelantan"* oleh Haji Mubin Sheppard, dalam JPSM, Jilid 13, Bilangan 2, Disember 1970.
4. *"Kelantan Menjelang Awal Kurun Ke-19: Satu Tinjauan Ringkas"* oleh Rahmat bin Saripan, dalam JPSM, Jilid 151, Bilangan 2, 1972, hlm. 39—42.
5. *"Kelantan Di Bawah Pemerintahan Thai: 1943—1945"* oleh Nik Annuar bin Nik Mahmud, dalam JPSM, Jilid 17, Bilangan 2, Disember 1974.
6. *"Pre-Colonial Kelantanese Political System and the Origin of the Penghulu Authority"* oleh Wan Abdul Rahman Latiff, dalam JPSM, Jilid 20, Bilangan 2, Disember 1977.
7. *"Hubungan Kelantan-Siam Di Awal Abad Ke-19: Satu Aspek Politik Tradisional Di Zaman Sultan Muhamad I (1800—1837)"* oleh Rahmat bin Saripan, dalam "Malaysia: Sejarah Dan Proses Pembangunan", penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia, 1979, hlm. 49—55.

4. *"Politik Tradisional Melayu Kelantan"* oleh Ramlan Hamzah, Dian, Bilangan 90, Julai 1976, hlm. 44—49.
5. *"Pentadbiran Kelantan Dan Trengganu: 1800—1909"* oleh Marzuki bin Mohd Zain, Dian, Bilangan 103, November 1977, hlm. 33—44.

Majalah Mastika, Kuala Lumpur.

1. *"Kampung Pangkalan Datuk"* oleh (?) keluaran Mei 1954.
2. *"Cerita Puteri Saadong Dalam Sejarah Kelantan"* oleh Wan Osman bin Wan Ali, keluaran Januari 1957.
3. *"Harimau Dan Bendera Kelantan"* oleh Abdullah bin Mohamed, keluaran Februari 1962.
4. *"Che Siti Wan Kembang"* oleh Abdullah bin Ismail, keluaran Ogos 1964.
5. *"Negeri Kelantan Dari Segi Sejarah"* oleh Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, keluaran bilangan 12, 1966.
6. *"Bunga Mas Dalam Sejarah Kelantan"* oleh Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, keluaran Januari 1967.

Rencana-rencana bercorak ilmiah mengenai sejarah Kelantan telah disiarkan juga oleh akhbar "Mingguan Kota Bharu" (Kelantan) di antara tahun 1967—1969. Di antaranya ialah seperti berikut:

1. *"Penemuan Kapak Batu: Pasir Pekan Mungkin Tempat Lama"* oleh Drs Abdul Rahman Al-Ahmadi, keluaran 12 Ogos 1967.
2. *"Peranan Kelantan Dalam Sejarah Tanahair"* oleh Zahrin, keluaran 10 Julai 1968.
3. *"Kelantan Dalam Zaman Pra-Sejarah"* oleh Drs Abdul Rahman Al-Ahmadi, keluaran 9 Ogos 1969.
4. *"Puteri Saadong Menghilang Diri"* oleh Daud Yusof, keluaran 29 November 1969.

Dalam pada itu di Jabatan-jabatan Sejarah Universiti Singapura, Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya, terdapat sejumlah kajian-kajian atau latihan-latihan ilmiah (sama ada untuk ijazah B.A. atau M.A.) mengenai sejarah Kelantan atau yang berkaitan dengan sejarah Kelantan secara langsung atau tidak langsung yang ditulis oleh mahasiswa-mahasiswa dan mahasiswi-mahasiswi. Setakat yang diketahui oleh penulis di antara latihan-latihan ilmiah tersebut adalah seperti berikut:-

Jabatan Sejarah, Universiti Malaya Bahagian Singapura (sekarang Universiti Singapura)

1. *"Further Northward — Kelantan and Trengganu, 1900—1902"* oleh Ali bin Abdullah, 1954.
2. *"British and Siamese Relations with Kelantan: 1900—1910"* oleh Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, 1959.

1. *"The Development of the Northeastern States of Malaya: 1909—1941"* oleh A. Morales, Universiti Hong Kong, 1960.
2. *"The Growth of Religious, Social and Political Nationalism Among the Malays: 1900—1940"* oleh W.R. Roff, Universiti Australia,?
3. *"The British Policy in the Malay Peninsula: 1880—1909"* oleh Eunice Thio, Universiti London, 1956.
4. *"Pendirian Dan Perkembangan Kerajaan Kelantan"* oleh Nik Abdul Rahman bin Nik Yusoff, Fakultas Keguruan Ilmu Sosial, Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Bandung, Indonesia, 1975.

Sumber yang banyak juga mengandungi bahan-bahan mengenai Kelantan (baik dari segi sejarah, kebudayaan, bahasa mahupun lain-lain aspek berkaitan dengan negeri Kelantan) ialah "Journal of the Malayan Branch, Royal Asiatic Society" (JMBRAS). Pada keseluruhannya rencana-rencana yang berkaitan dengan Kelantan yang disiarkan dalam JMBRAS itu disumbangkan oleh pegawai-pegawai atau penulis-penulis bangsa Eropah khususnya bangsa Inggeris. Rencana-rencana mereka itu bolehlah dianggap sebagai rencana-rencana ilmiah kerana tulisan-tulisan mereka diasaskan kepada kajian/penyelidikan walaupun berpandukan kepada sumber-sumber Barat. Apa yang disebutkan berikut ini ialah senarai nama-nama tajuk rencana-rencana yang ada hubungan dengan sejarah Kelantan yang telah disiarkan di dalam JMBRAS selama ini mengikut pengetahuan penulis sendiri:

Anker Rentse

1. *"History of Kelantan I"* JMBRAS, Jilid 12, Bahagian 2, Ogos 1934, hlm. 44—62.
2. *"Salasilah Raja-raja Kelantan"* JMBRAS, Jilid 14, Bahagian 3, 1936, hlm. 306a.
3. *"Majapahit Amulets in Kelantan"* JMBRAS, Jilid 14, Bahagian 3, 1936, hlm. 302—304.
4. *"A Note on Kelantan Gold Coins"* JMBRAS, Jilid 14, Bahagian 3, Disember 1936, hlm. 305.
5. *"Corrigenda (to "History of Kelantan I") and Genealogy Opposite"* JMBRAS, Jilid 14, Bahagian 3, 1936, hlm. 306.
6. *"Gold Coins of the North-eastern Malay States"* JMBRAS, Jilid 18, Bahagian 1, 1939, hlm. 88—97.
7. *"Some Further Notes on Coins from the North-eastern Malay States"*, JMBRAS, Jilid 20, Bahagian 1, 1947, hlm. 16—22.
8. *"An Historical Note on the North-eastern Malay States"* JMBRAS, Jilid 20, Bahagian 1, Jun 1947, hlm. 23—40.

Anker Rentse ialah seorang pegawai Inggeris berbangsa Denmark yang telah berkhidmat di negeri Kelantan dari tahun 1930 hingga tahun 1941 dan dari tahun 1945 hingga tahun 1948 apabila beliau mati terbunuh akibat kemalangan pesawat terbang yang dinaikinya semasa melawat Hulu Kelantan.

29, Bahagian 1, Mei 1956, hlm. 163—178.

12. *"Chih-tu"* oleh Paul Wheatley, JMBRAS, Jilid 30, Bahagian 1, Mei 1957, hlm. 122—133.
13. *"Expedition to Trengganu and Kelantan"* oleh Hugh Clifford, JMBRAS, Jilid 34, Bahagian 1, 1961, hlm. 1—162.
14. *"The Duff Syndicate in Kelantan: 1900—1902"* oleh Leslie Ratnasingam Robert, JMBRAS, Jilid 45, Bahagian 1, Januari 1973, hlm. 81—110.
15. *"Patani and the Development of a Thai State"* oleh Margaret L. Koch, JMBRAS, Jilid 50, Bahagian 2, 1977, hlm. 69—88.
16. *"Pulai: Memories of a Gold Mining Settlement in Hulu Kelantan"* oleh Sharon A. Carstens, JMBRAS, Jilid 53, Bahagian 1, 1980, hlm. 50—67.
17. *"Recent Archaelogical Discoveries in Peninsular Malaysia"* oleh Adi Haji Tahar, JMBRAS, Jilid 56, Bahagian 1, 1983, hlm. 47—63.

Disamping rencana-rencana yang disiarkan di dalam JMBRAS seperti yang disebut di atas, terdapat juga sejumlah buku dan penerbitan yang diusahakan oleh penulis-penulis Barat atau dari Barat seperti yang disenaraikan di bawah ini.Di dalam buku-buku itu ada bahagian-bahagian yang mengenai negeri Kelantan di zaman-zaman tertentu yang boleh digunakan sebagai bahan-bahan rujukan penting dalam penulisan sejarah Kelantan:

1. *"Political and Commercial Considerations relative to the Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca"* oleh J. Anderson, Pulau Pinang, 1824.
2. *"A Voyage to the East Coast of Malaya"* oleh W. Medhurst, Singapura, 1828.
3. *"The Eastern Seas or Voyages and Adventures in the Indian Archipelago"* oleh George S.W. Earl, London, 1837.
4. *"Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca Etc."* oleh T.J. Newbold, London, 1839.
5. *"A Descriptive Dictionary of the Indian Islands and Adjacent Countries"* oleh J. Crawford, London, 1856.
6. *"The Peoples and Politics of the Far East"* oleh Henry Norman, London, 1894.
7. *"In Court and Kampung"* oleh Hugh Clifford, London, 1897.
8. *"Studies in Brown Humanity"* oleh Hugh Clifford, London 1898.
9. *"Siam in the Malay Peninsula"* oleh R.D. Davies, Singapura, 1902.
10. *"Siam and the Malay Peninsula"* Journal of the Straits Branch, Royal Asiatic Society, 1906.
11. *"Kelantan: A State of the Malay Peninsula — A Handbook of Information"* oleh W.A. Graham, London, 1908.
12. *"Researches on Ptolemy's Geography of Eastern Asia"* oleh G.E. Gerini, London 1909.
13. *"The Duff Development Company Territory"* oleh Duff Development Company, London, 1910.

seperti berikut:

1. *"Sejarah Kerajaan Melayu Patani"* oleh Ibrahim Shukri, 1961 (Jawi).
2. *"Patani Dahulu dan Sekarang"* oleh A. Bangnara, 1977 (Jawi).
3. *"Hikayat Patani/The Story of Patani"* dianotasi oleh A. Teeuw dan D.K. Wyatt, 1970 (2 jilid).
4. *"Mengkaji Sejarah Trengganu"* oleh Haji Mohd. Salleh bin Haji Awang (Misbaha), 3 jilid (Jawi), 1954, 1955 dan 1957.
5. *"Sejarah Trengganu"* oleh Haji Mohd Salleh bin Haji Awang (Misbaha) (Rumi), 1968.
6. *"Kisah Pelayaran Abdullah"* oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi. 1960.

Pada pertengahan tahun 1974 atas daya usaha William R. Roff (penulis buku "The Origins of Malay Nationalism") telah menerbitkan sebuah buku mengenai Kelantan bertajuk *"Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State"*. Buku setebal 371 halaman itu telah dicetak oleh Oxford University Press. Inilah julung kali, sejak terbitnya buku "Kelantan: A State of the Malay Peninsula — A Handbook of Information" oleh W.A. Graham pada tahun 1908, sebuah buku khusus mengenai hal-ehwal negeri Kelantan yang meliputi aspek-aspek politik/sejarah, sosial dan lain-lain, pernah dibukukan serta dicetak. Buku ini mengandungi dua belas rencana yang ditulis atau disumbangkan oleh dua belas orang penulis iaitu lima orang penulis tempatan (Kelantan) dan tujuh orang penulis dari Barat (Amerika Syarikat, Britain, Australia dan New Zealand). Kebanyakan dari penulis-penulis Barat itu telah membuat penyelidikan di bidang masing-masing di negeri Kelantan di antara tahun 1964—1969. Dua belas rencana itu adalah seperti yang disebutkan di bawah ini:

1. *"Nineteenth Century Kelantan: A Thai View"* oleh David K. Wyatt, hlm. 1—21.
2. *"Kelantan in Transition: 1891—1910"* oleh Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, hlm. 22—61.
3. *"The Tok Janggut Rebellion of 1915"* oleh Nik Ibrahim bin Nik Mahmud, hlm. 62—86.
4. *"Tok Kenali: His Life and Influence"* oleh Abdullah Al-Qari bin Haji Salleh, hlm. 87—100.
5. *"The Origins and Early Years of the Majlis Agama"* oleh William R. Roff, hlm. 101—152.
6. *"Theological Debates: Wan Musa bin Haji Abdul Samad and His Family"* oleh Haji Nik Muhamad Salleh bin Haji Wan Musa, hlm. 153—169.
7. *Notes Towards a History of Malay Periodicals in Kelantan"* oleh Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi, hlm. 170—189.
8. *"Faith and Scepticism in Kelantan Village Magic"* oleh Raymond Firth, hlm. 190—224.

2. Menggalakkan peserta-peserta dari berbagai Institusi Masyarakat supaya mengesyorkan Seminar ini dengan pihak-pihak mereka supaya kerjasama erat dapat diwujudkan dalam mengkaji tamadun Wilayah Kelantan.

Cadangan atau seruan yang dibuat oleh Seminar tersebut di atas diharapkan akan mendapat perhatian yang serius oleh Kerajaan Negeri Kelantan dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kelantan serta juga badan-badan yang lain yang bersangkutan di negeri Kelantan seperti Muzium Negeri Kelantan. Perhatian yang serius itu hendaklah disusuli pula oleh langkah-langkah tegas serta berkesan agar usaha mengumpul bahan-bahan yang berkaitan dengan sejarah dan budaya Kelantan dapat dipergiatkan dan diteruskan dengan jayanya demi untuk faedah pengkajian dan penulisan sejarah Kelantan yang lengkap dan sempurna.

Sekarang kita meneliti lebih dahulu kedua-dua sumber penting itu, dimulai dengan sumber catatan I-Ching.

I-Ching menyebut "Sriwijaya" itu dengan sebutan ringkas "Fo-shih" yang sama dengan "Wijaya", manakala catatan-catatan China yang lain disebutnya dengan nama lengkap "Shih-li Fo-shih" yang sama dengan "Sriwijaya".

I-Ching (634—713 Masihi) adalah seorang sami Buddha yang hendak memperdalamkan ilmu agamanya di Universiti Nalanda di India Tengah. Ia berangkat dari kota Canton pada akhir tahun 671 Masihi, singgah di (Shih-li-) Fo-shih dan tinggal di sini selama enam bulan, kemudian meneruskan pelayaran dan sampai di India pada awal tahun 673 Masihi. Ia tinggal di Nalanda mulai tahun 675 sampai 685 Masihi.

Dalam tahun 685 Masihi I-Ching meninggalkan Nalanda untuk pulang ke negeri China, ia singgah pula di (Shih-li-) Fo-shih dan tinggal selama empat tahun, hingga dalam tahun 689 Masihi. Dalam tahun ini ia pulang ke Canton untuk selama beberapa bulan, kemudian kembali ke (Shih-li-) Fo-shih dalam tahun ini juga dan tinggal di sini hingga tahun 695 Masihi. Dalam tempoh ini I-Ching menulis dua buah bukunya yang terkenal dengan nama singkatnya setelah diterjemahkan "Memoir"[1] dan "Record".[2] Kedua buku ini disiapkan dalam tahun 692 Masihi dan dihantarkan ke negeri China, manakala dia sendiri pulang ke negeri China dalam tahun 695 Masihi.

Dalam kedua buku tersebut, I-Ching menyentuh beberapa perkara mengenai (Shih-li-) Fo-shih yang dapat menjadi sumber sejarah Sriwijaya, keterangannya mengenai lokasi Sriwijaya dapat dibahagikan kepada dua peringkat:-

(Peringkat yang pertama), tahun 671 Masihi.
(Peringkat yang kedua), tahun 685 Masihi.

1. Catatan-catatan I-Ching

1. Peringkat tahun 671 Masihi.

a) Dalam bukunya 'Memoir', I-Ching yang bertolak dari Canton dalam tahun 671 Masihi dalam perjalanan menuju ke India menulis:-[3]

> "Pada masa angin Monsun mula bertiup, kami belayar ke selatan .... pada awal musim iaitu bila kami meninggalkan kumpulan bintang chi, layar yang lima bidang membawa kami jauh dari kawasan utara yang redup. Untuk masa yang lama kami belayar di atas permukaan laut yang tiada terduga dalamnya, di mana laut dihalang oleh gelombang demi gelombang yang menggunung dan yang melintasinya pula ialah ombak yang mengembang naik seakan awan. *Kurang dua puluh hari,* kami sampai di (Shih-li) Fo-shih (Sriwijaya) di mana saya menghabiskan masa selama enam bulan belajar sabda-widya (tatabahasa Sanskrita). Rajanya sangat baik dengan saya dan menghantar saya ke negeri Mo-lo-yu (Malayu = Jambi) di mana saya tinggal selama dua bulan. Selepas itu saya *menukatkan arah* untuk pergi ke Chieh-ch'a (Kedah). Pada bulan kedua belas saya naik kapal raja dan belayar ke India. Belayar ke arah utara

1 Memoir composee a l'epoque de la grande dynastie T'ang sur les religieux eminents qui all'erent chercher la loi dans les pays d'occident, par I-Tsing, terjemahan Ed Chavannes, Paris, 1894.

2 A record of the Buddhist religion as practised in India and Malay Archipelago, terjemahan J. Takakusu, Oxford, 1896.

3 Paul Wheatley, The Golden Khersonese, Kuala Lumpur, 1961, hlm. 41—42.

Di India, pengukur waktu terdapat di mana-mana namanya welacakra yakni roda waktu. Caranya mengukur bayang-bayang ialah memperhatikan bayang-bayang tongkat jika mencapai tingkat yang terpendek, ertinya tepat tengah hari. Tetapi di Jambudwipa panjang bayang-bayang itu berbeza-beza ini bergantung pada letak tempatnya. Di wilayah Lo misalnya tidak ada bayang-bayang sama sekali. Lagi misalnya *di negeri (Shih-li) Fo-shih,* kita lihat bahawa *bayang-bayang di welacakra tidak menjadi panjang atau menjadi pendek pada pertengahan bulan delapan. Pada tengah hari tidak nampak bayang-bayang orang yang berdiri di bawah matahari.* Lain halnya kalau musim bunga, matahari tepat di atas kepala dua kali satu tahun. Kalau matahari di sebelah selatan, bayang-bayang membujur ke utara, panjangnya lebih kurang dua atau tiga kaki. Kalau di sebelah utara bayang-bayangnya sama, tetapi jatuh ke selatan".

d) Dalam peringkat ini juga, I-Ching menggambarkan ibu kota Sriwijaya dan kegiatan agama di sini seperti berikut:-[9]

"Di ibu kota yang dikelilingi benteng-benteng terdapat lebih seribu orang sami Buddha yang menumpukan fikiran mereka terhadap pengajian dan kerja-kerja murni. Mereka memeriksa dan belajar semua perkara yang mungkin sama seperti yang dilakukan di Madhyadesa (di India). Peraturan dan istiadat mereka adalah serupa dengan apa yang diamalkan di India. Jika seorang sami Cina ingin ke barat untuk mendengar (ceramah-ceramah) dan membaca (teks asal Buddha) di sana, adalah lebih bijak jika ia menghabiskan masa setahun atau dua tahun di (Shih-li) Fo-shih (Sriwijaya) dan mengamalkan peraturan yang betul di situ. Selepas itu bolehlah ia pergi ke India Tengah."

e) Dalam buku 'Record',[10] I-Ching menghuraikan kehidupan keagamaan di beberapa buah negeri di Asia Tenggara, yang dapat dijadikan sebagai salah satu fakta bagi sejarah Sriwijaya. Ia berkata:-

"Di hujung sebelah timur wihara Nalanda digelarkan negara-negara sempadan timur, kemudian gunung-gunung besar hitam terletak di perbatasan selatan T'u-Fan (Tibet). Kata orang, gunung itu ada di sebelah barat daya Shu-Chuan; dari Shu-Chuan hanya sejauh perjalanan sebulan. Di sebelah selatan gunung itu terdapat negara berbataskan laut iaitu Shih-li-cha-ta-lo: (Sriksetra), di sebelah tenggaranya iaitu negara *Langchia-shu (Langkasuka),* ke sebelah timur lagi ialah negara She (? = Tu)-ho-po-ti (Duwarawati) ke timur lagi akhirnya sampailah ke negara Lin-i (Champa). *Penduduk negara-negara tersebut menyembah Ratnaraya* (Buddha, Darma, Sangha) banyak di antaranya yang teguh menjalankan hukum melakukan dhutangam (mengemis) yang sudah menjadi kebiasaan di negeri-negeri ini. Orang-orang seperti itu yang saya saksikan sendiri ada juga di barat (India). Mereka memang berbeza daripada orang-orang biasa. Di Singhala (Sri Langka) semua penduduknya tergolong dalam Aryasthawiranikaya, adapun Aryamahasanghikanikaya di larang. *Di negara-negara Laut Selatan terdiri dari sepuluh negeri pada umumnya penduduknya menganut Mulasarwastiwadanikaya, meskipun adakalanya ada juga yang memeluk Sammitinikaya; sekarang ada juga pengikut aliran lainnya (meskipun hanya sedikit jumlahnya).* Di hitung dari barat yang pertama negeri *Po-lu-shih (Barus), Mo-lo-yu (Malayu), sekarang menjadi (Shih-li-) Fo-shih (Sriwijaya), Mo-ho-sin (Jawa Barat), Ho-ling (Kalingga), Ta-ta (Madura), Pen-pen (Balambangan ?), Po' li (Bali), K'u-lun (Lombok ?), Fo-shih-pu-lo (Wijaya-pala atau sumbawa ?) A-shan (Flores ?) dan Mo-chia-man (Makhiaman atau Timur ?).* Masih ada beberapa pulau kecil-kecil lagi, tidak dapat disebut semuanya disini. *Agama yang dipeluk di negeri-negeri ini ialah Buddha terutama Mazhab Hinayana, kecuali di negeri Mo-lo-yu (Malayu). Di negeri ini sedikit sahaja pengikut Mazhab Mahayana."*

---

9 *Ibid.*, hlm. 26—27 dan R. Braddell *op. cit.*, hlm. 436.
10 *Ibid.*, hlm. 26—27.

bulan terang
4. bulan Jyestha, Dapunta Hyang berangkat dari minanga
5. tamwan beliau membawa tentera dua laksa
6. dua ratus koli dikapal, dengan berjalan seribu
7. tiga ratus dua belas banyaknya datang di .....
8. dengan sukacita. Pada hari kelima bulan terang bulan .....
9. dengan lega gembira datang membuat benua .....
10. Sriwijaya jaya kerana perjalanan sempurna memberikan kepuasan.

Dari kandungan Prasasti diatas kita dapat mengambil data-data sebagai berikut:-

1. Dapunta Hyang naik kapal pada 11 waisakha, 605 (23 April, 682).[12]
2. Dapunta Hyang berangkat dari Minanga Tamwan apda 7 Jyestha (19 Mei), dengan membawa lebih dari 20,000 tentera, angkatan ini tiba di .....
3. Dapunta Hyang membuat "benua" pada 5 .....

Prasasti Kedukan Bukit hanya menyebut gelaran Dapunta Hyang sahaja dengan tiada disertai nama raja. Dalam prasasti Talang Tuwo tahun saka 606 (684) baru disebut nama raja ini, Dapunta Hyang Sri Jayanaga yang memerintah pembuatan taman Sriksetra. Nama "Jayanaga" itu dibaca oleh G. Coedes dengan "Jayanasa". Tidak ragu-ragu lagi baginda ialah tokoh yang sama dengan yang tersebut dalam prasasti Kedukan Bukit di atas.

Prasasti-prasasti Telaga Batu, di sebelah timur Palembang, prasasti Karang Berahi di wilayah Jambi dan prasasti Kota Kapur di Pulau Bangka dipenuhi oleh kutukan-kutukan raja terhadap penduduk tempatan yang berhasrat hendak menderhaka kepada Raja Sriwijaya.

Di manakah sebenarnya lokasi pusat Sriwijaya awal itu?

Pada mulanya kaum terpelajar moden menemui nama dalam sebutan Cina, "Shih-li-fo-shih" sebagai sebuah negara dalam Asia Tenggara tanpa diketahui apakah nama sebenarnya dalam bahasa Sanskrita, juga tidak diketahui dimanakah letaknya yang sebenarnya. Samuel Beal mengusulkan dalam tahun 1886 bahawa negara itu patut diletakkan di Palembang. Prof. Chavannes yang menterjemahkan ke dalam bahasa Perancis buku "Memoir" oleh I-Ching dalam tahun 1894 menyamakan nama Shih-li-fo-shih dalam karya ini dengan nama asli Sribhoja. Juga Takakusu yang menterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris buku "Record" oleh I-Ching dalam tahun 1896 masih belum mengetahui nama asli Shih-li-fo-shih itu dengan tepat. Malah ketika M. Finot memperkenalkan prasasti Ligor dalam tahun 1910 dan seterusnya ketika Prof. Kern mengemukakan prasasti Kota Kapur dalam tahun 1913, orang masih menganggap nama "Sriwijaya" pada dua prasasti itu adalah nama seorang raja. Kerana Sri biasanya digunakan sebagai sebutan atau

12 Ini adalah menurut kiraan L.C. Damais, kalau dikira berdasarkan tahun Saka 605 itu sama dengan tahun 683 Masihi, 11 Waisakha sama dengan 13 April dan 7 Jyestha sama dengan 3 Mei. G. Coedes menggunakan kiraan L.C. Damais.

gelaran raja diikuti dengan nama raja yang bersangkutan. Dalam tahun 1918 barulah nama "Sriwijaya" ditemui sebagai nama negara oleh seorang pakar sejarah Perancis, George Coedes dan disamakannya dengan "Shih-li-fo-shih" dalam bahasa Cina. Sejak itu nama "Sriwijaya" mulai popular sebagai nama sebuah negara tua yang penting dalam sejarah Asia Tenggara. Meskipun demikian lokasinya yang sebenar masih menjadi tanda tanya kerana berbagai tafsiran dapat dibuat berdasarkan sumber-sumber sejarah yang telah dibentangkan di atas.

Berdasarkan keterangan-keterangan I-Ching dan prasasti Kedukan Bukit itu, orang boleh mentafsirkan lokasi ibu kota Sriwijaya awal sama ada di Palembang atau di luarnya.

Perbezaan yang paling menunjul dalam tafsiran ini ialah mengenai kandungan prasasti Kedukan Bukit. Tadi telah digambarkan bahawa Dapunta Hyang mempunyai dua peringkat perjalanan:-

1) Baginda naik kapal pada 11 Waisakha (23 April).
2) Baginda berangkat dari Minanga Tamwan pada 7 Jyestha (19 Mei) dengan membawa lebih dari 20,000 tentera. Angkatan ini tiba di .....

Sejarawan-sejarawan yang meletakkannya di Palembang mempunyai dua hipothesis penting berhubung dengan dua peringkat perjalanan Dapunta Hyang tersebut:-

1. "Kerajaan Sriwijaya memang telah dibangunkan sejak awal di Palembang. Baginda keluar dari ibu kotanya menakluk suatu negara lain, kemudian pulang ke ibu kotanya semula, atau baginda menghantarkan tenteranya menakluk suatu negara lain lebih dahulu, setelah penaklukkan ini terjadi, baginda keluar dari ibu kotanya pergi ke suatu tempat dimana tenteranya yang dalam perjalanan pulang sedang berhenti dan menjemput tenteranya pulang bersama ke ibu kota. Bagi yang berpendapat demikian, prasasti tersebut dibuat untuk "memperingati suatu peristiwa penting dalam sejarah kerajaannya".
2. "Baginda datang dari luar menuju ke Palembang dalam dua peringkat perjalanan atau satu peringkat perjalanan dengan disenggangi oleh suatu gangguan di tengah jalan. Bila sampai di Palembang baginda membangunkan kerajaan/kota Sriwijaya. Bagi yang berpendapat demikian, prasasti Kedukan Bukit ini dibuat untuk "memperingati berdirinya kerajaan/kota Sriwijaya".

Manakala sejarawan-sejarawan yang meletakkan Sriwijaya awal di luar Palembang berpendapat bahawa Dapunta Hyang adalah Raja Sriwijaya yang keluar dari negara asalnya yang bernama Sriwijaya dan menakluk Palembang. Bagi yang mempunyai pandangan seperti ini, prasasti Kedukan Bukit itu adalah dibuat untuk "memperingati kemenangan negara Sriwijaya dalam perjuangan yang bersejarah".

Selain daripada dua peringkat perjalanan Dapunta Hyang itu terdapat

pada baris 4 dan 5, "minanga tamwan" tempat bertolak perjalanan baginda peringkat yang kedua, perjalanan bersama tenteranya itu. Dalam tahun 1931, R.A. Kern mengertikan perkataan "minanga" dengan "kuala" dan menyamakan "minanga tamwan" itu dengan "Kuala Sungai Musi". Jadinya ayat dalam baris 4 yang berbunyi "marlapas dari minanga" bererti "bertolak dari kuala" maksudnya "bertolak dari kuala Sungai Musi mudik ke hulu untuk menyerang Malayu".

Dalam tahun 1932, Ferrand mengambil keuntungan dari ulasan Kern itu dengan mentafsirkan pula bahawa ayat tersebut bermakna "bertolak dari kuala Sungai Musi menerusi laut menyerang Malayu". Jadinya prasasti Kedukan Bukit tersebut adalah sebagai pengucapan suatu ekspedisi yang diarah dari Palembang untuk menyerang Malayu menerusi laut.

Dalam tahun 1934, J.W.J. Wellan[14] menolak tafsiran itu dengan memberikan tiga pandangan: *Yang pertama,* bahawa Palembang itu oleh kerana tidak terletak di kuala Sungai Musi, ia tidak sama dengan minanga tamwan, tempat keberangkatan ekspedisi tersebut dalam prasasti. *Yang kedua;* adalah tidak mungkin untuk sampai ke Malayu yang terletak di Jambi dengan cara memudiki Sungai Musi. Andaikanlah ekspedisi itu menuju ke Jambi menerusi laut, perjalanan selama dua puluh lapan hari, sebagaimana tercatat dalam prasasti itu, tidak sesuai dengan jarak tempat yang dituju. *Akhir sekali,* ia menyatakan bahawa ia lebih setuju untuk mengakui hipothesis yang mensifatkan prasasti itu untuk "memperingati pembangunan Sriwijaya", tanpa menamakan tempat yang tertentu dari mana ekspedisi itu bermula untuk menghasilkan natijah ini.

Di samping "minanga tamwan", di antara kandungan prasasti itu yang banyak menimbulkan tafsiran ialah tempat destinasi Dapunta Hyang bersama tenteranya tersebut pada akhir baris 7. Nama tempat ini sudah tiada dapat dibaca kerana rosak dan menjadi salah satu tempat kosong dalam prasasti. Yang dapat dibaca hanya huruf-huruf ma, ta (ka) dan ja. Coedes membacanya "matajap".

Dalam tahun 1938, N.J. Krom[15] mengusulkan tempat kosong ini hendaklah dibaca sebagai "Malayu", ertinya Dapunta Hyang datang dari luar iaitu Jawa bersama tenteranya itu sampai di Malayu yang sama dengan Palembang. Jadinya menurut Krom prasasti itu mencatat "pembangunan Sriwijaya" di kawasan Palembang yang dahulunya memakai nama Malayu. Tentang Malayu sama dengan Palembang ini disokong oleh K.A. Nilakanta Sastri dalam tahun 1949.[16]

Dalam tahun 1952, R. Ng. Poerbatjaraka,[17] mengusulkan bahawa Dapunta Hyang itu adalah datang dari luar juga. Ia mentafsirkan bahawa "minanga tamwan" itu maknanya "pertemuan sungai" iaitu pertemuan Sungai Kampar Kanan dan Sungai Kampar Kiri yang terletak dalam daerah Minangkabau. Sungai Kampar itu disebut juga Minanga Kampar dan dari sebutan ini timbulnya nama Minangkabau sekarang. Dari argumen ini mem-

---

14 J.W.J. Wellan, Grivijaya, 1250 jaren geleden gestich, TAG li, 1934, hlm. 365—6.
15 N.J. Krom, De heligdommen van Palembang MKNAWL, (N.S.) i, 7, 1938, hlm. 25—6.
16 K. AN. Nilakanta Sastri, History of Sri Vijaya, Madras, 1949, hlm. 27—39.
17 R. Ng. Poerbatjaraka, Riwayat Indonesia, Djakarta, 1952, i, hlm. 35.

menaklukkan Malayu iaitu Jambi sekarang. Ia mengusulkan perkataan "tamwan" sama dengan "tambahan". "Minanga" yang dimaksudkan dalam prasasti itu ialah "Muara Tebo" yang terletak ditemporan antara Sungai Batang Tebo dan Sungai Batang Hari di daerah Jambi Hulu, sebelah timur laut Kerinci. Manakala tempat kosong pada akhir baris 7 yang dibaca oleh Krom dengan "Mala(yu)" dibaca oleh Prof. Slamet dengan "Mata (danau)".

Menurut beliau, Raja Sriwijaya itu menghantarkan suatu ekspedisi tentera menyerang Malayu. Setelah berjaya menundukkan negeri ini, tenteranya pulang ke ibu kota, iaitu Palembang. Dalam perjalanan ini mereka berhenti di Muara Tebo itu. Sekarang bermulalah dua peringkat perjalanan sebagai yang digambarkan dalam prasasti itu: (Yang pertama) pada 11 waisakha, raja sendiri berangkat dari ibu kota menunju ke Muara Tebo dan menjemput tenteranya pulang dan (Yang kedua) pada 7 Jyestha baginda pulang ke ibu kota bersama 20,000 tenteranya itu dalam "perarakan jaya" (tiumphal procession) atau yang disebut dalam prasasti dengan "siddhayatra" dan sampai dengan sukacita di Matadanau pada 5 Asada. Matadanau ialah kawasan istana Sriwijaya iaitu Telaga Batu sekarang, dimana beberapa prasasti telah ditemui.

Dalam tahun 1964, Coedes,[20] orang yang mula-mula melokasikan Sriwijaya di Palembang sejak tahun 1918 itu, sekarang mengemukakan hipothesisnya berhubung dengan dua peringkat perjalanan dalam prasasti Kedukan Bukit tersebut. Ia menolak semua pendapat yang meletakkan minanga tamwan di Sumatera. Dengan meletakkannya di seberang laut, katanya, dapat memudahkan penyelesaian kepada masalah yang ditimbulkan oleh prasasti itu.

Adalah lojik, kalau diambil tarikh pertama (11 Waisakha = 23 April) iaitu tarikh raja naik kapal, juga sebagai tarikh pertolakan suatu ekspedisi dari Palembang. 25 hari yang memisahkan tarikh ini dari tarikh kedua (7 Jyestha = 19 Mei) nampaknya sebagai suatu jarak waktu yang cukup memuaskan untuk sampai ke pantai Jawa atau ke Semenanjung atau hingga ke hujung selatan dari tanah Indo-China dan untuk persiapan di sana bagi bertolaknya suatu ekspedisi atau penjarahan ke arah pedalaman. Waktu sampai di tempat ini yang dinamakan dalam prasasti sebagai minanga tamwan, raja yang merentikan sebahagian dari tenteranya memberikan signal untuk bertolak pada 7 Jyestha (19 Mei) dan memudiki dari kuala di mana ia mendarat dan 28 hari kemudian, bila ia telah mencapai tujuannya dan membawa kembali hasil kemenangan, pada 11 Asada (16 Jun) ia merentikan operasi pada suatu tempat yang tidak dapat diketahui dengan pasti kerana wujudnya kekosongan dalam prasasti, tetapi boleh diagak telah dapat menundukkan negeri yang diserang.

Apakah negeri yang terlibat itu? dan di manakah destinasi ekspedisi seberang laut yang dilakukan dalam tahun 682 Masihi oleh tentera Sriwijaya? Coedes menyatakan seterusnya bahawa andainya ekspedisi ini menuju ke Jawa, ini adalah tidak terjadi dalam tahun 682 Masihi, kerana prasasti Kota Kapur mencatat empat tahun kemudian baharulah terjadi ekspedisi ke atas Jawa yang tiada tunduk (bhakti) kepada Sriwijaya. Suatu

20 G. Coedes, A Possible Interpretation of the Inscription of Kedukan Bukit (Palembang), MIS, 1964, hlm.. 29—32.

Attopeu, melintasi Tay-ninh dan bahagian barat wilayah Thbong Khmum dalam Kemboja. Orang-orang asli ini yang bercakap dalam bahasa Mon-Khmer, di sebelah selatan terkenal dengan nama Tmon dan di sebelah utara dengan nama Thpuon atau Tampuon. Semua nama-nama ini boleh disusur galur kebelakang sampai kepada suatu bentuk purba, Tmvan atau Tamvan, yang mungkin diabadikan dalam prasasti yang bertarikh tahun 803 Masihi dengan nama Tmon merupakan suatu kelas hamba. Kumpulan suku kaum yang bernama demikian tentu menduduki kawasan yang jauh lebih luas pada zaman dulu meliputi tebing-tebing bahagian-bahagian hilir dan tengah Mekong, dari mana mereka diundurkan ke arah pedalaman oleh orang-orang Vietnam di sebelah selatan dan oleh orang-orang Laos di sebelah utara. Tidak ada yang mustahil dalam nama-nama Tamvan atau Tamwan dipergunakan sebagai nama kuala sungai yang dimana tebing-tebingnya didiami mereka. Dari sini timbulnya nama-nama dalam bentuk Minanga Tamwan.

Oleh itu boleh jadi dapat diterima kalau dikatakan catatan pada prasasti Kedukan Bukit itu sebagai "ex-voto" atau "melepaskan nazar" untuk memperingati suatu ekspedisi yang berjaya dari Sriwijaya melawan negara Khmer.

2. *Chaiya*. Walau bagaimanapun, lokasi pusat Sriwijaya awal di Palembang sebagai yang telah diusulkan oleh Coedes sejak tahun 1918 itu masih menimbulkan banyak kesangsian dalam kalangan ahli-ahli terpelajar. Kerana masih terdapat bukti-bukti yang menunjukan pada mulanya, ertinya sebelum tahun 683 Masihi, pusat Sriwijaya itu terletak pada tempat lain. Di antara yang mula-mula menyatakan kesangsian itu ialah F.D.K. Bosch dalam tahun 1930[22] dan yang mula-mula membantah pendapat Coedes ialah R.C. Majumdar, dalam tahun 1933[23] dengan membuat kajian-kajian terhadap prasasti-prasasti raja-raja Sailandra di Jawa Tengah dan Ligor dalam bahagian akhir dari abad ke-8 Masihi, Majumdar menyatakan bahawa dari fakta-fakta yang didapatinya bahawa Sriwijaya itu hendaklah dicari di Jawa.

Oleh kerana argumentasi yang diberikan oleh Majumdar itu adalah samar, baiklah kita segera berbincang tentang bantahan terhadap Coedes yang dibuat oleh H.G. Quaritch Wales dalam tahun 1935, ia meletakkan pusat Sriwijaya itu di kawasan Segenting.[24] Wales berpendapat bahawa kawasan utara Semenanjung dan Segenting adalah penting di zaman purba, sebagai tempat relay dan pusat difusi kebudayaan India ke arah Indo-China dan kepulauan. Ditambah pula pada kawasan Segenting terutamanya Chaiya ditemui banyak peninggalan-peninggalan purba, lebih banyak daripada yang ditemui di Palembang. Oleh itu Wales meletakkan Sriwijaya di Chaiya itu. Yang lebih meyakinkan lagi Chaiya sebagai pusat Sriwijaya ini ialah terdapat di sebelah selatannya sebuah bukit bernama Sivicay yang hampir sama dengan bunyi Sriwijaya.

Bila hipothesis ini dikritik oleh Coedes dalam tahun 1935[25] dengan

---

22 F.D.K. Bosch, Verslag van een reis door Sumatra, Bijlage c, TOV, 1930, hlm. 133—157.

23 R.C. Majumdar, Les rois de Cailendra de Suvarnadvipa, BEFEC, XXXIII, 1933, hlm. 121—141.

24 H.G. Quaritch Wales, A newly explored route of ancient Indian Cultural expansion, IAL IX, 1935, hlm. 1—35.

25 G. Coedes, A propos d'une nouvelle theorie sur le site de Srivijaya, JMBRAS, Vol. XIV, Part III, December, 1936, hlm. 1—9.

Malayu mestilah dari "barat laut" menuju ke "tenggara".

Berdasarkan bukti ini, Moens menyatakan bahawa bahagian perjalanan dari Sriwijaya menuju ke Malayu itu mestilah berlaku pada sepanjang bahagian Pantai Timur Semenanjung. Oleh itu dapat diambil konklusi awal: "Bahawa Sriwijaya tua mestilah terletak di atas Pantai Timur Semenanjung".

Seterusnya Moens menyatakan bahawa dengan mengukur lanjut perjalanan-perjalanan dari Sriwijaya ke Malayu selama 15 hari disepanjang Pantai Timur Semenanjung dan dari Malayu ke Kedah selama 15 hari disepanjang Pantai Baratnya, dapatlah diambil suatu konklusi lagi: "bahawa Sriwijaya tua itu adalah terletak sebenarnya diatas garisan lintang yang sama dengan Kedah iaitu 6 darjah utara". (lihat peta 1).

Di samping data yang tersebut di atas, Moens membuktikan lagi kebenaran hipothesisnya dengan fakta-fakta astromoni. Suatu data dari Sejarah T'ang Baru (Hsin T'ang Shu) (618-907 Masihi) berupa arah jatuh bayang-bayang dan ukurannya dari welacakra (tongkat pengukur bayang matahari) waktu berada di wilayah pusat Sriwijaya. Tongkat pengukur bayang yang panjangnya 8 kaki, membayang di Sriwijaya pada jam 12 tengah hari musim panas, maka bayang rembangnya jatuh ke sebelah selatan sepanjang 2 kaki 5 inci.

Dari sini dapat diambil konklusi akhir: "Bahawa tempat ini menurut pemerhatian astronomi, mestilah terletak di atas garisan lintang 5 darjah 50 minit. Saya percaya adalah dekat dengan garisan lintang Kelantan", demikian kata Moens.

Ia menerangkan selanjutnya, ibu kota Kelantan sekarang ialah Kota Bharu, 10 kilometer ke arah pedalaman di atas tebing sungai. Ibu kota lama lebih ke hulu daripada Kota Bharu, dari mana dapat diambil konklusi bahawa negeri Kelantan yang pantainya berpasir tanpa rimba ini adalah bertambah demi bertambah yang menjadikan Kelantan Tua dalam abad ke-7 mestilah lebih jauh ke hulu letaknya, nampaknya ia terletak hampir tepat 5 darjah 50 minit ke utara garisan lintang. Manakala Kuala Kelantan sekarang terletak pada 6 darjah 15 minit ke utara garisan lintang atau 45 kilometer lebih ke utara. Sungguhpun pelayaran adalah sukar dari bulan November hingga Februari, laut senantiasa tenang pada sepanjang tahun selebihnya. Sungai Kelantan senantiasa terbuka bagi pelayaran orang-orang Melayu untuk sejauh 300 kilometer ke arah hulu dan perahu-perahu layar dengan layar selibar 8 kaki boleh sampai ke Kota Bahru di mana Sungai Kelantan seluas 350 meter. Kelantan adalah terkenal dengan emasnya selepas daripada Pahang. Emas ini dikerjakan oleh orang-orang Melayu. Di zaman dahulu, Kelantan lebih gagah dari Patani, sebuah negeri yang sangat rapat hubungan sejarahnya dengan Kelantan dalam sepanjang masa berabad-abad lamanya.

Seterusnya, Moens menyatakan bahawa Kelantan yang dalam abad yang ke-5 Masihi disebut oleh orang-orang Cina dengan Ho-lo-tan berubah menjadi Sriwijaya. Tentulah Ho-lo-tan ini telah mengambil nama baru yang masyhur ini lama sebelum lawatan I-Ching yang pertama. Apa yang diterangkan dalam Sejarah T'ang bahawa duta-duta telah sampai dari Shih-li-Fo-shih dalam tahun-tahun 670-673 Masihi adalah memperkuatkan pandangan ini.

Apa yang telah diterangkan di atas ialah lokasi pusat Sriwijaya ketika dalam peringkat yang pertama dari keterangan I-Ching, tahun 671 Masihi, ketika berada di Kelantan Tua. Kemudian, kita akan bincangkan pula lokasinya ketika dalam peringkat yang kedua setelah pusat Sriwijaya itu telah dipindahkan ke Pantai Timur Sumatera.

I-Ching dalam perjalanan pulangnya dari India ke negeri China dalam tahun 685 Masihi, ketika sampai di Malayu, ia menyatakan: "Kami sampai di negeri Mo-lo-yu yang sekarang *adalah menjadi (Shih-li-)Fo-shih*".Menurut Moens bahawa Malayu di sini bukannya Jambi, tetapi ialah Palembang. Malayu inilah yang diserang oleh Sriwijaya dari Kelantan sekarang dengan lebih dari 20,000 tentera dalam tahun 683 sebagaimana yang tersebut dalam prasasti Kedukan Bukit. Moens menganggap prasasti ini dibuat untuk "memperingati kemenangan Sriwijaya terhadap Malayu iaitu Palembang".

Di antara tahun-tahun 683—685 Masihi, sebelum dari kedatangan I-Ching itu, pusat Sriwijaya sebenarnya telah dipindahkan ke Muara Takus yang terletak di Sungai Kampar. Di sinilah, menurut Moens, tempat I-Ching hidup selama sepuluh tahun. Ini dapat dibuktikan dari keterangan I-Ching sendiri bahawa di ibu kota Sriwijaya yang baharu itu tidak ada bayang yang dapat dilihat daripada welacakra (tongkat pengukur bayang matahari) atau dari manusia pada pertengahan musim panas dan pertengahan musim sejuk, jam 12 tengah hari, juga bayang-bayang maximum (terjadi dalam setahun) ke utara dan ke selatan adalah sama sahaja, alasan-alasan ini membuktikan bahawa tempat Sriwijaya (selepas ia dipindahkan) adalah sangat hampir dengan garisan Khatulistiwa. Tempat ini tidak lain lagi dari Muara Takus. Bukti ini diperkuatkan pula oleh riwayat-riwayat tradisi yang menyatakan bahawa negara Muara Takus waktu dibawah perintah raja terakhir dari Raja Bichau adalah sangat besar, seekor kucing berjalan dari hujung ke hujung selama 3 bulan tidak akan berakhir. "Raja Bichau" itu sama dengan bunyi "Raja (Sri)vijaya". Juga penghulu di kawasan sekitar di gelar "Datu Siepiejaja" yang sama dengan "Datu Sriwijaya".

4. *Jawa.* N.J. Krom menerima pendapat Moens yang menyatakan bahawa Mo-lo-yu dalam catatan I-Ching yang sama dengan Malayu itu adalah nama Palembang di zaman itu, bukannya Jambi. Pendapat ini diperkuatkan oleh Krom dalam tahun 1938[28] dengan bacaan baharu pada prasasti Kedukan Bukit pada akhir baris 7 yang dibaca oleh Coedes dengan "mata(jap)", ia membacanya "mala(yu)", ini bermakna Dapunta Hyang dengan lebih dari 20,000 tenteranya menakluk Malayu iaitu Palembang.

Dari manakah datangnya raja Sriwijaya itu? Krom mempunyai pandangan yang berlainan dari Moens. Ia menyatakan bahawa dalam perjalanan dari China ke India, pada mulanya orang sampai di Ho-ling atau Kalingga dan kemudian baru sampai di Malayu. Tetapi tidak ada contoh (yang tersebut dalam catatan-catatan Cina) yang menunjukkan kedua-dua Ho-ling dan Sriwijaya disebut dalam perjalanan ke India itu. Sekarang lihat suatu contoh seorang penulis Cina Kia-tan yang menulis lama selepas Sriwijaya dibangunkan di Palembang (kira-kira tahun 800 Masihi) berkata bahawa Ho-ling terletak pada suatu jarak 4 atau 5 hari pelayaran dari Sriwijaya

28 N.J. Krom 'De heiligdomen van Palembang; MKNAWL (N.S.) I, 7, hlm. 25—6.

yang menyokong alternatif yang terakhir ini, iaitu: (Yang pertama) meskipun kenyataan I-Ching adalah agak sukar difahami, tetapi tidaklah sukar kalau telah memahami alternatif itu. Kenyataan bahawa ia menulis di Sriwijaya sebenarnya ialah di Malayu yang telah menjadi Sriwijaya, bukan sebahagian daripadanya. Adalah jelas sekali bahawa dalam tahun 671 Masihi, tarikh perjalanan I-Ching yang pertama ke India, Sriwijaya dan Malayu adalah dua negara yang berbeza yang ditunjukkan oleh dua peringkat yang terpisah dalam perjalanannya. (Yang kedua) kajian yang baru telah mencapai pada konklusi bahawa negara asal Malayu mengandungi bukan sahaja Jambi di Sumatera Tengah, juga mengandungi Palembang di Sumatera Tenggara. Ini adalah tepat dengan kenyataan I-Ching bahawa agama Buddha Hinayana dari Mazhab Mulasarwastiwada masih kekal dalam semua negeri di sebelah selatan, Malayu adalah suatu pengecualian, "di sana sedikit sahaja orang yang memeluk Mahayana". Suatu kenyataan yang dikeluarkan segera selepas menyatakan bahawa Malayu telah menjadi Sriwijaya. Wujudnya di Bukit Seguntang suatu arca batu besar Buddha dalam langgam Aamarawati dan Pranidhana dari prasasti Talang Tuwo adalah bukti yang terang bahawa pusat penyembahan yang tua di Malayu adalah dibangunkan di Palembang. (Yang terakhir) bacaan baharu dari prasasti Kedukan Bukit membuatkan ia nyata bahawa Malayu adalah destinasi angkatan laut dan bahawa pendudukan Malayu dan perubahan namanya kepada Sriwijaya adalah kejayaan Raja Sriwijaya yang dicatat dalam prasasti itu. Oleh itu prasasti ini masih boleh dianggap "untuk memperingati", jika tidaklah pembangunan asal Sriwijaya sebagai suatu negara, sekurang-kurangnya suatu "tingkat penting dalam sejarahnya" di mana ia mendapat suatu kejayaan tentera yang penting, memindahkan headquartersnya ke pusat baharu yang hebat, baik dari segi asosiasi-asosiasi agamanya mahupun lokasinya yang strategik.

Berdasarkan hipothesis-hipothesis Moens dan Sastri, dalam tahun 1955, seorang penulis, W.S. Morgan membuat suatu gambaran yang agak baik tentang perkembangan Sriwijaya[35] dari Kelantan ke Selatan Sumatera.

Beliau menggambarkan faktor kebangkitan Sriwijaya di Pantai Timur-laut Semenanjung itu disebabkan oleh kemunduran perniagaan di kawasan Segenting dan makin memuncaknya kemajuan perniagaan menerusi Selat Melaka. Morgan menyatakan bahawa jalan perniagaan yang maju di antara timur dan barat di zaman Fu-nan (dari abad ke-3 sampai ke-6) ialah menerusi Segenting yang sempit. Suatu jalan merentasi daratan yang menyelamatkan dari pelayaran di laut sejauh 1,000 batu.

Dalam abad-abad ke-6 dan ke-7 Masihi, nampaknya makin banyak kapal-kapal yang mempergunakan jalan laut menerusi Selat Melaka. Palembang yang di bawah perintah raja-raja beragama Buddha menjadi makmur. Ini memberikan pukulan kepada perniagaan melalui Segenting. Justeru ini bangkitlah suatu negara yang suka berperang di Kelantan. Negeri ini terkenal dengan hasil emasnya, sawah-sawah padinya yang dapat menampung penduduk yang besar bilangannya dan sebagai tempat pemberhentian yang baik bagi peniaga-peniaga selepas menyeberang Teluk Siam. Raja-rajanya yang memakai nama Sriwijaya telah mempunyai kekuatan yang

35 W.S. Morgan, The Story of Malaya, Malayan Publishing House, Ltd., Singapore, 1955, hlm. 17—18.

Palembang sebagai pusat Sriwijaya. Di bawah ini dikemukakan huraiannya dengan agak singkat:-

a. Segi geomorpologi. Dalam tahun 1954 atas perintah menteri P.P. & K. (Mr. Mohd Yamin), Drs. R. Soekmono bersama dengan seorang ahli topografi angkatan darat telah melakukan penyelidikan terhadap Sriwijaya terutama untuk meneliti garis pantainya dan lokalikasi peninggalan-peninggalan purbakala. Penyelidikan ini dilakukan dari udara dan darat.

Hasil penyelidikan dari udara ialah bahawa garis yang memisahkan tanah teritair dari tanah quartair (terutama alluvium), sebagaimana dinyatakan dalam peta-peta geologi dapat dianggap sebagai garis pantai dahulukala. Maka dengan garis pantai ini sebagai pegangan ternyata bahawa Palembang dan Jambi terletak di tepi laut. Palembang di hujung Semenanjung yang berpangkalan di Sekayu dan Jambi pada sebuah teluk yang menyorok ke dalam sampai di Muara Tembesi. (lihat peta 2 dan 3).

Penyelidikan di darat ternyata memperkuatkan hipothesis ini. Semua peninggalan purbakala, baik di daerah Palembang mahupun di Jambi dan Muara Jambi, tidak ada yang terletak di atas tanah alluvium. Juga tempat-tempat ditemukan prasasti-prasasti seperti Kedukan Bukit, Talang Tuwo dan Telaga Batu letaknya di atas tanah tua.

Menurut keadaan sekarang, kota-kota Palembang dan Jambi itu masing-masing letaknya kira-kira 70 kilometer dari laut dan tanah alluvium yang penuh rawa-rawa dan menjadi lajur daratan rendah di Pantai Timur Sumatera itu adalah hasil pengendapan sungai-sungai yang membawa lumpur dari daerah pedalaman ke laut. Timbul pertanyaan, apakah mungkin sejak zaman Sriwijaya itu pengendapan-pengendapan tadi telah dapat merubah garis pantai itu begitu rupa, sehingga kedua-dua kota tadi menjadi terpisah demikian jauh dari laut?

Menurut Van Bemmelen, garis pantai pada Muara Batang Hari bertambah lebar 7½ kilometer dalam tempoh 100 tahun, bererti 75 meter tiap-tiap tahun. Lebar seluruhnya dari lajur alluvium di sini kira-kira 140 meter. Ini bermakna ia mulai lahir sejak permulaan zaman Masihi.

Proses pengendapan itu pada mulanya lambat, kemudian bertambah cepat. Kerana lambatnya proses ini, dapat ditentukan bahawa lokasi ibu kota Sriwijaya di tepi laut dari permulaan sejarahnya dalam abad yang ke-7 hingga sekitar tahun 1000 Masihi sahaja. Selepas ini proses pengendapan itu terjadi dengan cepat hingga menjadi peta Sumatera sebagaimana keadaan sekarang. Demikian satu ketentuan yang diperolehi tentang lokasi ibu kota Sriwijaya hasil kajian dari segi geomorfologi.

Selain daripada pantai-pantai Palembang dan Jambi, Soekmono membuat tinjauan pula tentang hubungan kepulauan Riau-Lingga dengan Semenanjung. Katanya menurut pendapat Verstappen bahawa di zaman Sriwijaya itu kepulauan ini bersambung dengan Tanah Semenanjung. Nampaknya ia bertujuan hendak menggambarkan bahawa perniagaan timur barat melalui Selat Melaka sewaktu melencong hujung selatan Semenanjung adalah sangat hampir dengan Palembang, khususnya Jambi.

Untuk meyakinkan betapa strategiknya Jambi di tengah jalan perniagaan laut dalam abad yang ke-7, lebih dahulu Soekmono menekankan



Peta 3: Menunjukan Jambi, Palembang dan Upang dalam abad ke-7 Masihi, berdasarkan hasil penelitian geomorfologi.

menimbulkan kesulitan dan kerugian. Maka jalan ini terang tidak banyak mempengaruhi jalannya mengitari Jazirah Melaka. Ada juga pendapat yang baru-baru ini dikemukakan oleh Chand bahawa: Pada suatu masa di sana terdapat suatu jalan laut merentasi Semenanjung yang menjadikan Malaya sekarang sebagai pulau. Akan tetapi ucapan ini hanya berupa kalimah demikian sahaja, tanpa disertai sesuatu bukti ataupun penjelasan. Dengan demikian pendapat ini tidak dapat kita perhitungkan dalam uraian sekarang".

Kemudian Soekmono menolak pula kepentingan Selat Sunda sebagai jalan perniagaan dengan mengambil pendapat Obdeyn bahawa selat ini baru dikenali oleh orang-orang Cina dan Arab sejak tahun 1175 Masihi, juga mempergunakan keterangan van Bemmelen yang menyatakan oleh kerana kesukaran alam yang terdapat di Selat Sunda, ia dapat digunakan untuk pelayaran sejak zaman tengah.

Bila kedua-dua kawasan, Segenting dan Selat Sunda, tidak penting bagi

Palembang berupa arca tidak bertentangan dengan kesimpulan yang telah diberikan. Arca Buddha yang besar sekali dari bukit Seguntang, yang coraknya dapat dikembalikan kepada langgam Amarawati dan arca-arca perunggu yang didapati dari dalam sungai dan bercorak langgam Gupta merupakan petunjuk yang jelas kearah agama Buddha Mahayana di Palembang di sekitar abad ke-6 dan 7 Masihi. Kenyataan ini dapat dihubungkan dengan berita I-Ching bahawa di daerah lautan selatan agama Buddha yang ia jumpai di mana-mana adalah Hinayana (dari mazhab Mulasarwastiwadanikaya) kecuali di Malayu di mana ia jumpai penganut-penganut Buddha Mahayana menutup segala kemungkinan melokalisasi Sriwijaya di Palembang.

Soekmono memakai identifikasi yang dibuat oleh Moens yang menyamakan Malayu dengan Palembang dengan menambahkan pula Jambi dan Muara Takus.

Jelaslah kini bahawa rekonstraksi berdasarkan geomorfologi yang memberi kesimpulan untuk melokasikan Sriwijaya di Jambi sesuai juga dengan bukti-bukti peninggalan purbakala.

7. *Chaiya.* Seorang sejarawan Sri Lanka bernama M.C. Chand Chirayu Rajani dalam suatu kertas kerjanya dalam tahun 1974,[37] melokasikan semula pusat Sriwijaya di Chaiya sebagaimana Quaritch Wales dahulu. Dengan berpandukan kajian-kajian Moens dan Soekmono dan dengan menggunakan keterangan I-Ching sebagai titik tolak, Chand mengemukakan pendapatnya. Dalam pelayaran peringkat pertama dalam tahun 671 Masihi, I-Ching menyatakan pelayaran dari Canton ke (Shih-li-) Fo-shih *selama kurang 20 hari.* Menurut Chand bahawa (Shih-li-) Fo-shih yang dimaksudkan di sini tidak mungkin Palembang sekarang. Pelayaran dari Canton ke (Shih-li-) Fo-shih selama itu, ketika "angin barat" (angin monsun barat laut) mulai bertiup, masa kurang dari 20 hari dari Canton ke Palembang tidak masuk akal. Dalam tempoh itu kapal yang ditumpangi oleh I-Ching tidak mungkin sampai ke daerah Khatulistiwa. Oleh kerana itu (Shih-li-) Fo-shih yang dimaksudkan oleh I-Ching tidak boleh berada di selatan khatulistiwa. Untuk sampai ke Pantai Timur Semenanjung sahaja pada zaman T'ang adalah memakan masa selama 30 atau 40 hari, demikian menurut Chand. Masa 20 hari yang diperlukan oleh kapal I-Ching adalah yang terlaju mengikut rekod untuk tiba disalah satu tempat di Pantai Timur Semenanjung. Tempat itu tidak mungkin lain daripada Chaiya di Teluk Bandon sekarang, di kawasan itu menurut beliau terdapat sebuah bukit yang disebut "Khao Sri Vijaya".

Chand mentafsirkan dua peringkat perjalanan Dapunta Hyang dalam prasasti Kedukan Bukit itu sebagai perjalanan penalukan-penalukannya dari Chaiya ke pulau Sumatera. Ia menyatakan bahawa dari Chaiya itu Raja Sriwijaya berangkat dengan tenteranya pada 11 Waisakha (23 April) menuju Muara Takus di mana baginda mendirikan sebuah pangkalan di sini yang disebut dalam prasasti itu dengan Minanga Tamwan. Pada 7 Jyestha (19 Mei) baginda berangkat dengan tenteranya menyerang Jambi,

37 M.C. Chand Chirayu Rajani, A Geographical Reinterpretation of the Sri Vijayan History, kertas kerja untuk Six International Conference on Asian History, Jogjakarta, Ogos 26—30, 1974.

pendapat yang pada asasnya sama, tetapi dalam bentuk yang berlainan muncul kembali dikemukakan oleh seorang terpelajar Jepun, Tatsuro Yamamoto.[39]

Dalam tahun 1951, beliau meletakkan Ch'ih-t'u di bahagian selatan Semenanjung, tetapi pada waktu-waktu terakhir ini nampaknya ia bersetuju dengan pendapat Wheatley yang meletakkan Ch'ih-t'u di Kelantan dan pendapat T. Tomio yang meletakkan Ch'ih-t'u di Kelantan-Trengganu.

Dalam konteks kemunculan Sriwijaya ke arah akhir abad ke-7 Masihi, Yamamoto cuba mencari negara yang menjadi latar belakang dari Sriwijaya ini yang mana daripadanya Sriwijaya muncul. Jarum pedomannya menunjukkan kepada negara Ch'ih-t'u itu. Tetapi, menurut pendapatnya bahawa berdasarkan suatu fakta dalam Sui Shu yang berbunyi: "Negara Ch'ih-t'u adalah satu bahagian lain dari Fu-nan", menunjukkan bahawa tidak ada hubungan antara Ch'ih-t'u dan Sriwijaya itu, kerana sangat mungkin kebudayaan Ch'ih-t'u mempunyai unsur-unsur Mon-Khmer yang kuat, berbeza dari kebudayaan Melayu yang menjadi tunjang Sriwijaya.

Kemudian Yamamoto membuat suatu kemungkinan pula bahawa Ch'ih-t'u yang terletak di Semenanjung itu merupakan suatu pergantian kuasa. Kemunculan Sriwijaya dan kejatuhan Ch'ih-t'u merupakan pergantian kuasa dari orang-orang Mon-Khmer kepada orang-orang Melayu.

Yamamoto membuat kemungkinan juga bahawa negara yang melahirkan Sriwijaya itu ialah apa yang tersebut dalam catatan China dengan Kan-t'o-li, suatu negara yang sangat mungkin terletak di Sumatera Selatan sebagaimana menurut pendapat O.W. Wolters, tetapi katanya pengenalan yang dikemukakan oleh Kuwata yang meletakkan Kan-t'o-li di Kedah tidak dapat diketepikan begitu sahaja, jadi, hanya tinggal Ch'ih-t'u sahaja yang mempunyai kemungkinan sebagai negara yang melahirkan Sriwijaya yang pertama.

---

39 Tatsuro Yamamoto, Reexamination of Historical Texts Concerning Srivijaya, kertas kerja untuk The Eighth Conference, International Association of Historians of Asia (IAHA), Kuala Lumpur, 25th—29th August, 1980.

Mengikut catatan dari Sulawesi Selatan bahawa pada tahun 1522 Masihi di zaman pemerintahan Raja Gowa ke-IX yang bernama Tumapa' siri'—Kallonna (wafat 1547 Masihi), beliau telah memberi izin bertempat tinggal kepada orang-orang Melayu yang beragama Islam yang menyingkir dari Melaka kerana tekanan orang-orang Portugis dan di zaman pemerintah Raja Gowa berikutnya yang bernama Tunipalangga (1547—1565 Masihi) telah datang ke Gowa seorang yang bernama Anakoda Bonang yang kemudian beliau menjadi pemmpin pula kepada para pedagang yang datang dari Pahang, Patani, Johor, Champa dan Minangkabau,[6] kepada mereka ini oleh Raja Tunipalangga telah memberi hak-hak istimewa. Dalam zaman pemerintahan Raja Gowa ke-XII (1565—1590 Masihi) yang bernama Tunijallo', baginda telah mendirikan pula masjid bagi para pedagang itu di kampung Mangllekana,[7] sebaliknya para pedagang itu bergaul rapat dengan penduduk setempat.[8]

Dalam abad ke-XVIII wujud pula gelombang kedatangan orang-orang dari Sulawesi Selatan ke Semenanjung Tanah Melayu dipimpin oleh Opu Tenderi Daeng Rilaka dengan lima orang anak-anaknya bernama Opu Daeng Perani, Opu Daeng Penambom, Opu Daeng Mereweh, Opu Daeng Celak, Opu Daeng Kemasi dan Datu Ruwatu.[9] Peranan mereka ini sangat besar di Semenanjung Tanah Melayu seperti di Johor, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Pahang, Kedah dan sedikit di Trengganu melalui Riau.[10]

Di Kelantan/Patani tidak terdapat mukimin Bugis-Makasar seperti di negeri-negeri tersebut di atas dan bahkan tidak tampak peranan mereka di kedua-dua negeri ini, namun demikian jejak sejarah hubungan Kelantan/Patani dengan Sulawesi Selatan dapat diteroka jauh sebelum abad ke-XVI Masihi lagi. Ada kemungkinan sekurang-kurangnya antara kedua-dua negeri Kelantan/Patani dan Sulawesi Selatan sudah pun termasuk dalam satu lingkungan unit politik Sriwijaya abad ke-VII Masihi[11] dan unit politik Majapahit abad ke-XIV Masihi[12] yang memberi erti bahawa antara kedua-

5 Lihat *'Peristiwa Tahun-tahun Bersejarah di Sulawesi Selatan dari Abad ke-XIV s/d abad ke-XIX'* hlm. 8, disusun oleh Team Pengolahan dan Penerbit Kantor Cabang II Lembaga Sejarah dan Antropologi Ujung Pandang, 1976 dan lihat juga J. Noorduyn, *Islamisasi Makassar*, hlm. 11, penerbit Bharatara, Jakarta, 1972.

6 Lihat J. Noorduyn, op. cit., hlm. 11 dan Abdul Razak Daeng Patunru, *'Sejarah Gowa'*, op. cit., hlm. 14. Lihat juga Mattulada', *'Islam di Sulawesi Selatan'* hlm. 2 dan 3, terbitan Lembaga Ekonomi dan Kemasyaratan Nasional. Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia. Leknas-Lipi, Jakarta 1976.

7 Lihat Mattulada, op. cit., hlm. 3 dan Abdul Razak Daeng Patunru, op. cit., hlm. 17.

8 Lihat Mattulada, op. cit., hlm. 3 dan 4.

9 Lihat Arenawati *'Silsilah Melayu dan Bugis'* oleh Raja Ali Al-Haj', Pustaka Antara, Kuala Lumpur 1973. Lihat juga Haji Buyong Adil, *'Sejarah Johor'*, hlm. 90, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1971. Prof. Zainal Abidin Batid membetulkan nama-nama tersebut dengan ucapan Bugis' Opu Tenri Borong Daeng Ri Lokke, Opu Daeng Parani, Opu Daeng Manambung, Opu Daeng Marewa, Opu Daeng Cella' dan Opu Daeng Kamase dan Datue ri Watu. Lihat Panitia Penjemputan op. cit.

10 Lihat Haji Buyong Adil, *'Sejarah Johor'* Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971.
Lihat Haji Buyong Adil, *'Sejarah Selangor'* Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971.
Lihat Haji Buyong Adil, *'Sejarah Pahang'* Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971.
Lihat Haji Buyong Adil, *'Sejarah Perak'* Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972.
Lihat Haji Buyong Adil, *'Sejarah Trengganu'* Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.
Lihat juga Muhamad Hassan bin Datuk Kerani Muhamad Arsyad' *'Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah'* Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1965.

11 Lihat Drs. Mattulada *'Bugis-Makassar — Manusia dan Kebudayaannya'* hlm. 5, terbitan khusus Berita Antropologi No. 16 tahun ke-VI, Julai 1974 dan lihat juga Prof. Dr. L. Conda 'La Galigo' *'letterkunde van de Indicshe Archipel'*, Amsterdam Elsevier Brussel, 1974.

12 Lihat Dr. Th Pigeaud dalam *'Java in the fourteenth century'* Vol IV hlm. 32 dan 34. The Hague Martinus Nijholf 1962 dan Muhamad Yamin *'Gajah Mada'* hlm. 51 dan 52, Balai Pustaka, Kementerian P.P.K. 1953.

Di kampung saya dekat Kota Pasir Mas ada sebuah Sekolah dinamakan Sekolah Kebangsaan Makasar, nama ini diberi demikian baru kira-kira 25 tahun yang lalu dari perkataan nama kampung sebenarnya bernama *Kkassa,*[19] tekanan pada huruf *k* pertama. Adapun alasan orang memberi nama sekolah itu dengan nama Makasar selain untuk menghubungkan kata *Kkassa* dengan Makasar di Sulawesi Selatan, juga katanya di zaman dulu ada orang Makasar tinggal di situ,[20] tetapi dalam kajian saya umumnya orang-orang yang tinggal di kampung ini semuanya asli Kelantan.

Adapun hubungan perkataan *kkassa* ini dengan Makasar kemungkinan besar ada, sebab sepanjang jalan raya yang menghubungkan Kota Pasir Mas dengan Kota Bharu (ibu kota bagi negeri Kelantan) ada nama-nama kampung berasal dari perkataan kuno seperti *Saka* (Aji Saka), Tendung,[21] Kutan[22] dan bahkan di Kelantan banyak sekali nama-nama kampung dengan nama-nama kuno seperti Tok Uban (Tuban),[23] Sala, Bukit Baka[24] (Ratu Baka) dan di daerah hulu Kelantan ada pula gunung bernama gunung Semar, Sungai Neggiri dan Sungai Lebir (Luwer dari bahasa Jawa Kuno), sementara itu di Patani pula ada kampung bernama Kersik dan Pasai, semuanya ini memberi petunjuk bahawa ada hubungan bersejarah antara Kelantan/Patani dengan daerah-daerah lain di Kepulauan Nusantara.

Selain daripada itu dalam loghat Kelantan ada pula perkataan Sirik[25] yang sekarang sudah banyak tidak diketahui orang dan tidak digunakan lagi dalam percakapan sehari-hari, tetapi bagi orang-orang tua di kampung masih lagi dipakai perkataan itu untuk menunjukkan seseorang anak atau seseorang dewasa pergi berjalan jauh untuk sesuatu tujuan. Sebelum perang dunia kedua ada seorang Kelantan pergi jauh merantau dan sesudah lama di rantau ia pulang ke kampung halamannya lalu ia di gelar Ahmad Tok Sirik, ertinya Ahmad yang merantau jauh.

Orang Kelantan/Patani sejak dahulu sampai sekarang suka merantau

---

19 Kata *kkassa,* mungkin sekali dari perkataan *Makasar,* sebab dalam ucapan Kelantan banyak sekali kata-kata yang bermula dengan *m* dihilangkan bunyinya misalnya *Majlis* diucap *jjelis,* masjid, *ssejid,* Melayu, *Nnayu,* Mufti, *Ffeti.* Dalam hal ini mungkin ada sungguh orang dari Makasar atau orang Kelantan sendiri pergi ke Makasar, lalu ia digelar *Tok kkassa* atau dalam rangka hubungan di zaman Majapahit lagi, di mana Makasar sudah pun disebut dalam lingkungan Majapahit dan pengaruh Majapahit di Kelantan cukup kuat. Makasar dalam lingkungan Majapahit dapat dilihat dalam Dr. Th Pigeaud vol. IV, op. cit., hlm. 34.

20 Mungkin juga orang Kelantan pernah ke Makasar lalu digelar *Tok kkassa* berhampiran dengan kampung *kkassa* ini ada pula kampung Jias, di kampung Jias ini terkenal seorang tokoh ulama digelar *Tok Jias.*

21 Nama aslinya bagi negeri Tan-Tan/Kelantan seperti disimpulkan oleh Prof. Hsu Yun-ts'ao dan Roland Braddell, lihat 'Sriwijaya' Prof. Dr. Slametmuljana terbitan Percetakan Arnoldus Ende-Flores N.T.T. hlm. 76—77.

22 Kutan sebuah kota di hulu Kelantan selalu disebut-sebut dalam buku Cina lama.

23 Sebuah kampung kira-kira 10 km dari Kota Pasir Mas, banyak ditemui tembikar kuno Cina, lihat 'Kelantan Sriwijaya Pertama' Abdul Rahman Al-Ahmadi, dimuat dalam majalah Dian No. 13, 1967.

24 Nama sebuah bukit di Kota Machang, Kelantan, tetapi sekarang sudah dieja dengan Bukit Bakar, kerana kesalahan dan kekurangan pengertian tentang sejarah lama oleh angkatan baru di Kelantan.

25 Walaupun di Kelantan pengertian *Sirik* agak berbeza dengan pengertian sirik di Sulawesi Selatan yang bererti kehormatan diri, martabat, atau digniti atau pola tingkah laku, sirik na pacce, pacce adalah perasaan yang terbit dari dalam kalbu yang dapat merangsang kepada sesuatu tindakan, ia tidak rela seseorang menderita tanpa memberi bantuan, ia merasa malu, ia merasa puas apabila ia telah melaksanakan sirik dan pacce itu. Lihat H.D. Mangemba 'Sirik dalam pandangan orang Makassar' U. Pandang 14 Mei 1977. Namun begitu sirik di Kelantan ada tersirat pengertian mendorong seseorang berbuat untuk mencapai sesuatu tujuan sebagai pampasan.

dan beliau tinggal di sini selama 4 tahun dan dalam tahun 1452 Masihi beliau pergi pula ke Sulawesi dan tinggal di daerah Wajo di mana beliau meninggal dunia hampir setahun kemudian di situ dalam tahun 1453 Masihi.[30]

Sementara itu ada pula hubungan Kelantan/Patani dengan Sulawesi Selatan secara tidak langsung iaitu melalui Kalimantan seperti tersebut dalam sejarah Trengganu bahawa pada tahun 1139 Hijrah atau 1727 Masihi[31] telah datang Raja Opu Daeng Menambom ke Trengganu bagi upacara perlantikan Tuan Zainal Abidin menjadi Raja Trengganu dengan gelaran Sultan Zainal Abidin Pertama. Dalam perlantikan ini dihadiri pula oleh Raja Nang Cayang Patani, seorang raja perempuan Patani, kerana Tuan Zainal Abidin adalah anak angkat Nang Cayang dan juga sebagai saudara iparnya. Dengan kehadiran Opu Daeng Menambom itu yang kemudian menjadi Raja di Mempawah, Kalimantan Barat dalam tahun 1740 Masihi,[32] bererti adanya kontak antara Patani dengan seorang raja yang berasal dari Sulawesi. Kerana itu ketika terjadi peperangan antara Patani dengan Siam, maka ada sebanyak 40 buah perahu Patani yang dipimpin oleh seorang ulama Patani bernama Syeikh Ali bin Fakeh Al-Patani datang ke Mempawah yang disambut dengan baik oleh Raja Opu Daeng Menambom dan tidak lama kemudian Tuan Syeikh Ali bin Fakeh Al-Patani ini diangkat menjadi Mufti Besar di Kerajaan Mempawah menggantikan Mufti Sayid Hussein Al-Qadri yang meninggal dunia.[33]

Lama sebelum kedatangan Syeikh Ali bin Fakeh Al-Patani ke Kalimantan Barat iaitu kira-kira dalam tahun 1700 Masihi telah datang terlebih dahulu seorang ulama Patani bernama Syeikh Abdul Jalil Al-Patani,[34] beliau menyebarkan Islam di Kalimantan Barat dan beliau meninggal dunia di Sambas, di kalangan rakyat setempat beliau dikenali dengan Kramat Lumbang, kerana makamnya terletak di Lumbang Sambas. Sesudah ini datang pula berturut-turut ulama-ulama Kelantan dan Trengganu berketurunan Patani,[35] salah seorang daripadanya jauh memasuki perhuluan sungai Kapuas, dan beliau meninggal dunia di daerah Jongkong.[36]

Sesudah Syeikh Abdul Jalil Al-Patani ini, maka tak putus-putus sehingga menjelang perang dunia kedua ulama-ulama dari Kelantan/Patani datang ke Kalimantan Barat diantaranya ialah Haji Ismail bin Abdul Majid yang diangkat menjadi Mufti Pontianak dalam tahun 30-an[37] di zaman Sultan Syarif Muhammad Al-Qadri bin Yusuf Al-Qadri (1895—1944).[38] Bersamaan dengan beliau datang juga Haji Abdul Rahman bin Hussein Al-Kelantani, beliau diangkat menjadi Kadi Besar di Mempawah dan beliau adalah kadi terakhir di situ dan beliau meninggal dunia di Mempawah dalam tahun

30 Lihat Abdullah Nakula 'Sejarah Kelantan, Beberapa Lintasan *'Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan,* Kota Bharu, April, 1980, hlm. 20.

31 Lihat Haji Mohamad Salleh bin Haji Awang *'Mengkaji Sejarah Trengganu'* jilid II, hlm. 6, Ahmadiah Press, Singapura 1955.

32 Lihat J.U. Lontaan *'Sejarah-Hukum Adat dan Adat Istiadat Kalimantan Barat'* hlm. 121, Terbitan Pemda Tingkat I Kalbar, edisi 1, 1975.

33 Wan Muhamad Saghir, op. cit.

34 Ibid.

35 Ibid.

36 Ibid.

37 Ibid.dan dimuat juga dalam majalah *Pengasuh* di Kelantan tahun 1979.

38 Lihat J.U. Lontaan, op. cit., hlm. 237.

Haji Awang Gemuk.[48]

2. Berdasarkan kampung-kampung misalnya Tok Kenali.[49]
3. Berdasarkan tempat kelahirannya di luar negeri misalnya Haji Mat Baduwi.[50]
4. Berdasarkan fungsi atau pekerjaannya misalnya Tok Semian,[51] Tok Koda.
5. Berdasarkan keahliannya misalnya Tok Falak, Tok Miqat, Tok Khat.[52]
6. Berdasarkan sifat perangainya misalnya Tok Nik Mat Api, Tok Guru Haji Mat Litar[53] (lintar = halilintar).
7. Berdasarkan loghat daerah baik dalam tulisan[54] maupun dalam percakapan.

---

48 Sultan Mulut Merah digelar demikian kerana bibirnya merah, baginda dikenal juga dengan Sultan Muhamad ke-11, memerintah Kelantan dari 1830—1886, baginda rapat membuat hubungan dengan Siam dan memerintah Kelantan berdasarkan hukum Quran dan Hadis.
Haji Awang Gemuk ada dikatakan beliaulah yang digelar dengan Tok Kemboja Tua, nama sebenarnya tak dapat diidentifikasikan. Kata Awang adalah panggilan timangan keakraban dan Gemuk sifat fisiknya.

49 Tok Kenali dari nama Kampung Kenali, nama sebenar Haji Muhamad Yusuf bin Ahmad, nama timangannya *Awang* Yusuf, beliau seorang ulama besar Kelantan yang mempunyai murid di seluruh Nusantara, lihat W.R. Roff *'Kelantan, Religion Society dan Politics in A Malay State'*, Kuala Lumpur Oxford University Press, 1974.

50 Seorang Kelantan yang lahir di Mekah, menjadi Tok Siak di Masjid Muhamadi, Kota Bharu dalam tahun 1960-an, kerana orang Kelantan menganggap ia suka bergaul dengan orang Baduwi lalu digelar Haji Mat Baduwi.

51 Seorang jurutulis merangkap sekritaris Kerajaan Kelantan di akhir abad ke-19, lalu digelar Tok Semian dari bahasa Siam, *Samian ' jurutulis. Tok Kkoda* selalu dipanggil kepada nakhoda Kelantan yang belayar jauh.

52 Tok Nit Mat Api, seorang ulama berdarah campuran Patani-Kelantan lama bermukim di Mekah sampai akhir hayatnya, beliau sangat pongoh = mudah pemarah kerana itu digelar dengan *api*, saya sendiri dalam tahun 1978 pernah membuat penelitian di Mekah berkenaan peranan beliau membuka percetakan pertama di Kelantan awal abad ke-20 dan juga membuat wawancara dengan beliau berkenaan rundingan kerajaan Kelantan untuk meminta Turki menjadi protectorat Kelantan sebelum Kelantan jatuh ke tangan Inggeris tahun 1903.

53 Haji Mat Litar seorang ulama Kelantan mengajar di Besut Trengganu, kerana sangat pongoh, ia digelar litar-halilintar.

54 Dalam syair Perang Mengkasar yang dikarang oleh Encik Amin banyak sekali kata-kata Kelantan/Patani, misalnya Encik Amin menyatakan dirinya *pandak*, bukan pendek. Di sini saya kutip beberapa contoh:

1. Seraksi ertinya sesuai, cocok hlm. 74 bait 21 terjemahan *as* agak kurang tepat.
2. Bena ertinya tak peduli, tak hirau hlm. 76 bait 27 terjemahan little account.
3. Nin ertinya ini, masih digunakan sehari sekarang ini di Kelantan, hal terjemahannya these betul tepat, hlm. 78 bait 31.
4. Bangat ertinya cepat masih digunakan di Kelantan hari ini hlm. 38 bait 36.
5. Memekis dari perkataan tengkis, orang Kelantan tidak menyebut huruf tengah ng, m, n, misalnya tengkis tekis, lembu, lemu, pintu, pitu, hlm. 82 bait 47.
6. Bertutuh ertinya mengerat atau memotong kayu dengan parang atau kapak dalam konteks kalimat memang betul ia akan smash him to pieces hlm. 86 bait 57.
7. Kisar ertinya mengalih ke arah dengan pelan-pelan hlm. 92 bait 71.
8. Kelih ertinya lihat hlm. 92 bait 76.
9. Geger = bising masih digunakan di Kelantan sampai sekarang ini sehari-hari hlm. 98 bait 97.
10. Bisai dalam bahasa Kelantan disebut *bisa* ertinya menggerunkan, menakutkan kerana wibawa dan physical power seseorang, hlm. 100 bait 102.
11. Kebengkalan ertinya terbengkalai masih digunakan di Kelantan hari ini, hlm. 112 bait 149.
12. Berkawan-kawan ertinya berkelompok-kelompok masih digunakan hari ini di Kelantan untuk menyatakan tindakan sekelompok kawan menuju ke sesuatu arah, hlm. 122 bait 183.
13. Kekurung barangkali teks aslinya *kkurung* = terkurung hlm.. 140 bait 251.
14. Bergala ertinya sejenis belangking untuk menyebatikan papan perahu supaya tidak dimasuki air, hlm. 142, 254.

II

Hubungan Kelantan/Patani dengan Sulawesi secara khusus

Mengikut catatan tertulis dalam buku "Ringkasan Cetera Kelantan" yang ditulis oleh Haji Nik Mahmud bin Ismail, Datuk Perdana Menteri Paduka Raja[1] dalam tahun 1933, dikatakan bahawa dinasti pemerintah Kelantan moden yang bermula dari Long Yunus (1762—1794) berasal dari keturunan anak Raja Bugis bernama Andik[2](Fakeh) Ali yang lari yang dari saudaranya lalu pergi ke Johor dan kahwin dengan Wan Teja, anak Laksamana Kota Tinggi, Johor, kemudian Andik Ali ini pergi pula bersama isterinya ke Patani dalam tahun 1049 Hijrah = 1640 Masihi. Kerana tinggi pengetahuan agamanya orang menggelarnya dengan Fakeh Ali dan dikahwinkan pula dengan Cik Dewi, anak seorang pembesar Patani bernama Sri Biji Diraja. Dari kedua-dua orang isteri ini Andik (Fakeh) Ali mendapat beberapa putera dan puteri yang setengah darinya ada yang menjadi pemerintah negeri termasuk salah seorang daripadanya Long Yunus.

Susur-galur salasilah keluarga diraja Kelantan Bugis ini yang disusun oleh Haji Nik Mahmud bin Ismail ini mendapat persetujuan dari Sultan Ismail ibnu Almarhum Sultan Muhamad Ke-V (1920—1944) dan sebahagian kerabat diraja dalam bulan Oktober 1932,[3] tetapi sebahagian besar kerabat diraja yang lain membantah dan tidak dapat menerimanya, mereka mengatakan bahawa nenek moyang mereka berasal dari seberang laut dari Kembayat Negara. Dalam hal ini, agak wajar bantahan itu mengingat bahawa dalam buku "Ringkasan Cetera Kelantan" ada mengatakan pula bahawa Long Yunus dan panglimanya Long Gaffar telah pergi di Trengganu untuk menyabung ayam dengan panglima Bugis. Sebagai taruhannya ialah jika

---

1 Haji Nik Mahmud bin Ismail, Datuk Perdana Menteri Paduka Raja ialah seorang Menteri Besar (Chief Minister) Kelantan sejak tahun 1915 sampai sesudah perang dunia kedua. Beliau mendapat pendidikan di Mekah berguru kepada Haji Wan Ahmad bin Muhamad Zain bin Mustafa Al-Patani 1901 dan pernah melawat ke Mesir dalam tahun 1905 dengan gurunya Haji Wan Ahmad Zain Mustafa Al-Patani, ikut juga dalam lawatan itu Tok Kenali.

2 Perkataan Andi ini baru saja digunakan di Sulawesi Selatan dalam sekitar tahun 20-an (keterangan Ch Pelras seorang sarjana Perancis terkenal dalam hal-ehwal Sulawesi Selatan) tetapi mengikut Mattulada digunakan sekitar tahun 1931, lihat *"Bugis-Makassar. Manusia dan Kebudayaannya"* hlm. 14, terbitan khusus Berita Antropologi No. 16th Ke-V Julai 1974. Kerana adanya gelaran *Andik* di Kelantan inilah, maka ada setengah golongan *Nik* yang merasa dan mengakui diri mereka dari keturunan Bugis. Nik itu kependekan dari Andik, huruf A dihilangkan dan *d* di tengah tidak dibunyikan, tetapi setengah pula golongan *Nik* mengatakan mereka dari Bugis, tetapi letak negeri Bugis itu dekat negeri China yang bererti *Kembayat Negara*. Dalam permainan Makyung perkataan *Nik* selalu disebut-sebut oleh tokoh hero dan *Tok Pperan* (tokoh pelawak jenaka) yang bererti *Tuanku*.

3 Lihat Nik Mohamad Salleh *"Salasilah Raja-raja Kelantan"* Seminar Sejarah Kelantan dan Budaya Wilayah Kelantan, Kota Bharu, Kelantan April 1980. Beliau mengutip pula tulisan Anker Rentse *"History of Kelantan"* dalam JMBRAS jilid 12 bahagian 2 Ogos 1934 yang menyatakan seluruh kerabat diraja Kelantan membantah dan tidak dapat menerima nenek moyang mereka dari Bugis. Lihat juga R.D. Winstedt "A History of Malaya" edisi ke-3 tahun 1962, hlm. 144—155, yang menyatakan sama dengan Anker Rentse bantahan kerabat diraja Kelantan terhadap buku "Ringkasan Cetera Kelantan".

b. bahawa Long Yunus dikatakan adalah putera kepada Long Senik (Long Nik) dan Long Nik ini ialah putera kepada Datuk Pangkalan Tua. Datuk Pangkalan Tua ialah putera kepada Datuk Wan dan Datuk Wan Putera kepada raja Kembayat yang melarikan diri ke Patani dan akhirnya beliau dipelihara oleh Raja Patani. Putera Kembayat Negara inilah kemudian menjadi raja Patani dengan gelar Datuk Wan.

3. Ketiga ada mengatakan bahawa Long Yunus putera Long Sulaiman dan Long Sulaiman adalah putera raja Kembayat Negara yang melarikan diri ke Patani kemudian ke Pangkalan Datu di Kelantan, tetapi beliau kembali lagi ke Patani dan meninggal di sana. Mendengar ayahandanya telah meninggal dunia di Patani, maka Long Sulaiman pergi ke Patani dan kahwin di sana mendapat seorang anak bernama Long Yunus, kemudian Long Yunus dihalau oleh Raja Patani terus mengembara ke Kelantan.
4. Keempat ada mengatakan bahawa Long Yunus adalah putera Long Nik, Long Nik adalah putera Datuk Pangkalan Tua dan Datuk Pangkalan Tua ialah putera Datuk Wan Raja Patani. Cerita ini tidak menyebut Datuk Wan ini anak siapa, tetapi ada dikatakan Datuk Wan ini raja Kembayat Negara.
5. Kelima ada mengatakan bahawa Long Yunus berasal dari Pasai, Sumatera dari keturunan Syeikh Saifudidn.

Dari kelima versi di atas, maka versi yang paling banyak mengatakan bahawa negeri asal usul Long Yunus ini berasal dari Kembayat Negara, dalam hal ini baiklah diperhatikan apa yang ditulis oleh Abdullah Nakula[8] mengenai salasilah asal usul raja-raja Kelantan yang nanti ada hubungan dengan Champa dan Sulawesi Selatan.

Mengikut penelitian Abdullah Nakula bahawa dinasti Kelantan bukanlah dari Bugis dan juga bukan dari Kembayat Negara, tetapi berasal dari Patani/Kelantan sendiri, hanya beberapa peristiwa yang membawa kekeliruan itu. Sebenarnya sewaktu Kelantan berada di bawah pemerintahan Patani dalam tahun 1521—1637 Masihi,[9] Raja Patani telah melantik gabenornya memerintah Kelantan dengan gelaran Datu berpusat pemerintahan di Pangkalan Datu,[10] dekat Kota Bharu sekarang, di antara Datu-Datu yang memerintah Kelantan ialah Datu Jamaluddin (1547—?), beliau adalah kakanda kepada Datu Mustafa yang menjadi Datu Jambu, Jering dekat Patani. Sewaktu Datu Mustafa mendengar keluarganya yang memerintah di Champa yang bernama Sultan Yakub Syihabuddin yang disebut oleh orang Cina dengan Cha-Kau-Po-Lo (memerintah 1505-?)[11] diserang oleh

---

OW boleh dibaca dengan *Su* iaitu kependekan dari kata Sanskrit dan kata *Suwarna* bererti *emas*, sebaliknya pula Anker Rentse berpendapat tulisan itu hanya bunga hiasan untuk memenuhi ruangan yang kosong. Lihat *"Jurnal Persatuan Sejarah Kelantan*, bilangan 1, tahun 1964. 1965 hlm. 53—54.

8 Abdullah Nakula *"Kelantan, Peranan Yang Tersembunyi Dalam Sejarah Malaysia"* manuskrip 1975.

9 Ibid.

10 Lihat Abdul Rahman Al-Ahmadi *"Masjid Kampung Laut perlu dirawat dan dipelihara"* dimuat dalam *"Mingguan Kota Bharu"*, Kelantan, 27 Julai 1968, di mana penulis menerangkan tentang lokalisasi *Kerajaan Cermin* yang menyiarkan Islam ke pulau Jawa. Letak Kerajaan Cermin ini di Pangkalan Datu, dekat Kota Bharu dan berhampiran dengan Pangkalan Chepa (Champa).

11 Abdullah Nakula, op. cit., hlm. 26.

orang Yuwun, baginda berangkat ke Kemboja dan tinggal di Kompong Cham dan tak lama kemudian meletuslah peperangan di daerah sempadan antara pasukan baginda dengan pasukan orang-orang Yuwun. Dalam peperangan ini baginda meninggal dunia kerana uzur dan umur yang begitu lanjut. Baginda dimakamkan di Rokan Bopran dalam wilayah Tbaung Khmum, Kompong Cham, Kemboja.[17]

Kerana peristiwa sejarah ini menjadi tema pokok dalam salasilah raja-raja Kelantan mengatakan mereka berasal dari Kembayat Negara seperti ditulis oleh Encik Othman bin Yusuf dalam bukunya *"Ringkasan Tarikh Kelantan"* menyatakan bahawa asal usul nenek moyang raja-raja Kelantan berasal dari *Kembayat Negara*[18] yang kalah perang melawan orang-orang Cina lalu berundur ke Pangkalan Datu, Kelantan, kemudian Raja Kembayat Negara itu pergi ke Patani membawa tentera untuk menolong Raja Patani dan baginda mangkat dalam peperangan ini. Di sini nampak kesilapan penulis buku itu, ia bertukar nama negeri yang disebut, mestinya ia menyebut pergi ke Kemboja, Kompong Cham melalui Patani untuk membantu raja Champa. Kesilapan semacam ini terjadi pula kepada penulis sejarah Kelantan Encik Asaad Shukri dalam tulisannya *"Riwayat Kelantan"* yang disiarkan dalam majalah *"Kenchana"* tahun 1930—1931 yang menyatakan bahawa salasilah raja-raja Kelantan berasal dari Kembayat Negara yang mengundurkan diri dengan perahu ke Pangkalan Datu setelah kalah perang dengan Cina.

Kekeliruan nampaknya terdapat pula pada "Ringkasan Cetera Kelantan" yang mengatakan bahawa salasilah raja-raja Kelantan berasal dari Bugis berasaskan kepada seorang tokoh bernama Andik Ali atau Fakeh Ali atau Agung Runan,[19] sebenarnya kalau dikembalikan kepada sejarah Sulawesi Selatan memang ada seorang tokoh bernama To Ali yang menjadi Arung Matowa Wajo Ke-XVIII yang dalam tahun 1621 Masihi pernah mendirikan sebuah masjid raya yang dalam upacara perasmian dihadiri oleh Raja Gowa, Raja Tallo' Raja Bone dan Datu Soppeng.[20] Baginda adalah saudara tua kepada La Ma'dusila,[21] pernah satu ketika dalam zaman pemerintahannya tahun 1626 Masihi, baginda (To Ali, Arung Matowa Wajo Ke-XVIII) dipecat menjadi Arung Matowa kerana selama pemerintahannya orang Wajo tidak memperolehi padi yang cukup.[22] Baginda berkali-kali menjadi Arung Matowa dan satu ketika pula pernah menghasut

---

17 Abdullah Nakula op. cit., yang beliau perolehi dari Prof. Jaspan tahun 1966.

18 Ibid., yang diambil dari buku itu dalam bentuk manuskrip.

19 Mengenai *Agung Runan* ini disebut oleh Winstedt, barangkali beliau salah menulisnya sesudah mendapat keterangan dari orang-orang Kelantan. Bagi menulis lebih cenderung perkataan Runan itu kependekan dari *keturunan*, bagi orang Kelantan selalu menyebutnya *tturunan*, kalau tidak hati-hati mendengarnya akan berbunyi runan saja, dan dalam konteks nama agak terbalik mestinya *Runan Agung* — keturunan agung. Dalam bahasa Makassar *runan* ertinya *buah yang gugur dengan sendirinya*. Keterangan ini penulis perolehi dari Dr. Ahmad Paliarngi teman baik penulis sejak di Vichy Perancis dan di Paris, juga dalam kamus *"Makassar-Nerderlands Woorden Book"* oleh A.A. Cense terbitan s Gravenhage-Martinus Nijhoff 1979 memang mempunyai erti buah yang gugur.

20 Lihat J. Noorduyn *"En Achttiende-Eeuwse Kroniek Van Wajo" Buginese Historiografie"* hlm. 97, 109, 113. 115. 120. 254. 268. 272 terbitan s-Gravenhage 1955 lihat juga *"Peristiwa Tahun-tahun Bersejarah di Sulawesi Selatan dari abad* ke-XIV s/d abad ke-XIX. hlm. 22, 23 dan 24.

21 J. Noorduyn, op. cit., hlm. 254.

22 "Peristiwa tahun-tahun bersejarah ....." op. cit., hlm. 23.

Patani menyamar diri dengan nama Ali Abdullah dengan tujuan untuk membawa lebih banyak lagi orang Patani tinggal di Gowa.[31] Nama Ali Abdullah ini ada disebut dalam *"Salasilah Tenete"* yang disusun oleh Almarhum Abdul Razak Daeng Patunru' yang mengatakan bahawa La Mauraga Daeng Malliungen, Datu Mario ri Wawo Soppeng telah beristeri dengan seorang puteri Melayu bernama Sitti Johar Manikam, anak dari Endi (Encik) Ali Abdullah, Datu Pabeen Ince Rantan Kasiang seorang bangsawan dari Johor.[32] Catatan Almarhum Abdul Razak Daeng Patunru' ini agak sesuai pula dengan salasilah dari Wajo yang disusun oleh Andi Permata, bahawa leluhurnya (Andi Parmata) yang ke-VII dulu bernama Sogiosa, Karaeng Tanete ada beristeri dengan seorang puteri bangsawan Melayu dari Semenanjung Tanah Melayu yang datang dari suatu tempat di pinggir barat Sulawesi Selatan iaitu di daerah Tanete, Barru yang kemudian diberi nama Pancana.[33]

Sesuai dengan kebiasaan orang Kelantan/Patani di zaman dahulu suka sekali merubah nama dikala merantau, maka begitulah agaknya terjadi pada Endi' Ali ini yang satu ketika bernama Ali Abdullah dan ketika yang lain dikenal dengan Tok Kkoda Bonang dan nama gelar yang paling terkenal ialah Datu Maharajalela. Dalam *"Syair Perang Mengkasar"* yang dikarang oleh Encik Amin, nama Datuk Maharajalela[34] disebut-sebut sebagai panglima yang membantu Sultan Hasanuddin, di samping beliau ada disebut lagi seorang pahlawan Champa bergelar Seri Amar Diraja.[35]

Menjelang berakhirnya perang Hasanuddin, Datuk Maharajalela tidak semuafakat untuk melanjutkan perang,[36] mungkin beliau berselisih faham dengan Karaeng Karunrung yang tetap ingin melanjutkan perang, kerana itu ada tuduhan bahawa orang-orang Melayu berintrik dengan Belanda,[37] hingga banyaklah orang Melayu terpaksa meninggalkan perkampungan mereka di Ujung Pandang.[38] Dalam hal ini mungkin juga Datuk Maharajalela ikut meninggalkan Gowa dan memang mengikut catatan Kelantan beliau pulang ke Patani di zaman pemerintahan Raja Kuning (1635—1698 Masihi) dan tak lama kemudian beliau meninggal dunia dalam usia yang agak lanjut di Pangkalan Datu, Kelantan.[39]

Dari keterangan serba ringkas di atas dapat dijelaskan tentang ke samar-samaran tentang tokoh Andik Ali atau Fakeh Ali anak raja dari Bugis yang menurunkan raja-raja Kelantan dan kedua orang tokoh ini bukanlah tokoh yang sama, tetapi tokoh yang berlainan sama sekali, hanya secara kebetulan

---

31 Koresponden surat dg. Abdullah Nakula.

32 Prof. Zainal Abidin Barid dibantu oleh Andi Permata dan Drs. H. Dg. Mangemba *"Hubungan Sejarah Malaysia dan Sulawesi Selatan"* Panitia Penjemputan Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia Tun Haji Abdul Razak. S.M.N. Seksi Sejarah. Ujung Pandang, 3 Mei 1972.

33 Ibid.

34 S. Skinner *"Sja'ir Perang Mengkasar"* oleh Encik Amin, hlm. 29, 88. 124, 160, 164, 166, 202, 216, 240. S. Granvenhage-Maertinus Nijhoff—1963.

35 Ibid., hlm. 146, bagi penulis beliau ini mungkin tokoh yang sama dengan *Paduka Raja* yang berangkat bersama-sama Datuk Maharajalela ke Gowa dan tokoh ini mungkin sama pula dengan *Seri Amar Pahlawan* dalam *"Hikayat Patani"* *"The Story of Patani,* op. cit., hlm. 170, yang pada suatu ketika pernah berjuang di Champa di zaman raja Po Rome, ayah kepada Datuk Maharajalela.

36 S. Skinner *"Sja'ir Perang Mengkasar"* op. cit., hlm. 216.

37 Ibid., op. cit., hlm. 289.

38 Lihat Abdul Razak Daeng Patunru *"Sejarah Gowa"* op. cit., hlm. 62.

39 Lihat Abdullah Nakula, manuskrip hlm. 55.

mencatat dalam kitabnya berjodol *"Hadiqatul Azhar Wal-Riahin"* tentang sejarah Sulawesi Selatan. Beliau menyatakan dalam kitab itu bahawa beliau telah memperoleh dari Sayid Abdul Rahman Al-Qadri Sultan Pontianak (mulai memerintah 1771—1808 Masihi)[43] satu daftar[44] keturunan orang-orang Bugis berasal dari Ratu Balqis yang kemudian menurunkan Datu Palinge (داتوفليغي), La Patoto (لفتوتو) Batara Guru (بتاراكورو), raja Ke-VI disebutnya dengan La Galigo (لكيلل), sedangkan raja Ke-VIII Paduka Sawerigading (فدوكا سورريغئ) mereka semua belum beragama Islam dan dapat naik ke langit. Adapun raja pertama masuk Islam disebutnya La Ma'dusila (لام دسيله) dalam tahun 800 Hijrah — 1397 Masihi. Sesudah itu Haji Wan Ahmad Al-Patani ini menyebut pula tentang persebaran orang-orang Bugis ini menjadi raja di Kedah, Selangor, Riau, Langkat dan Pontianak. Di sini yang penting dari catatan beliau ini ialah sebagai seorang Patani yang bermukim di Mekah telah memasukkan sejarah Sulawesi Selatan dalam kitab agamanya yang menunjukkan bahawa beliau di samping mempunyai tradisi sejarah hubungan masa lampau antara Kelantan/Patani dengan Sulawesi Selatan juga mungkin beliau mempunyai hubungan rapat pula dengan ulama-ulama dan Mukimin Bugis-Makasar di Mekah.

Penting juga untuk dicatat di sini bagaimana erat hubungan Kelantan/Patani dengan Sulawesi Selatan melalui buku "Sejarah Melayu" yang ditulis oleh Tun Sri Lanang berdasarkan kepada hikayat Melayu yang dibawa orang dari *Goa*. Berbagai pendapat tentang *Goa* ini, ada yang mengatakan letaknya di India, tetapi akhir-akhir ini banyak pula mengemukakan bahawa negeri Goa itu tak lain ialah *Gowa* di Sulawesi Selatan. Dalam hal ini penting sekali untuk diteliti bagaimana Tun Sri Lanang sendiri menyatakan dalam kata pendahuluannya bahawa orang yang mendorong beliau menulis "Sejarah Melayu" itu ialah *Raja Dewa Said Seri Nara Wangsa* yang bernama *Tun Bambang*, anak *Seri Akar Raja Patani*, seorang besar, terlebih mulianya dan terlebih besar martabatnya daripada yang lain duduk dalam suatu majlis orang-orang besar bersenda gurau waktu itu.[45]

Memang tradisi sejarah hubungan Kelantan/Patani dengan Sulawesi Selatan tak putus-putus sampai menjelang perang dunia ke-II. Dalam 1919 terdapat beberapa pelajar agama dari Bugis Sulawesi Selatan datang belajar di Masjid Besar Muhamadi dengan Tuan Guru Tok Kenali dalam ilmu nahu, saraf, usuluddin dan fikh.[46] Sebaliknya pula dalam tahun 1978 sewaktu lawatan penelitian saya ke Makassar (Ujung Pandang) saya agak terkejut mendapati beberapa siswa Kelantan sedang belajar di sana, salah seorang daripada mereka belajar di Universitas Hasanuddin,[47] dan dalam tahun yang

---

Leiden, 1931 dan juga W.R. Roff *"The origins of the Malay Nationalism"* hlm. 45, Pustaka Ilmu, University of Malaya Press, Singapura, 1967.

43 Lihat J.U. Luntaan *"Sejarah Hukum Adat dan Adat Istiadat Kalimantan Barat"*, hlm. 237, Terbitan Pemda Tingkat I Kalbar, 1975.

44 Ahmad bin Muhamad Zain bin Mustafa Al-Patani *"Hadiqatul Azhar Wal-Riahin"*, hlm. 209—210, Persama Press Pulau Pinang. Dalam buku ini disebut bahawa beliau menerima daftar *Keturunan Raja-raja Bugis* itu sampai 40 raja-raja.

45 Lihat W.G. Shellabear *"Sejarah Melayu"* oleh Tun Sri Lanang, hlm. 2, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1979.

46 Fail Majlis Agama Islam tahun 1919, Arkib Negara, Kuala Lumpur.

47 Sayang penulis tidak mencatat nama-nama mereka, hanya penulis bertanya kepada mereka kenapa

Bibliografi Umum

Abdul Rahman Al-Ahmadi, *"Sastera Melayu Lama dan Islam"* dimuat dalam buku *"Kesusasteraan Melayu dan Islam"* Penerbitan Sarjana Enterprise, Kuala Lumpur 1980.

——— *"Tokoh dan Pokok Pemikiran Tok Kenali"* diterbitkan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Kuala Lumpur, 1982.

——— *"Kelantan sebagai pusat pemancaran Kebudayaan dan Agama"*, kertas kerja Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan, Kota Bharu, Kelantan, April, 1980.

——— *"Kelantan Sriwijaya Pertama"* Dian No. 13, 1967.

"Mat Saman Kelantan" manuskrip.

——— *"Kelantan sebagai pusat pemancaran Islam di zaman dahulu"* Mingguan Kota Bharu, Kelantan, 19 Disember, 1968.

"Masjid Kampung Laut perlu dirawat dan dipelihara". Mingguan Kota Bharu, Kelantan 27 Julai 1968. *"Melati* Kota Bharu" Al-Hikmah, Kota Bharu, 1939.

Abdul Kadir Adabi *"Kelantan peranannya yang tersembunyi dalam sejarah Malaysia"* manuskrip dan sebahagian disiarkan dalam majalah Adabi, Kota Bharu, Kelantan, 1978.

Abdullah Nakula *"Sejarah Kelantan, Beberapa Lintasan"* kertas kerja Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan, Kota Bharu, Kelantan April, 1980.

Abdul Razak Daeng Patunru *"Sejarah Gowa"* diterbitkan oleh Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan dan Tenggara di Makassar 1967.

Ahmad bin Muhamad Zain bin Mustafa Al-Patani *"Hadiqatul Azhar Wal-Riahin"* Persama Press, Pulau Pinang.

Ali Haji (Raja) *"Silsilah Melayu dan Bugis"* diedit oleh Arena Wati Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1973.

Asaad Shukri *"Sejarah Kelantan"* Pustaka Aman Press, Kota Bharu, Kelantan, 1962.

——— *"Detik-detik Sejarah Kelantan"*, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, Kelantan, 1971.

——— *"Riwayat Kelantan"* Majalah Kenchana 1930/31.

Arena Wati *"Ikatan Sejarah Yang Merangkumi Tanah Semenanjung dan Sulawesi"*, Dewan Masyarakat, Jun, 1972, Kuala Lumpur.

Buyong (Haji) Adil *"Sejarah Johor"* Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1971.

——— *"Sejarah Selangor"* Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1971.

——— *"Sejarah Pahang"* Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1971.

Bandar Kota Bharu : Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya

NIK MOHAMED BIN NIK MOHD SALLEH

SEJAK dari awal abad ke-18 Masihi ibu kota negeri Kelantan ialah Kubang Labu yang terletak di tebing sebelah barat Sungai Kelantan di antara Kampung Pekan dengan Kampung Wakaf Bharu sekarang ini. Raja Kelantan yang terakhir memerintah di Kubang Labu ialah Long Muhamad bin Long Sulong atau Tuan Long Nik. Baginda telah dikalahkan oleh Long Yunus yang datang menyerang Kelantan dari Trengganu kira-kira pada tahun 1760 Masihi.[1] Berikutan dari peperangan itu Kota Kubang Labu telah rosak binasa dan rakyatnya telah melarikan diri ke tempat-tempat lain.

Setelah beroleh kemenangan, Long Yunus menjadi raja pemerintah Kelantan dengan gelaran Yang Dipertuan kira-kira pada tahun 1760 Masihi.[2] Baginda membina kota istananya di Kampung Galuh yang terletak di tebing sebelah timur Sungai Kelantan berhadapan dengan Kampung Pekan sekarang ini. Pada masa itu Kampung Galuh dikenali juga sebagai Kampung Ce' Bu.[3] Kampung Galuh mempunyai sebuah pangkalan yang dipanggil Pangkalan Leser atau Pengkalan Galuh.[4] Pada masa sekarang ini Kampung Galuh lebih dikenali sebagai Kampung Kota Lama. Adapun kota atau istana yang dibangunkan oleh Long Yunus di Kampung Galuh itu dipanggil Istana Galuh.[5] Long Yunus sebagai Yang Dipertuan Kelantan bersemayam di

1 "Ringkasan Cetera Kelantan" (RCK) oleh Haji Nik Mahmud bin Ismail (Datuk Perdana Menteri Paduka Raja) menyebut bahawa "peperangan ini berlaku di dalam tahun Hijrah 1176" (hlm. 26) yang bersamaan dengan kira-kira 1760 Masihi. *"Sejarah Kelantan"* (SK) oleh Asaad Shukri Haji Muda pula menyebut "peperangan itu berlaku pada tahun 1762 Masihi atau tahun 1176 Hijrah" (hlm. 43).

2 *"Cetera Kelantan"* (CK) (Cenderamata Perayaan Kemahkotaan) menyebut "pada akhir tahun Hijrah 1176 (tahun Masihi 1762) Baginda Long Yunus ditabal menjadi Sultan pemerintah Kelantan...." (hlm. 32).

3 RCK, hlm. 27; SK, hlm. 47—48.

4 *"Kelantan Dari Zaman Ke Zaman"* (KZZ) oleh Mohd. Hussin Khalief Haji Awang, hlm. 35.

5 KZZ, hlm. 37.

Muhamad itu tinggal impian sahaja dengan sebab sebelum sempat didirikan kota istana yang baru di tempat itu telah meletus perang saudara di antara pihak Tengku Muhamad Yang Dipertuan Kelantan dengan pihak putera-putera Long Yunus yang diketuai oleh Long Muhamad dan pengikut-pengikut mereka yang terdiri dari orang-orang Kelantan. Perang saudara itu merebak menjadi perang antara Kelantan dengan Trengganu.

Dalam pusingan pertama perang antara Kelantan dengan Trengganu (iaitu antara pihak Tengku Muhamad, Yang Dipertuan Kelantan dengan pihak putera-putera Long Yunus) pihak Tengku Muhamad, Yang Dipertuan Kelantan yang disokong oleh hulubalang-hulubalang Trengganu dan Siak (sebuah negeri Melayu di Sumatera Timur) telah mengalahkan pihak putera-putera Long Yunus yang memberontak itu.[12] Long Muhamad dan saudara-saudaranya serta pengikut-pengikutnya dari orang-orang Kelantan telah undur ke kawasan Pasir Lalat di Hulu Kelantan. Di situlah Long Muhamad dan orang-orangnya membuat persediaan dan rancangan bagi merebut negeri Kelantan dari tangan iparnya Tengku Muhamad. Pada kira-kira tahun 1799 Masihi Long Muhamad dan pasukannya mara ke hilir Kelantan. Setelah bertempur dengan hebat beberapa hari negeri Kelantan dapat ditawan oleh Long Muhamad. Tengku Muhamad, Yang Dipertuan Kelantan dan pengikut-pengikutnya terpaksa berundur ke Kuala Trengganu buat selama-lamanya. Setelah beroleh kemenangan iaitu pada tahun 1800 Masihi, Long Muhamad menjadi raja pemerintah Kelantan sebagai Yang Dipertuan dengan bergelar Sultan Muhamad yang kemudiannya terkenal sebagai Sultan Muhamad I.[13] Sesudah mangkat, iaitu dalam tahun 1835 Masihi, Sultan Muhamad dikenali sebagai Sultan Mandul kerana baginda tidak mempunyai anak. Di zaman kemudiannya baginda juga terkenal dengan gelaran Marhum Tua atau Marhum Mandul.

Mungkin sekali 'Kota' di Kampung Galuh yang telah dibina oleh Long Yunus itu telah rosak binasa akibat perang antara Kelantan dengan Trengganu pada tahun-tahun 1798—1800 Masihi yang tersebut itu.[14] Mengikut cerita orang tua-tua Sultan Muhamad I mendirikan ibu negeri Kelantan di Pulau Saba yang terletak di tepi tebing timur Sungai Kelantan (di kawasan jeti Jabatan Kastam sekarang ini).[15] Di atas Pulau Saba inilah Sultan Muhamad I membina kota istananya dan lain-lain bangunan serta juga sebuah masjid. Pulau Saba telah menjadi pusat pemerintahan atau ibu kota negeri Kelantan selama 42 tahun iaitu dari tahun 1800 hingga tahun 1842 Masihi.

Apabila Sultan Muhamad I mangkat dalam tahun 1835 Masihi negeri Kelantan telah diperintah pula oleh Long Zainal (Long Jenal) adindanya

---

12 RCK, hlm. 33.

13 RCK, hlm. 32—33; SK, hlm. 53.

14 RCK menyebut bahawa di dalam perang saudara itu pihak Long Muhamad dan rakyat Kelantan telah mengepung Kota Yang Dipertuan di Pangkalan Galuh itu (hlm. 32). Lihat juga SK, hlm. 53.

15 Mengikut SK dikatakan Long Muhamad telah "membuat sebuah kota balai dan istana. Apabila siap lalu digelarkan "Kota Kebun Meseta" (hlm. 55). "Kebun Meseta" atau lebih tepat "Kebun Mengseta" pada suatu masa dahulu terletak ke sebelah selatan Pulau Saba. Sebahagian besar dari bekas "Kebun Menseta" itu telah runtuh ke dalam Sungai Kelantan di zaman sebelum tahun 1900 Masihi dan sebahagian lagi yang masih tinggal itu telah diduduki oleh pangkalan keretapi di Kota Bharu.



Rajah 1: Bandar Kota Bharu disekitar Tahun 1900 Masihi.

"Buluh Kubu" itu termasuk tapak Istana Balai Besar adalah menjadi hak Sultan yang memerintah secara turun-temurun. (Lihat Rajah 2). "Buluh Kubu" kemudiannya lebih terkenal dengan panggilan "Dalam Kubu".

Setelah kota itu siap dibina kira-kira pada tahun 1844 Masihi, Sultan Muhamad II pun berangkat dan bersemayam di kota serta istana yang baru itu. Kota dan istana itu pada mulanya dikenali atau dipanggil "Kota Bharu" mengambil sempena kota dan istana yang baru dibina itu. Ia segera berkembang menjadi pusat pemerintahan dan pentadbiran negeri Kelantan. Ia menjadi ibu negeri Kelantan di zaman moden ini. Oleh sebab terjadi kekeliruan dengan kerana nama kota istana itu dipanggil "Kota Bharu" dan ibu negeri Kelantan juga dipanggil "Kota Bharu", maka Sultan Muhamad II menitahkan supaya kota istana tempat Baginda bersemayam itu diberi nama yang lain pula iaitu "Istana Balai Besar" supaya berbeza dengan Kota Bharu yang menjadi nama bandar dan ibu negeri Kelantan.

Bentuk Istana Balai Besar itu kekal tidak berubah hingga ke masa sekarang ini, melainkan bahagian hadapan dan balai penghadapan saja telah dipinda dalam zaman pemerintahan Sultan Muhamad IV (1900—1920 Masihi) disamping beberapa tambahan yang telah dibuat dalam zaman pemerintahan Sultan Ismail (1921—1944 Masihi).

Istana Balai Besar ini telah menjadi tempat berlangsungnya segala upacara dan adat istiadat yang kecil dan besar serta bersejarah sejak dari tahun 1845 Masihi sehingga kepada masa sekarang ini, seperti upacara istiadat pertabalan atau kemahkotaan, pengurniaan gelaran kebesaran dan bintang-bintang, perkahwinan diraja, sambutan tetamu atau pembesar-pembesar dari luar negeri, istiadat ulang tahun diraja atau "Puja Umur", upacara istiadat menjunjung duli dan lain-lain lagi.

Sejak terdirinya Istana Balai Besar dan bandar Kota Bharu dalam tahun 1844 Masihi, rakyat mula membuat rumah-rumah kediaman dan kampung halaman mereka masing-masing di sebelah hilir dan hulu kawasan Buluh Kubu atau Dalam Kubu itu, sehingga lama-kelamaan menjadi perkampungan yang besar. Di zaman permulaannya, Kota Bharu merupakan sebuah bandar yang kecil lagi sempit kawasannya, mungkin didiami oleh antara 3,000—5,000 orang sahaja. Kawasan penting dan yang agak penuh sesak didiami orang pada zaman permulaannya ialah di kawasan hilir bandar Kota Bharu yang lebih dikenali dengan nama Kampung Masjid dan Kubang Pasu atau Balik Hilir dan kawasan hulu yang meliputi Jalan Haji Cik Su (Kampung Gajah Mati) dan Jalan Tok Hakim sekarang ini. Pusat perniagaan dan pasar Kota Bharu mula-mulanya terletak di kawasan tepi Sungai Kelantan kira-kira di sekitar Taman Sekebun Bunga sekarang ini (di sebelah hilir panggung Lido sekarang). Di luar kawasan-kawasan yang tersebut itu pada masa itu ialah tanah belukar dan padang.

Istana Balai Besar telah didiami oleh beberapa orang Sultan Kelantan. Sultan Muhamad II (Long Senik bin Long Tan) yang memerintah Kelantan dari tahun 1839 hingga tahun 1886 Masihi bersemayam di Istana Balai Besar. Kemudian didiami pula oleh tiga orang Sultan iaitu Sultan Ahmad (Tuan Ahmad bin Tuan Senik Mulut Merah) yang memerintah Kelantan antara tahun 1886 hingga tahun 1889 Masihi; Sultan Muhamad III (Tuan Kundor



Pintu dan pagar dalam bahagian hadapan Istana Balai Besar (gambar tahun 1910).



Pintu dan pagar luar bahagian hadapan Istana Balai Besar (gambar tahun 1910).

bin Tuan Ahmad) yang memerintah Kelantan antara tahun 1890 hingga tahun 1891 Masihi.

Dalam zaman pemerintahannya Sultan Ahmad mengurniakan sebidang tanah dalam kawasan "Buluh Kubu" kepada puterinya yang bernama Tuan Kembang (dikenali juga sebagai Tuan Puteri) atau Tengku Puteri yang menjadi isteri kepada Tengku Besar atau Tengku Timun, yang menjadi Sultan di negeri Patani antara tahun-tahun 1881—1890 Masihi. Tuan Kembang ialah bonda kepada Tuan Bongsu (atau Tengku Sulaiman Syarifuddin) yang menjadi Sultan negeri Patani antara tahun-tahun 1890—1899 Masihi. Tengku Sulaiman Syarifuddin pula ialah ayahanda kepada Tengku Abdul Kadir Kamaruddin yang menjadi Sultan negeri Patani antara tahun-tahun 1899—1902 Masihi.

Tengku Abdul Kadir Kamaruddin ialah ayahanda kepada Tengku Ahmad Zainal Abidin bergelar Tengku Seri Akar Raja, Tengku Mahmud Mahiyiddin dan Tengku Zabidah (bonda kepada Tengku Ahmad Rithauddeen). Tengku Abdul Kadir Kamaruddin ialah Sultan negeri Patani yang terakhir kerana pada tahun 1902 Masihi kerajaan Siam yang menjadi penaung negeri Patani telah memansuhkan takhta kerajaan Melayu Patani, serta menangkap Tengku Abdul Kadir Kamaruddin atas tuduhan menderhaka kepada kerajaan Siam yang pada tahun itu merampas secara kekerasan negeri Patani dan menjadikannya sebuah wilayah takluk Siam.[23] Setelah dibebaskan dari penjara pada tahun 1905 Masihi, Tengku Abdul Kadir Kamaruddin dan keluarganya melarikan diri ke Kota Bharu, Kelantan di mana baginda menetap tinggal hingga akhir hayatnya pada tahun 1933 Masihi.[24]

Adapun tanah yang telah dikurniakan oleh Sultan Ahmad kepada Tuan Kembang atau Tengku Puteri itu diwarisi pula oleh Tengku Ahmad Zainal Abidin bergelar Tengku Seri Akar Raja ayahanda kepada Tengku Nurulaini isteri kepada Tengku Ahmad Rithauddeen. Kawasan itu sekarang terkenal dengan nama Kampung Tengku Seri Akar. Sebidang lagi tanah yang terletak di sebelah hulu Istana Balai Besar dikatakan telah dikurniakan oleh Sultan Ahmad kepada salah seorang puteranya yang lain.

Di zaman akhir pemerintahan Sultan Ahmad itu juga beberapa orang putera dan puterinya telah membina kota istana mereka masing-masing di kawasan sebelah hulu bandar Kota Bharu. Kota-kota istana itu terkenal dengan panggilan Kota Temenggong iaitu kota istana kediaman Tuan Salleh yang bergelar Tengku Temenggong; Kota Tengku Seri Pekerma iaitu kota istana kediaman Tuan Sulaiman (atau Tuan Man) bergelar Tengku Seri Pekerma Raja; Kota Tengku Seri Maharaja iaitu kota istana kediaman Tuan Mahmud (atau Tuan Long Mahmud) bergelar Tengku Seri Maharaja; Kota Tengku Merah iaitu kota istana kediaman Tuan Merah (puteri); dan kota istana Tengku Bendahara iaitu kota istana kediaman Tuan Chik Abdullah bergelar Tengku Bendahara. Saudara kepada Sultan Ahmad iaitu Tuan Jaafar (atau Tuan Abdul Ghafar) bergelar Tengku Temenggong (atau lebih dikenali dengan panggilan Tengku Putera Dalam Kebun) membuat kota istananya

23 "Sejarah Kerajaan Melayu Patani" (SKMP) oleh Ibrahim Syukri, hlm. 126—127.
24 SKMP, hlm. 129.



Bandar Kota Bharu Sekarang.

Tinggi.[27] Pada 25 Julai 1903 Masihi Tuan William Armstrong Graham dan Penolongnya Tuan H.W. Thomson tiba di Kota Bharu dari Bangkok dengan kapal perang Siam untuk memegang jawatan mereka masing-masing. Pentadbiran baru di negeri Kelantan itu terkenal dengan nama "Pentadbiran Graham" yang berjalan selama tujuh tahun dari 25 Julai 1902 hingga kepada 15 Julai 1909 Masihi. Apabila negeri Kelantan diserahkan oleh Siam kepada Inggeris mengikut Perjanjian Inggeris-Siam tahun 1909 Masihi.

Dalam tempoh tujuh tahun itu banyak perubahan telah berlaku baik dalam bidang pentadbiran negeri Kelantan mahupun pada bandar Kota Bharu. Beberapa Jabatan Kerajaan telah ditubuhkan iaitu Khazanah (Perbendaharaan) bertempat disebuah rumah kecil dalam kawasan rumah Istana Balai Besar disebelah hulu Istana; Mahkamah-mahkamah Rendah, Tengah dan Tinggi terletak di bangunan baru berdekatan dengan rumah kediaman Menteri Besar Kelantan, Datuk Hassan bin Muhd. Salleh. Pada tahun 1916 Masihi rumah kediaman Menteri Besar Datuk Hassan telah dibeli oleh Kerajaan dan dijadikan bangunan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan; Pejabat Penjara terletak di bangunan penjara lama iaitu di antara bekas rumah kediaman Tengku Kalsom dan Tengku Meriam (isteri Sultan Ismail) dengan Hotel Temenggong sekarang dan pada zaman itu penjara tersebut terkenal dengan nama "Gok Burok"; Pejabat dan Balai Polis bertempat di kawasan Jabatan Kastam dan Eksais sekarang; Pejabat Pos dan Sekolah terletak di kawasan tiang bendera di sebelah matahari naik Padang Merdeka sekarang; Pejabat Cetak terletak di Jalan Sultanah Zainab sekarang di hadapan bekas Sekolah Arab Naim Perempuan; dan Pejabat Pelajaran dan Pejabat Tanah terletak di hadapan Istana Balai Besar di sebelah hulu. Sebuah hospital baru juga dibina terletak di kawasan hadapan Pejabat Jajahan dan Tanah dan Pejabat Bandaran Kota Bharu sekarang. Sebelum dari itu Bangunan Hospital terletak di kawasan Kilang Mancis Api di Kampung Sungai Keladi. Di samping itu sebuah Pasar Besar baru telah juga dibina dalam tahun 1907 Masihi bertempat di kawasan Taman Sekebun Bunga sekarang. Pasar Besar ini terbakar dalam tahun 1927 Masihi lalu dibina yang baru pula di tempat sekarang ini. Dalam tahun 1908 Masihi sebuah Penjara baru telah siap dibina di sebelah matahari jatuh Padang Datuk Perdana (dahulu terkenal dengan nama Padang Churchill) berhampiran dengan Stadium Sultan Muhamad IV sekarang. Sebahagian dari tapak bangunan Penjara itu sekarang diduduki oleh bangunan pejabat Rancangan Membasmi Malaria.

Pada tahun 1909 Masihi negeri Kelantan diserahkan oleh Siam kepada Inggeris di bawah Perjanjian Inggeris-Siam tahun 1909 Masihi. Bandar Kota Bharu terus berkembang secara beransur-ansur. Pada tahun 1912 Masihi cawangan Mercantile Bank dibuka di Kota Bharu. Bangunan bank itu ialah seperti yang masih ada hingga sekarang ini terletak di sebelah hilir Padang Merdeka. Tapak bangunan bank itu asalnya tapak rumah kediaman Nik Yusof bin Nik Abdul Majid bergelar Datuk Seri Paduka yang menjadi Menteri Besar Kelantan antara tahun-tahun 1894—1900 Masihi. Pada tahun

27 "The British-Siamese Relations with Kelantan: 1900—1910" oleh Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, (kajian ilmiah, tahun 1959, Universiti Malaya di Singapura).



Pintu masuk Masjid Besar Kota Bharu (gambar tahun 1905).

sebelah hulu hingga ke Kampung Puteh (di persimpangan Jalan Kampung Puteh dan Jalan Pintu Geng sekarang). Nama jalan ini mengambil sempena nama kampung di kawasan itu yang di zaman dahulu (sejak awal Abad Ke-19 Masihi) bertanam dengan pohon-pohon sireh.

11. *Jalan Wakaf Siku* — Jalan ini bermula dari persimpangan Jalan Rest House dengan Jalan Hospital dan menghala ke persimpangan Jalan Langgar dan Jalan Wakaf Che Yeh. Di persimpangan ini di zaman sebelum tahun 1945 Masihi ada sebuah wakaf yang dinamakan Wakaf Siku mengambil sempena nama Kampung Siku di sekitar kawasan itu. Sekarang jalan ini dinamakan Jalan Sultan Ibrahim.
12. *Jalan Rest House* — Jalan ini bermula dari persimpangan Jalan Seri Maharaja dengan Jalan Kampung Sireh. Ia bersambung dengan Lorong Gajah Mati dan menghala ke timur bersambung dengan Jalan Hospital. Jalan Rest House ini mengambil sempena bangunan Rest House (Rumah Rehat Kerajaan) yang diperbuat daripada kayu dan berwarna hitam yang dibina dalam tahun dua puluhan dahulu. Rest House ini telah diroboh kira-kira dalam tahun enam puluhan.
13. *Jalan Hospital* — Jalan ini bermula dari persimpangan Jalan Temenggong dan Jalan Wakaf Siku dan bersambung dengan Jalan Rest House dan Jalan Jail. Dinamakan Jalan Hospital kerana di zaman sebelum tahun 1930 Masihi di sebelah hilir jalan itu ada sebuah hospital kerajaan (berhadapan dengan Pejabat Bandaran dan Pejabat Jajahan dan Tanah Kota Bharu sekarang). Hospital ini tiada lagi kerana telah dirobohkan apabila hospital yang ada sekarang siap dibina sebelum tahun 1935 Masihi.
14. *Jalan Doktor* — Jalan ini bermula dari persimpangan Jalan Jail dan menghala ke persimpangan Jalan Tok Hakim dan Jalan Tengku Seri Maharani. Di zaman sebelum tahun 1950 Masihi terdapat sebuah hospital (bangunan kayu) di persimpangan Jalan Jail dengan Jalan Hospital. Hospital ini ialah khusus bagi bangsa kulit putih (bangsa Eropah atau pegawai-pegawai Inggeris) dan di situ terdapat sebuah rumah tempat kediaman seorang doktor bangsa Inggeris dan sebab itulah jalan itu dinamakan Jalan Doktor.
15. *Jalan Tengku Seri Maharani* — Jalan ini bermula dari persimpangan Jalan Doktor dan Lorong Parit Dalam dan menghala ke timur hingga ke persimpangan Jalan Kebun Sultan dan Jalan Padang Garong. Nama jalan ini ialah sempena gelaran Tengku Seri Maharani yang disandang oleh Tengku Kembang binti Tengku Long Senik atau Sultan Muhamad IV.
16. *Jalan Padang Garong* — Jalan ini bermula dari persimpangan Jalan Tengku Seri Maharani, Jalan Padang Bongor dan Jalan Kebun Sultan menghala ke persimpangan Jalan Jail. Nama jalan ini ialah sempena nama kawasan itu iaitu Kampung Padang Garong. Sekarang jalan ini dinamakan Jalan Mahmud sempena nama Menteri Besar Kelantan antara tahun 1920—1944 Masihi iaitu Haji Nik Mahmud bin Ismail. Di zaman sebelum tahun 1970 Masihi ada

dengan panggilan "Langgar Raja". Di sinilah terdapat makam Long Yunus iaitu pengasas negara kesatuan dan negara moden Kelantan. Baginda mangkat pada tahun 1794 Masihi. Di situ juga terdapat makam-makam Sultan-sultan Kelantan yang memerintah Kelantan sesudah Long Yunus iaitu makam Sultan Muhamad I (mangkat pada tahun 1835 Masihi), makam Sultan Muhamad II atau Sultan Mulut Merah (mangkat pada tahun 1886 Masihi), makam Sultan Ahmad (mangkat pada tahun 1889 Masihi), makam Sultan Muhamad III (mangkat pada tahun 1890 Masihi), makam Sultan Mansur (mangkat pada tahun 1900 Masihi), makam Sultan Muhamad IV (mangkat pada tahun 1920 Masihi), makam Sultan Ismail (mangkat pada tahun 1944 Masihi), makam Sultan Ibrahim (mangkat pada tahun 1961 Masihi) dan makam Sultan Yahya Petra (mangkat pada tahun 1979 Masihi). Di hadapan "Makam Langgar Raja" itu terdapat pula tanah perkuburan orang-orang Islam bukan dari keturunan bangsa Melayu.

21. *Jalan Post Office Lama* — Jalan ini bermula daripada persimpangan Jalan Atas Banggol menghala ke hulu sampai ke Jalan Wali Haji Che Mud (sekarang sebahagian dari Jalan Post Office Lama). Nama jalan ini ialah sempena pejabat pos yang terdapat di situ. Pejabat Pos ini ialah yang pertama di Kelantan dibina dalam tahun 1903 Masihi dan dirobohkan kira-kira pada tahun tiga puluhan. Sekarang tapak bangunan pejabat ini menjadi sebahagian daripada Padang Merdeka di bahagian barat.
22. *Jalan Gertak Raja Peranat* — Jalan ini menghubungi Jalan Atas Banggol dengan Sungai Keladi melintasi Gertak (jambatan) Peranat dan bersambung dengan Jalan Kampung Cina dan seterusnya Jalan Penambang. Sekarang jambatan itu tiada lagi. Nama "Raja Peranat" itu ialah sempena nama Tengku Chik bin Tuan Bongsu yang dikurniakan oleh Raja Siam dengan gelaran Siam "Phra Amnat Amnoe Kit" dan gelaran ini dipanggil oleh orang-orang Kelantan sebagai "Raja Peranat". Tengku Chik bin Tuan Bongsu terkenal juga dengan panggilan Tengku Chik Penambang. Di zaman pertengahan pemerintahan Sultan Muhamad IV (1900—1920 Masihi) Tengku Chik telah dikurniakan gelaran Tengku Panglima Raja.
23. *Lorong Tok Semian* — Lorong ini menghala dari timur ke barat bermula dari pedalaman Kampung Tok Semian (di sebelah timur) sampai ke persimpangan Jalan Kubang Pasu. Nama "Tok Semian" ialah mengambil sempena "Che Abdul Rahman" (atau Che Deraman) iaitu seorang penulis diraja di zaman Sultan Mansur (1891—190C Masihi) dan Sultan Muhamad IV (1900—1920 Masihi). Perkataan "Semian" berasal dari bahasa Siam yang bererti "jurutulis". Isteri Che Deraman namanya Wan Zainab berasal dari Kampung Pak Nik Ya di Kampung Kubang Pasu. Pada mulanya Lorong Tok Semian hanya sebatang lorong sahaja tetapi kemudian nama itu diberi juga kepada dua lorong lagi yang sehala (selari) dengan Jalan Tok Semian yang asal. Jadi Lorong Tok Semian yang kemudian ditukar

Bharu. Pada masa sekarang ini ibusawat api elektrik adalah terletak di Lundang Jalan Pasir Puteh. Bekalan api elektrik mula digunakan dalam bandar Kota Bharu pada akhir tahun 1926 Masihi dan mulai daripada awal tahun 1927 Masihi lampu-lampu minyak jalan raya dalam bandar Kota Bharu beransur-ansur digantikan dengan api elektrik yang dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya.[30]

Pada tahun 1929 Masihi Hospital Besar Kota Bharu mula dibina di satu kawasan di Kampung Padang Garong (tempat sekarang ini). Pada masa itu Hospital Besar Kota Bharu yang dikenali sebagai Hospital Umum Kota Bharu adalah terletak di satu kawasan berhadapan dengan Pejabat Tanah dan Pejabat Jajahan Kota Bharu sekarang.[31]

Pada tahun 1932 Masihi, Pasar Kubang Pasu telah siap dibina di satu kawasan paya atau kubang di bucu Kampung Kubang Pasu yang ditimbun dengan tanah sebelum bangunan pasar itu didirikan. Bangunan pasar itu asalnya ialah bangunan pasar di Kampung Machang yang dipindahkan ke Kubang Pasu di Kota Bharu.[32]

Pada tahun 1935 Masihi pula bekalan air paip mula digunakan orang di dalam bandar Kota Bharu. Sebelum daripada tahun itu penduduk-penduduk bandar Kota Bharu menggunakan air dari perigi atau telaga masing-masing ataupun dari Sungai Kelantan bagi mereka yang tinggal berhampiran dengan tebing Sungai Kelantan.[33]

Di dalam zaman pemerintahan Tentera Jepun dan Tentera Siam di antara tahun 1941 hingga tahun 1945 Masihi bandar Kota Bharu tiada mengalami banyak perubahan tetapi walau bagaimanapun ia terus berkembang.

Pada tahun 1934 Masihi, semua tanah dalam kawasan "Buluh Kubu" atau "Dalam Kubu" telah dijadikan sebagai "Tanah Sultan" atau 'Sultanate Lands'. Mengikut 'Enactment No. 5 of 1934: The Sultanate Lands Enactment' semua tanah di dalam kawasan Buluh Kubu berserta dengan hasil mahsul dan keuntungan daripadanya adalah terletak di bawah dan menjadi harta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan. Dengan itu maka Istana Balai Besar serta dengan tanah-tanah di dalam kawasan Buluh Kubu menjadi hak pemerintah (Sultan) daripada seorang Sultan kepada seorang Sultan yang lain sampai sekarang.[34]

Sejak dari tahun 1945 Masihi bandar Kota Bharu telah banyak bertukar rupa. Tentu ramai di antara rakyat Kelantan khususnya penduduk bandar Kota Bharu dan terutama sekali generasi muda tidak tahu tempat-tempat lama yang terkenal yang tiada lagi pada masa sekarang ini.

Sejak 25 tahun yang lalu bandar Kota Bharu yang ada sekarang ini telah mengalami banyak perubahan. Tetapi perubahan pesat berlaku hanya setelah tahun 1970 Masihi. Bukan saja kawasan bandar Kota Bharu telah menjadi semakin bertambah luas dari kawasan asalnya, bahkan juga jalan-jalan raya,

---

30 KAR, 1926, hlm. 9.
31 KAR, 1929, hlm. 19.
32 "Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Kelantan for the Year 1932" (ARSEPK, 1932) hlm. 31.
33 ARSEPK, 1936, hlm. 51.
34 ARSEPK, 1934, hlm. 37 dan 'Enactment No. 5 of 1934'.

perkembangan kebudayaan dan keperibadian mereka.

Di dalam perutusannya sempena "Perayaan 131 Tahun Terdirinya Bandar Kota Bharu" yang berlangsung dari 16 hingga 31 Julai 1975 Masihi, YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, berkata:

> "Sejarah Kota Bharu ini memang penuh dengan peristiwa suka dan duka. Bagaimanapun kejayaan bandar Kota Bharu berkembang maju selama itu menunjukkan kebijaksanaan nenek moyang kita memilih tapak bagi dijadikan "growth pole" atau pusat kemajuan sesuatu daerah. Kita patut berbangga dan merasa terhutang budi atas jasa dan pandangan jauh peneroka-peneroka di zaman silam yang telah mewariskan bandar yang indah ini.[36]

36 (Sama seperti '35') hlm. 7.

Abdul Kadir bin Ahmad (Abdul Kadir Adabi) (17.8.1901—24.2.1944). Seorang pemikir bangsa yang ulung.

tahun 1922, Abdul Kadir Adabi telah membuat lawatan ke Patani dan lain-lain daerah selatan Siam.[16]

Bagi menyarakan hidupnya dalam tahun 1923 Abdul Kadir Adabi bekerja menjadi penolong penulis (petition writer) kepada Mat Saman bin Jambul iaitu bapak sepupunya yang terkenal dengan gelaran Tok Loyar (Lawyer) kerana bijaknya membuat surat-surat rayuan dan petisi kepada pihak kerajaan.[17]

Sambil bekerja sebagai penolong *petition writer* ini Abdul Kadir Adabi menulis makalah-makalah dalam beberapa majalah seperti *Pengasuh*, dan majalah di luar Kelantan seperti majalah *Idaran Zaman* dan *Saudara*. Pada waktu itu ia sangat gemar membaca akhbar dan majalah dari Indonesia keluaran Betawi, (Jakarta), Bandung, Surabaya dan Medan.[18]

Dalam makalah pertama "Permintaan",[19] Abdul Kadir Adabi bertanya, kemusykilannya berbunyi:

1. Apakah kewajipan atas tiap-tiap yang bermakalah?
2. Tak apakah kalau seseorang tiada mengerjakan bagaimana yang ia serukan umat dengan kebajikan?
3. Apakah asas bagi tiap-tiap kemajuan?
4. Betulkah seperti sangkaan saya bahawa kemuliaan seseorang itu boleh meluluskan apa kehendaknya?

Pertanyaan kemusykilan beliau ini mendapat perhatian dan jawapan daripada Hj. Mohamad Said Gunung yang menyatakan:

> bahawa kewajipan bagi setiap orang yang bermakalah itu ialah mengisi dalam setiap perkataannya dengan ajaran Quran, Hadis, teladan dari para sahabat, hukama, attiba, dari para hikayat dan nawadir yang dapat mengisi hati para pendengarnya. Dan seorang itu tidak menjadi apa-apa kalau seruan-seruan itu tidak dikerjakan oleh orang lain, tetapi seboleh-bolehnya kalau tidak dikerjakan semuanya, sekurang-kurangnya mendapat faedahnya, ibarat hujan kalau tidak lebat setitik pun jadilah. Adapun asas kemajuan itu ialah yang terutama sekali ialah *"benar"*, dari benar terbit bersatu kata dengan perbuatan. Mengenai pertanyaan keempat memang seseorang dipandang mulia kalau ia mendapat meluluskan kehendaknya.[20]

Perhatian Adabi tentang masyarakat dinyatakan pula dalam artikel kedua bersiri dalam *Pengasuh* bertajuk *"Nasib"* dimana beliau menyatakan bahawa orang tidak boleh mengubah nasib tanpa bekerja dan Tuhan sendiri telah memerintah hambanya supaya berusaha, diambilnya ayat Quran dan hadis Nabi untuk memperkuat hujah-hujahnya dan contoh bangsa-bangsa di dunia yang telah mencapai kemajuan dan kemerdekaan, berkat dari usaha-usaha mereka yang keras, seperti Prince Ito dari Jepun yang telah membangun Jepun dan Richard Arknight dari seorang tukang cukur menjadi pencipta mesin dan akhirnya berjaya mendapat gelar kebangsawanan Inggeris. Begitu juga dengan Napoleon dari seorang yang berpangkat

16 Lihat Al-Hikmah 6 Julai 1939 th 6 bil. 251 hlm. 20.
17 Keterangan oleh En. Mohamad Yusuf Al-Yubi *ibid.*
18 Keterangan diperolehi dari Haji Hussein Latiffi Yahya.
19 Lihat *Pengasuh* 22 Mei 1921 th 3 bil. 72 hlm. 5.
20 Lihat *Pengasuh* 21 Julai 1921 th 4 76 hlm. 3.

Muhamadi, bahagian pengantar Inggeris telah dihantar beberapa pelajar lepasan sekolah ini ke Kolej Melayu Kuala Kangsar, mereka ialah Nik Ahmad Kamil bin Hj. Nik Mahmud, Tengku Hassan bin Isa[27] dan Hassan bin Sulaiman. Sebelum itu sudah ada belajar di sana ialah Tengku Yusuf Ibnu Al-Marhum Sultan Muhamad ke-IV, Tengku Nurrudin bin Tengku Abdul Kadir, Abdullah Kaya Bakti dan Tengku Yacob bin Tengku Chik.

Sementara bahagian pengantar Arab dalam tahun 1926 telah dikirim pula Nik Mustapha Fadhil bin Hj. Nik Mahmud dan Yusuf bin Hj. Wan Hassan belajar ke Mesir,[28] dan dalam tahun 1928 dikirim pula pelajar ke Maktab Perguruan Tanjung Malim: mereka ialah Syeikh Salleh Bamadhaj, Tengku Abdul Majid bin Tengku Lunik, dan Hj. Ibrahim bin Mohamad.[29] Dalam tahun 1928 juga dikirim pula Nik Hussein bin Zainal belajar ilmu pertanian di Kuala Lumpur.[30]

Penubuhan Kolej Melayu di Kuala Kangsar pada tahun 1905, dan diikuti oleh penubuhan Maktab Perguruan Tanjung Malim Perak tahun 1922, menimbulkan pula keinginan di Kelantan untuk juga ada sebuah kolej di Kelantan. Dalam sebuah tajuk rencana *Pengasuh* tahun 1922 "Bolehkah diadakan sebuah kolej di Kelantan[31] isinya:

> Inilah suatu pertanyaan yang sedang terlintas di dalam fikiran kita sekarang, maka sebelum orang lain menjawab terlintas pula pada penilikan kita jawapan yang segera bahawa pada masa ini belum lagi boleh dibangunkan sebuah kolej di dalam Kelantan, kerana perbelanjaannya besar, dikecualikan dengan bantuan: (1) orang kaya-kaya atau (2) Majlis Agama Islam atau (3) kerajaan ataupun (4) orang ramai. Maka atas perkecualian tersebut itu banyaklah kita bahas tiap-tiap satu daripadanya boleh dijawab pertanyaan itu Ya! boleh!

Rencana itu mendapat sambutan dari pembaca yang menyokong penubuhan kolej itu. Tetapi cara bagaimana untuk membiayainya, sebab kerajaan dan Majlis tak mampu untuk mengeluarkan belanja pembangunan. Syor pihak *"Pengasuh"* supaya pembiayaan oleh orang ramai dengan cara menaikkan cukai 5% atau 10% diatas cukai-cukai dan hasil yang dipungut daripada orang ramai atau cara yang kedua dari wang loteri sebanyak $500,000 ditolak $200,000 untuk membangun kolej dan bakinya digunakan untuk dijadikan hadiah.[32] Syor ini mendapat tentangan orang ramai kerana akan memberatkan kehidupan rakyat,[33] sedang syor dari kutipan wang loteri menimbulkan pula pertentangan dengan pihak Majlis sendiri yang

---

27 Lihat a. *Pengasuh* 15 Ogos 1920 th 3 bil. 53 hlm. 7, 8 kesemua anak-anak yang baharu masuk atas belanja Majlis Agama Islam kecuali Nik Ahmad Kamil dengan belanja Kerajaan sedang yang lama dengan belanja sendiri dan belanja kerajaan.
b. *Pengasuh* th 6 bil. 142 hlm. 8, 12 Mac 1924 melaporkan bahawa pada 18 Disember 1923, Abdullah bin Omar Johor, dan Nik Hassan Isa telah pun lulus Junior Cambridge darjah 7 Kolej Melayu Kuala Kangsar dan telah balik untuk berkhidmat dengan kerajaan.

28 Lihat *Pengasuh* 22 September 1926 th 9 bil. 204 hlm. 11.

29 Lihat *Pengasuh* 5 April 1928 th 11 bil. 242 hlm. 9.

30 Lihat *Pengasuh* 20 Mei 1928 th 11 bil. 245 hlm. 11.

31 *Pengasuh* 6 Oktober 1922 th 5 bil. 106 hlm. 11, 12 dan lihat "Fikiran-fikiran Penubuhan Universiti di Kalangan Orang Melayu". Oleh Drs. Rahman Al-Ahmadi, Fail Ensaiklopedia Budaya, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, K.L.

32 Lihat *Pengasuh* 6 Oktober 1922 th 5 bil. 106 hlm. 11, 12.

33 Lihat *Pengasuh* 4 November 1922 th 5 bil. 108 hlm. 6, 7, 8.

memasuki Kota Bharu Kelab, sebuah kelab untuk pegawai-pegawai kerajaan yang didirikan pada tahun 1915 atas inisiatif Encik Mohamad Ghazali bin Mohamad Ariffin.

Walaupun Abdul Kadir Adabi sebagai seorang yang pernah akrab dengan golongan diraja, tidaklah menghalangi beliau memberi fikiran dan mengkritik kepincangan masyarakat yang dilihat waktu itu. Dibawah tajuk "Apakah yang terjadi di Kelantan sekarang",[43] beliau meminta supaya masyarakat tolong menjawab pertanyaan beliau itu: Apakah yang sangat berhajat oleh negeri yang seperti itu terlebih dahulu daripada yang lain, "kerana perubahannya yang saya lihat sekarang sesungguhnya membingungkan saya". Disini pihak pengarang *Pengasuh* mengajak pembaca tolong menjawab pertanyaan Abdul Kadir Adabi itu, tetapi sayang tiada siapa pun yang menjawabnya, lalu Abdul Kadir Adabi sendiri membentangkan persoalannya dengan tajuk "Perjudian dan Persundalan".[44]

Dalam tajuk di atas itu Abdul Kadir Adabi menyatakan dari mana puncanya perjudian dan persundalan itu, dan apakah yang mengekalkan hidupnya masa itu. Mengikut pemeriksaan Abdul Kadir Adabi, perjudian dan persundalan itu di negeri Kelantan menjadi pusaka yang termasuk dibawah bidalan "biar anak itu termalang, asalkan keduanya jangan terhilang". "Jalan bagaimana sebaiknya untuk menghilangkannya? Abdul Kadir Adabi bertanya.

Pertanyaan Abdul Kadir Adabi ini tidak ada yang menjawab, hanya mendapat sorotan seorang pembaca yang bernama Abdul Rahman bin Hj. Ahmad yang bertanya pula tentang persoalan ini.[45] Rupanya pertanyaan Abdul Kadir Adabi ini seolah-olah untuk memancing-mancing masyarakat ke gelanggang polemik dan Abdul Kadir Adabi sendiri sudah bersedia untuk menjawab pertanyaannya sendiri itu, tetapi sayang pihak *Pengasuh* tidak menyiarkan perkara ini.

Kerana *Pengasuh* tidak mahu menyiarkan perkara ini dalam majalahnya, maka perkara ini dilanjutkan pembicaraannya dalam majalah di luar Kelantan, iaitu majalah *Idaran Zaman*[46](Pulau Pinang) yang berturut-turut menyiarkannya di bawah tajuk "Perkara Judi di Kelantan" di mana terjadi perbahasan antara beberapa orang penulis seperti Hakki, Ahmadi, Awang Senik, Watani Kelantan, Inteleger dan In Return.

Bagi Hakki bahawa perkara perjudian itu tidaklah sehebat sepertimana yang dikhabarkan dan kerajaan telah pun melarangnya[47] tetapi tulisan Hakki ini ditentang hebat oleh Awang Senik yang menyatakan bahawa Hakki hendak menutup bangkai gajah di tengah jalan dengan hujung batang penanya; kepada Ahmadi pula Awang Senik menyatakan dalam tajuk "Salak tidaklah meruntuhkan bukit"[48] dan perkara judi itu memang sungguh sedang berleluasa di Kelantan. Sebaliknya Ahmadi[49] menghantam pula

43 Lihat *Pengasuh* 11 Jun 1926 th 9 bil. 197 hlm. 5.
44 Lihat *Pengasuh* 11 September 1927 th 10 bil. 230 hlm. 9. Mengenai jenis perjudian harap dilihat pada muka surat berikut dari buku tesis ini.
45 Lihat *Pengasuh* 27 September 1927 th 10 bil. 231 hlm. 9.
46 Lihat *Idaran Zaman* 20 September 1928 th 4 bil. 38 hlm. 3, sampai bilangan 47 22 November 1928.
47 Lihat *Idaran Zaman* 20 September 1928 th 4 bil. 38 hlm. 3.
48 Lihat *Idaran Zaman* 4 Oktober 1928 th 4 bil. 40 hlm. 1.
49 Lihat *Idaran Zaman* 11 Oktober 1928 th 4 bil. 41 hlm. 3.

judian yang hebat inilah, Abdul Kadir Adabi menulis dalam *Idaran Zaman* bertajuk "Tarikh Tiket di Kelantan".[54] Katanya:

> Kita tidak bermaksud lain dari pada tiket yang membawa kepada merbahaya besar di Kelantan ini. Tarikh tiket ini telah mulai masyhur di Kelantan ini sejak tahun 1918, zaman Sultan Muhamad ke-IV; bermula dari seorang perempuan Sri Panggung 'Makyung' yang terkenal dengan nama "Cik Mah Makyung" seorang yang cantik, pandai menyanyi dan menari diminati oleh orang ramai dan orang besar negeri hingga orang terpikat hati kepadanya. Ramai diantara penonton itu memberi hadiah dan mencampakkan wang ke pentas permainan itu. Lalu timbul fikiran di kalangan tertentu menggunakan Cik Mah ini untuk dijadikan alasan mendapat keuntungan dan permainan itu diadakan di Kota Besar dengan memungut bayaran tiket.
> Harga tiket bagi orang ramai 10 sen sedangkan untuk kanak-kanak separuh bayaran. Untuk menarik penonton dibuat satu cara iatiu di tengah Cik Mah bermain dilemparkan wang dengan demikian menambahkan lagi orang untuk menonton. Sebenarnya wang yang dilemparkan ke pentas itu datang dari pihak tertentu, seolah kelong sahaja.
> Hasil dari penjualan tiket didapat oleh pihak tertentu dan selebihnya diserahkan kepada Cik Mah. Permainan ini dijalankan berminggu lamanya, dari sini timbullah kelaziman setiap permainan makyung menora, wayang Jawa, wayang Siam dan lain-lain diadakan dengan bertiket.
> Kemerbahayaan tiket di Kelantan sekarang ini membawa harta benda dan perubahan dan adabiah.

Begitulah keadaan sekarang ini merbahayanya, ini sangatlah suburnya membawa pada beberapa perkara jenayah dan mal, dalam mahkamah kerajaan Kelantan bertimbun kes dan paper dalam masalah kemiskinan. Pada akhirnya Abdul Kadir Adabi menyeru supaya perkara perjudian ini dihentikan demi menjaga nama baik Al-marhum Sultan Mohamad ke-IV yang tak suka perkara semacam ini berlaku.

Sehubungan dengan pandangan Abdul Kadir Adabi ini, maka tuan Za'ba[55] yang dalam lawatannya ke Kelantan pada 20 September 1928, sempat juga melihat perlagaan lembu dan kerbau di Bung Nilam Puri dimana ia sangat memperhati akan gaya dan gerak lembu dan kerbau itu berlaga satu sama lain. Sewaktu ia hendak balik ke Kuala Lumpur menaiki keretapi di Sungai Golok ia menyatakan secara halus sayugianya perlagaan lembu dan kerbau itu hendaklah dihentikan langsung kerana ia sangat aniaya kepada binatang dan banyak pula mudarat yang terbit dari perlagaan lembu itu.

Bagaimana akibat buruk daripada perkara perjudian di bung perlagaan lembu ini dapat dilihat dalam satu berita "*Idaran Zaman*"[56] yang melaporkan pada 11 September 1928 jam 4.30 petang telah terjadi perkelahian di tempat perlagaan lembu sewaktu orang sedang asyik melihat perlagaan lembu itu di mana empat orang muda Kelantan yang terbilang baik namanya iaitu Nik Hassan, Nik Abdullah, Nik Abdulrahman dan Abdullah telah kena pukul pecah kepalanya. Orang pertama patah hidungnya dan keempat orang itu dirawat di rumah sakit, yang memukul mereka bernama Kundur dan Abdullah kedua-duanya pelaga lembu.

Dengan tulisan Abdul Kadir Adabi tentang perjudian ini agak pedas me-

---

54 Lihat *Idaran Zaman* 18 Oktober 1928 th 4 bil. 42 hlm. 2 sampai 8 November 1928 th 4 bil. 45 hlm. 1.
55 Lihat *Pengasuh* 30 September 1928 th 11 bil. 25 hlm. 7, 8, 9.
56 Lihat *Idaran Zaman* 13 September 1928 th 4 bil. 47 hlm. 2.

rahsia orang yang ada di medan ini duduk ditengah-tengah api yang menyala, jikalau tidak diselar oleh pucuk api pun bahawa panas itu tentu sekali dirasainya, hal ini tak padan dengan kekuatan hati yang tidak sebenar laki-laki tiada harga dirinya masuk ke dalam ini darjat lain daripada semata-mata masuk ke dalam gelanggang merbahaya dan bala ke atas dirinya.
Jurnalis itu opsir, apakala tentera bermegah-megah dengan senjata mengalahkan seterunya, maka kemegahan jurnalis Qalamnya. Dalam adat perang opsir itulah mengetuai perang itu, kalau askar habis lari patut ia melawan terus hingga hilang nyawanya, begitu juga jurnalis hendaklah ia setunggal-tunggal hati dan setetap-tetap laki-laki, jangan terganjak serambut pun dan hendaklah ia mara kehadapan hingga jaya dalam tiap langkah dan jika kemalangan menjadi termudarat kepada jasad atau nyawanya, maka itulah kemalangan di medan kehormatan.

Penentangan Abdul Kadir Adabi dalam masalah perjudian ini tetap dipegang teguh sampai dikemukakan juga dalam novelnya *Acuma Mahkota* yang diterbitkan dalam tahun 1937, dimana ia bercakap melalui tokoh watak pelaku wira Hassan:[60]

Demikian duduklah Hassan disebelah teniat Baginda dan dibawa masuklah biri-biri perlagaan itu ke dalam bung oleh juara itu, yang satu masuk melalui pintu kiri yang seekor lagi masuk melalui pintu kanan, ditengah gelanggang itu binatang yang bisu dan makan alak itu berjuang dengan hebatnya. Pasangan pertama ialah diantara biri-biri bernama Kuning Lanas dengan Anak Kabur, tiap satu-satunya undur jauh kemudian dengan kuatnya berlari-lari menuju kehadapan menempuh di antara kepala dengan kepala dengan kuat dan dahsyat, tempuhan tanduk dengan tanduk itu seperti orang membelah batu, kalau kepala manusia tentulah berhamburanlah otak-otaknya keluar, setiap kali menghendaskan kepalanya maka gegap gempitalah bunyi tempik sorak manusia, dalam saat yang ngeri itu, terparaslah Hassan bahawa yang bertempik sorak itu bukan suara mansuai tetapi laungan gergasi yang ganas dan garang. Kedua binatang kelihatan lesu dan berlumuran darah di kepala yang paling teruk biri-biri Anak Kabur yang akhirnya jatuh terguling di tanah dengan kesakitan sedang Kuning Lanas menyinggung dan berguling-guling di tanah lapang. Gong pun dipalu orang tanda tamat.
Maka alangkah terperanjatnya Hassan rupanya Kuning Lanas itu ialah biri-biri kepunyaan Datuk Perdana Menteri sendiri dan yang kalah itu ialah biri-biri kepunyaan Tengku Jaffar Putera Long Abdul Rahman, Raja Kampung Laut, bahkan Hassan merasa hairan bahawa tidak kurang 17 kali Baginda Long Abdul Rahman bersorak-sorak sekuat-kuat merentak-rentak pahanya ke tempat persemayaman itu boleh menjadi sama gila dengan orang yang bodoh kerana terpengaruh judi persabungan atau perjuangan biri-biri, apalagi jikalau Baginda di hadapan perjuangan gajah dan melihat binatang itu berjuang, barangkali lupalah baginda akan mahkota kerajaannya.

Perkara perjudian ini dilanjutkan pembicaraan dalam novelnya *11 Rajab* terbitan tahun 1938[61] di mana diceritakan Jalal seorang suami dan penipu telah menghabiskan harta isterinya semata-mata untuk mendapat kekayaan dari kemenangan judi, akibatnya menghancurkan tubuhnya dan rumahtangganya sendiri, dan ia menemui ajalnya kerana racun.

Sebagai reaksi beliau atas sikap kerajaan yang tidak membenarkan beliau untuk menjadi seorang penulis petisi, maka pada awal tahun 1929 itu juga ia bersama teman-temannya telah menubuhkan sebuah kelab bernama "Putera Kelab" di mana ia sendiri telah menjadi Yang Dipertua, sedang

60 Lihat *Acuman Mahkota* 18 Mac 1937 dalam majalah Al-Hikmah pada bab ke-14, Undang-undangnya terbuka.

61 Lihat *Al-Hikmah* 24 November 1938 th 5 bil. 219 sampai 30 Mac 1939 th 5 bil. 237.

inci.[69] Menganggapi peristiwa pemukulan ke atas muridnya yang cergas ini, Haji Mohamad bin Haji Mohamad Said (Datuk Laksamana) yang waktu itu menjadi Setiausaha Kerajaan Kelantan, selalu datang memberi pertolongan kepada Abdul Kadir Adabi baik sewaktu dalam hospital mahupun sesudah keluar dari hospital. Bagi Abdul Kadir Adabi sendiri, ia tidak menunjukkan gentar menghadapi cabaran itu. Ia selalu berkata,

> lahirku hanya membawa tangis dan ketawa dengan tangan menggenggam, sekarang aku menangis diatas penderitaan orang ramai dan aku ketawa setelah aku dapat pula berkorban walaupun sedikit demi untuk masyarakat walaupun dengan pembayaran yang paling mahal dan dahsyat.[70]

Sesudah kena pukul Abdul Kadir Adabi terus aktif lagi dan atas desakan 17 orang pelajar-pelajar Madrasah Muhamadiah, beliau ikut serta pula bersama kawan-kawannya seperti Asaad Shukri, Yusuf Hilmi, Encik Hassan Fikri dalam penubuhan persekutuan "Setiawan Belia" pada 1 Oktober 1931. Persekutuan "Setiawan Belia" ini mendapat persetujuan daripada Nik Mustapha Fadhil dan undang-undang perlembagaannya telah digubal oleh dua orang murid Madrasah Muhamadiah, tidaklah diketahui apakah Abdul Kadir Adabi salah seorang daripada orang yang menggubal perlembagaan itu.[71]

Kerana merasa bertanggungjawab atas murid didikannya, lalu pada awal Februari 1932, Haji Mohamad bin Haji Mohamad Said telah mengangkat Abdul Kadir Adabi menjadi penolong pengarang *Pengasuh,* tetapi tidak lama beliau bertugas di sini hanya lebih kurang 2 bulan sahaja kerana pada 1 April 1932 beliau berhenti dan tempatnya diganti oleh Encik Hassan Fikri. Keberhentian Abdul Kadir Adabi sebagai penolong pengarang ini diikuti pula oleh keberhentian Haji Mohamad bin Haji Mohamad Said (Datuk Laksamana) pada 1 Disember 1933 dari jawatan Pengarang *Pengasuh* yang juga sekaligus berhenti pula dari jabatannya sebagai Setiausaha Kerajaan.[72]

Abdul Kadir Adabi tidak hanya menulis tentang masalah dalam negeri semata, tetapi juga masalah luar negeri, misalnya masalah kerajaan Turki Muda yang memisahkan agama dari negara, masalah Hoakiau di Indonesia yang menghina umat Islam di sana, masalah penjajahan Perancis di Afrika. Mengenai masalah Turki Muda ini Abdui Kadir menyatakan:[73]

> bangsa Melayu sejak turun-temurun memandang tinggi kepada kerajaan Turki yang dikatakan kerajaan Islam, tetapi dengan gelagat Turki Muda sekarang saya menyeru supaya ahli-ahli di bidang agama seperti Tuan Abdul Wahab Al-Falfani, Abdul Malik, Dabus dan Sayid Syeikh dan lain-lain tolong memberi penjelasan keadaan yang berlaku di Turki sekarang.
>
> 1. Apakah Turki Muda sekarang ini tidak memisahkan agama dari kerajaan dan bangsa, apakah dalilnya.
> 2. Apakah yang demikian terbitnya dari suratkhabar yang ditulis oleh seteru Turki.

69 *Ibid.*
70 *Ibid.*
71 Lihat "Riwayat Hidup Asaad Shukri" *op. cit.*
72 Lihat *Pengasuh* 8-2-1934 th 17 bil. 440 hlm. 16.
73 Lihat *Pengasuh* 20 Mei 1926 th 11 bil. 246 hlm. 10, 11.

bangunnya umat Islam dan segala kejahatan yang berlaku di sekitar orang-orang Islam seperti di Tripoli dan lain-lain adalah tanggungjawab mereka dan kepada sekalian orang Islam wajiblah sedar dan tutuplah sebarang peluang kepada musuh-musuh Islam jangan sampai terbuka.

Sesudah berhenti dari menjadi penolong pengarang Pengasuh, Abdul Kadir Adabi bekerja dengan majalah Al-Hikmah mulai bulan April 1934. Semasa ia berkerja di majalah Al-Hikmah ini banyak pula ia berkenalan dengan orang-orang luar negeri antaranya; dengan Syeikh Amin Al-Hasri Al-Azhari dan Tengku Mustafa Ali Aceh keduanya dari Mesir yang datang ke Kota Bharu untuk lawatan meninjau.[77] Melalui majalah *Al-Hikmah* ini beliau banyak menulis makalah-makalah dan novel, di antara isi dari makalah itu membentangkan perkara-perkara berkenaan politik Tanah Melayu dan keadaan sosial di Kelantan yang dapat dicerminkan dalam novelnya.

Tak banyak yang dapat diketahui isi makalahnya dalam *Al-Hikmah* yang bersifat khusus mengkritik kepincangan di Kelantan, kerana mungkin beliau menggunakan nama samaran, namun begitu beliau tetap tidak disukai oleh pihak tertentu di Kelantan; akibatnya ia telah dipukul pula untuk kedua kalinya dan ini berlaku pada hari Rabu 18 Mac 1936 3.10 petang di tengah-tengah bandar Kota Bharu. Sambil memukul si tukang pukul itu berkata "nah rasakan ini, mu hendak mengarang sangat suratkhabar" dan pada pukulan terakhir si tukang pukul itu berkata pula "hamba ini hanya disuruh orang".[78]

Semua tentangan fizikal itu tidaklah menggerunkan hatinya untuk bergerak lebih cergas lagi bukan sahaja di negeri Kelantan tetapi juga sampai di luar batas Kelantan. Dalam tahun 1939 ia pergi ke Trengganu, bahkan ia sering pula menjelajah ke seluruh Tanah Melayu untuk berbincang dengan tokoh pergerakan di Tanah Melayu. Dalam novelnya "Melati Kota Bharu" banyak kita dapati watak Abdul Rahman yang menjelajah seluruh Tanah Melayu dan bersahabat dengan orang-orang Indonesia, Jepun dan China bagi menguatkan cita-cita politik kebangsaannya. Mungkin nama Abdul Rahman digunakan sebagai nama kiasan bagi watak Abdul Kadir Adabi sendiri.[79]

Peranan yang dimainkan oleh Abdul Kadir Adabi dalam masa akhir tahun tiga puluhan dapat dilihat dari karangannya yang membicarakan tentang soal sentralisasi, desentralisasi dan tentang kedudukan orang asing di Tanah Melayu yang mendesak kedudukan ekonomi orang Melayu. Maka untuk mengatasi masalah-masalah itu Abdul Kadir Adabi telah membincangkan tentang pembukaan Persatuan Melayu Semenanjung, Persatuan Ulama Semenanjung, Persatuan Wartawan Semenanjung. Di Kelantan sendiri pada 10 Februari 1939 telah diadakan musyawarah penubuhan Persatuan Melayu Semenanjung yang dipengerusi oleh Nik Mohamad Salleh bin Omar.[80]

---

77 Lihat *Al-Hikmah* 20 Ogos 1934 th 1 bil. 15 hlm. 6.

78 Lihat "Kembang Tak Layu" *op. cit.*

79 Lihat "Melati Kota Bharu" dalam Al-Hikmah mulai bil. 272, 2 November 1930 th 6 sp. 20 Jun 1940 th 7 bil. 301.

80 Lihat "Dari Kelab ke Organisasi Politik" oleh Abd. Rahman Al-Ahmadi, Fail Ensaiklopedia Budaya Kem. Kebudayaan Belia dan Sukan Kuala Lumpur.

Almarhum Al-Fadhil Al-Haj En. Mohamad bin Said, Al-Fadhil Tuan Haji Ahmad Mahir dan Al-Fadhil Haji Nik Daud yang telah bersungguh memahamkan dan menghuraikan kandungan kitab-kitab ilmu pengetahuan yang berkenaan dengan Perkumpulan.

Menjelang kedatangan Jepun ke Tanah Melayu, Abdul Kadir Adabi giat berhubung dengan tokoh politik Ibrahim Yaakob dan Ishak Hj. Muhamad, pada 25 April 1939 datang ke Kota Bharu Kelantan sebagai wakil akhbar Utusan Melayu yang dicadangkan akan keluar di Singapura tidak lama lagi,[83] sementara itu Ibrahim Hj. Yaakob pula dalam tahun 1940 sering ke Kota Bharu[84] antara lain untuk mencetak bukunya *Melihat Tanahair* yang diterbitkan tahun 1941 oleh Mutbaah Al-Ismailliah No. 2723 Jalan Tok Hakim Kota Bharu. Ibrahim Hj. Yaakob pernah dibawa ke Patani dalam tahun 1940 oleh seorang kenalan Abdul Kadir Adabi bernama Abdul Rashid.[85]

Dalam tahun 1940 ini juga Ibrahim Yaakob telah mengadakan pertemuan dengan Abdul Kadir Adabi di Dungun, Trengganu, memperkatakan bahawa jika Abdul Kadir Adabi ke Singapura pada bulan Mei 1940 diharap beliau (Abdul Kadir Adabi) berjumpa dengan Isikawa yang berkenalan dengan Domei dan Konsul-General Jepun di Singapura.[86]

Dalam tahun 1940-an Abdul Kadir Adabi pernah menceritakan kepada seorang kenalan yang rapat dengannya di Kota Bharu bahawa beliau dalam tahun 1940[87] itu telah pergi ke Tokyo untuk sesuatu urusan perniagaan, walaupun kehadiran Abdul Kadir Adabi di Jepun bersifat cerita lisan, namun pihak Kesatuan Melayu Muda melalui Onan Haji Siraj telah mempropagandakan bahawa Kesatuan Melayu Muda telah membuat perjanjian dengan Jepun tentang kemerdekaan negeri Melayu; perjanjian telah dibuat di Bangkok dan ditandatangani oleh Abdul Kadir Adabi, bagi pihak Kesatuan Melayu Muda.[88]

Dekat dengan serangan Jepun ke atas Tanah Melayu pernah terjadi seorang utusan dari Kota Bharu pergi ke Singgora Siam Selatan, untuk menyampaikan surat rahsia kepada seorang Mejar Jepun bernama Fujiwara Kokan; surat itu dari Ibrahim Yaacob.[89]

Kegiatan Kesatuan Melayu Muda di Kelantan sebelum Perang Dunia II tidaklah terang-terangan, tetapi melalui Setiawan Belia yang bergerak secara kegiatan sastera dan ceramah ilmiah, dimana dapat dilihat peranan Abdul Kadir Adabi.[90]

Pada awal tahun 1942 Jepun telah memulai pentadbiran tenteranya di Kelantan dan telah mencari Abdul Kadir Adabi dan Asaad Shukri untuk

---

83 Lihat *Pengasuh* 27 April 1939 th 6 bil. 241 hlm. 20.

84 Lihat *Al-Hikmah* 12 September 1940 th 7 bil. 313 hlm. 19 dan 19 September 1940 bil. 314 hlm. 19.

85 Lihat ceramah Ibrahim Haji Yaakob di Universiti Kebangsaan Malaysia 1973.

86 Keterangan diperolehi dari Ibrahim Yaacob. Interview dirumahnya di Jakarta pada 3 Oktober 1976.

87 Keterangan dari Haji Ismail bin Sulaiman berumur ±65 tahun, Manager Saw Mill Pasir Mas, interview pada 27 Februari 1977.

88 Lihat Abdul Jalil bin Ahmad *"Riwayat Kinta"* terbitan Pustaka Rusna, Kuala Lumpur hlm. 95 dan 96.

89 Surat itu dibawa oleh Paksu Leh termasuk keluarga penulis sendiri yang tinggal di Kubang Pasu Kota Bharu, sekarang berumur ±70 tahun. Sebelum perang dunia II rumahnya adalah selalu menjadi tempat persinggahan Encik Ishak Hj. Mohamad dan Ibrahim Haji Yaacob.

90 Lihat "Setiawan Belia" Abd. Kadir Adabi dalam tahun 1939 telah menyatakan perlunya satu persatuan Melayu Semenanjung ditubuhkan.

untuk pulang. Abdul Kadir Adabi pulang juga ke Pantai Timur tetapi hanya sampai di Kuala Trengganu sahaja, disini ia menerbitkan pula majalah *Cahaya Timur* bersama-sama dengan Muhamad Salleh bin Haji Awang/Misbaha dan Ibrahim Fikri.

Tidak lama ia di Kuala Trengganu ia meninggal dunia pada 24 Februari 1944[99] kerana penyakit kuning.[100] Sebagai penyambung kepada cia-cita Abdul Kadir Adabi, maka pada akhir tahun 1969 oleh sekumpulan siswazah[101] Universiti Malaya dan Universitas Gajah Mada, Indonesia telah mendirikan sebuah kolej dengan nama Maktab Adabi di Kota Bharu Kelantan. Kolej ini bertarafkan pendidikan menengah rendah dan atas. Sejak dibuka sampai sekarang, Maktab Adabi telah berkembang dan mempunyai cabangnya di Pasir Mas (Kelantan), Kuala Trengganu, Kuantan (Pahang), Alor Setar (Kedah), Muar (Johor) dan Bukit Mertajam (Pulau Pinang). Selain daripada itu Maktab Adabi mempunyai pula Maktab Adabi Gaya Pos di Kuala Lumpur dan sebuah penerbitan Adabi Kuala Lumpur. Ada kemungkinan Maktab Adabi akan mengembangkan sayapnya ke Sarawak dan Sabah. Pada masa ini jumlah pelajar Adabi seluruhnya lebih kurang 10 ribu orang.

---

99 Surat Mansur Adabi di Singapura kepada Encik Mohamad Yusuf Al-Yubi bertarikh 8 Disember 1969.

100 Keterangan dari Encik Ibrahim Affendi.

101 Penulis sendiri adalah satu-satu siswazah Universitas Gajah Mada, Indonesia yang tergabung dalam kumpulan mendirikan Maktab Adabi itu dan telah diangkat menjadi pengetua (Direktur) pertama Maktab Adabi Kota Bharu tahun 1970/72 dan Maktab Adabi Pasir Mas 1972—1974.

awal tahun 1956 berkhidmat sebagai guru agama di Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu dan dari tahun 1962 hingga sekarang sebagai guru agama di sekolah rendah di Kelantan. Sejak dari kecil lagi sangat gemar membaca dan kemudian menyelidik, mengkaji dan menulis. Beliau meminati pelbagai bidang ilmu seperti agama Islam, sejarah, politik, astronomi, falsafah, ilmu jiwa dan budaya. Disamping menulis beliau juga giat dalam bidang penterjemahan dengan menterjemah ke bahasa Melayu sejumlah buku Arab yang berkaitan dengan ilmu-ilmu politik, falsafah, sejarah, jiwa, dan astronomi. Telah banyak menulis rencana-rencana dan esei-esei mengenai aspek-aspek agama Islam, politik, falsafah, sejarah, astronomi dan kebudayaan yang disiarkan di dalam majalah-majalah tempatan seperti "Pengasuh", "Majalah Kelantan", dan "Mastika"; akhbar-akhbar seperti "Warta Negara", "Utusan Melayu" dan "Utusan Zaman"; dan jurnal-jurnal seperti "Jurnal Persatuan Sejarah Kelantan" dan lain-lain lagi. Dari tahun 1956 hingga sekarang telah menerbitkan sebanyak 7 buah buku bacaan umum mengenai aspek-aspek ekonomi, astronomi, agama dan falsafah, dan kira-kira 14 buah buku teks sekolah mengenai pengajian agama Islam dan sejarah Islam. Disamping itu beliau telah menyediakan atau menulis sebanyak 30 buah lagi buku mengenai sejarah, agama Islam dan falsafah yang belum dicetak. Masih giat dengan pengkajian dan penulisan mengenai sejarah dan budaya Kelantan.

Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh

Dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1935. Belajar di Sekolah Melayu Padang Garong; Sekolah Arab Islah; Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu; Maktab Melayu, Kuala Kangsar; dan Universiti Malaya di Singapura dengan mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan sejarah (B.A. Hons in History) pada awal tahun 1960. Kemudian mendapat Diploma dalam Hubungan Antarabangsa daripada Institute of Social Studies di The Hague, negeri Belanda pada tahun 1970. Pada tahun 1960 memasuki Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia dan pernah berkhidmat di Perak, Kelantan dan Kuala Lumpur. Dari awal tahun 1966 hingga awal tahun 1981 berkhidmat di Kementerian Luar Negeri dan Jabatan Perdana Menteri. Sejak dari Mac 1981 memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri. Salah seorang pengasas Persatuan Sejarah Kelantan (PSK) dalam tahun 1964, menjadi Setiausaha Kehormat PSK dari tahun 1964 hingga 1965. Sejak dari tahun 1981 menjadi ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur dan sejak dari tahun 1979 menjadi ahli Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan pada tahun 1983 dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Telah menulis beberapa rencana mengenai sejarah Kelantan dalam beberapa majalah, jurnal dan juga akhbar tempatan.

— 9 MAR. 1994